PEMIKIRAN
TUN RAZAK
TENTANG
Bahasa·Sastera·Budaya

DISELENGGARAKAN OLEH

A.KARIM HAJI ABDULLAH

PEMIKIRAN TUN RAZAK TENTANG BAHASA-SASTERA-BUDAYA

PEMIKIRAN TUN RAZAK TENTANG BAHASA - SASTERA - BUDAYA

diselenggarakan oleh
A. KARIM HAJI ABDULLAH

dengan kata pengantar
oleh
Sasterawan Negara
KAMALUDIN MUHAMMAD (KERIS MAS)

DEWAN PERSURATAN MELAYU PAHANG
(Cawangan Kuala Lumpur)
1987

Diterbitkan oleh

BIRO PENERBITAN DEWAN PERSURATAN MELAYU PAHANG
CAWANGAN KUALA LUMPUR.
73, Jalan Datuk Aziz 14/29
46100, Petaling Jaya.

Cetakan Pertama 1987
© Hakcipta Penyelenggara

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Yang Di Pertua Dewan Persuratan Melayu Pahang.

Rencana Kulit — Basyuni Haji Sumrah

Diatur huruf — Printers & Typesetters

Pengedar Tunggal
ARA ENTERPRISES
70, Jalan Bukit Ubi,
25200, Kuantan Pahang Darulmakmur.
Tel: 09 - 503390

Dicetak di Malaysia oleh
Percetakan Sri Nakhoda
77, Jalan 17, Desa Jaya,
Kepong, Selangor.

Harga $8.00

PENDAHULUAN

Dalam sebuah ucapannya ketika menyampaikan hadiah karya sastera 1974, Allahyarham Tun Razak antara lain berkata ''meskipun lazimnya saya lebih sibuk dengan soal-soal negara sebagai seorang politik tetapi ini tidaklah mengurangkan minat saya kepada bidang kesusasteraan dan kebudayaan. Kita semua maklum kehidupan politik kita tidak akan bermunafaat kalau kemajuan dalam lapangan kebudayaan tidak seimbang dengan kemajuan dalam lapangan lain''.

Demikian antara lain pemikiran Allahyarham Tun Razak tentang pentingnya soal-soal kebudayaan dalam usahanya menjadikan negara ini sebuah negara yang progresif, moden dari segi pembangunan fizikal dan pembangunan rohaniah untuk kesejahteraan rakyat.

Sebenarnya Allahyarham Tun telah memikirkan soal-soal kebudayaan dan kesusasteraan ini semenjak tahun 1940'an lagi. Di dalam majalah tahunan Maktab Melayu Kuala Kangsar, *The Malay College Magazine* keluaran tahun 1940 terdapat sebuah karangan yang bertajuk *''Belia -belia Melayu dengan persuratan''* yang ditulis oleh seorang bernama A. Razak bin Husin. Pada masa itu A. Razak menjalani latihan setahun di maktab tersebut untuk menjadi Pegawai Tadbir Melayu. Tetapi lima belas tahun kemudian A. Razak bin Husin inilah yang menjadi Menteri Pelajaran yang pertama bagi Persekutuan Tanah Melayu sehinggalah beliau dilantik menjadi Perdana Menteri Yang Kedua bagi negara Malaysia. Pada 14hb. Januari, 1976 Tun Abdul Razak meninggal dunia di London dan jenazahnya dibawa pulang untuk disemadikan di Makam Pahlawan di perkarangan Masjid Negara.

Karangan beliau di dalam majallah The Malay Collage itu mengandungi tiga halaman. Tetapi di dalam karangan yang

padat itu, penulisnya telah memberikan pandangan dan pemikiran beliau tentang sikap belia-belia Melayu yang berpendidikan Inggeris terhadap bahasanya sendiri dan beliau menyeru supaya belia-belia Melayu mengambil berat tentang bahasa dan persuratan Melayu, ''Untukkanlah masa pada tiap-tiap hari, walaupun sekejap, bagi membaca-baca atau menulis atau menyiasat bahasa Melayu kita. Kemudian hari kelak tahulah tuan-tuan bagaimana rupanya bahasa Melayu yang dikatakan ada kecantikannya itu,'' katanya (lihat lampiran A).

Ternyata berdasarkan esei beliau itu, memperlihatkan bahawa Allahyarham Tun Razak telah memikirkan masalah bahasa, buku-buku dan majallah Melayu, suratkhabar dan wartawan-wartawan Melayu dan maruah bangsa semenjak tahun 1940 lagi.

Buku ini merupakan koleksi ucapan dan ceramah beliau yang menyentuh soal-soal bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan Melayu semenjak Allahyarham Tun menjadi Menteri Pelajaran sehinggalah beliau menjadi Perdana Menteri.

Di zaman Tun Razak juga berlaku peristiwa-peristiwa penting dan bersejarah seperti Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu ke Tiga, Kongres Kebudayaan Melayu Pertama di Melaka, Menandatangani Perjanjian Persahabatan Malaya - Indonesia, Kongres Kebudayaan Kebangsaan, Tertubuhnya Universiti Kebangsaan Malaysia, Pelancaran Sistem Ejaan Baru Malaya — Indonesia, Peraduan mengarang novel 10 tahun merdeka, penyampaian hadiah karya sastera dan lain-lain peristiwa yang penting dalam sejarah perkembangan dan kemajuan bangsa kita yang merdeka ini.

Semasa menjadi Menteri Pelajaran yang pertama, Allahyarham Tun telah merapatkan dirinya dengan ahli-ahli bahasa, budayawan dan sasterawan dari Malaya, Singapura, Brunei dan Indonesia apabila beliau diberi penghormatan merasmikan pembukaan Kongres bahasa dan persuratan Melayu ke tiga yang diadakan di Johor Bahru pada tahun 1956. Waktu merasmiikan kongres tersebut Tun antara lain berkata, ''Kongres ini bersidang dimasa yang bersejarah di dalam perjalanan persuratan dan bahasa Melayu. Oleh itu kongres ini

mempunyai tanggungjawab yang berat bagi mendatangkan syor-syor yang sebenar-benarnya berguna dan berfaedah serta dikehendaki oleh rakyat jelata bagi melaksanakan perkembangan dan kemajuan bahasa Melayu.''

Dari kongres yang bersejarah itulah lahirnya Dewan Bahasa dan Pustaka, yang sedang menjalankan tugas memikul amanah Kongres itu.

Semasa merasmikan kongres Kebudayaan Melayu Yang Pertama pada tahun 1957 — satu-satunya kongres yang di adakan selepas Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan — Allahyarham Tun telah memberikan pemikirannya tentang kebudayaan. Katanya ''Tidaklah sesiapa pun dapat menafikan bahawa kebudayaan itu adalah mengambil peranan yang penting di dalam kehidupan sesuatu bangsa, kerana kebudayaan itulah yang dapat menilaikan bagaimana tinggi atau rendahnya mutu tamadun dan budi pekerti bagi sesuatu bangsa di atas dunia ini. Kita patutlah berasa sombong dan bangga bahawa bangsa kita tidaklah miskin di dalam kebudayaannya dan dengan itu dapatlah sekalian bangsa di atas dunia ini menilaikan bagaimana tingginya mutu bangsa kita yang memang telah mashyor dari semenjak zaman berzaman. Saya berani berkata bahawa Kebudayaan Melayu dapat ditanding dengan kebudayaan-kebudayaan bangsa lain, dan hal ini ternyata jika diadakan pertunjukan kebudayaan di antara bangsa-bangsa. Pada masa kita mengadakan sambutan beberapa bulan yang lepas, bangsa-bangsa lain yang telah datang menyaksikan bermacam-macam kebudayaan bangsa kita itu telah memandang tinggi akan adat resam dan kebudayaan bangsa kita.''

Salah satu peristiwa yang bersejarah yang disertaikan oleh Allahyarham Tun semasa beliau memangku jawatan Perdana Menteri dalam tahun 1959 ialah upacara menandatangani perjanjian persahabatan Malaya — Indonesia. Beliau mewakili kerajaan Persekutuan Tanah Melayu manakala Indonesia diwakili oleh Perdana Menteri Juanda. Di majlis yang bersejarah itu Tun dalam ucapannya menyatakan ''Tidaklah dapat sesiapa pun menafikan bahawa kita ialah umat yang mempunyai darah

dan keturunan yang satu yang telah diceraikan akibat dari perkembangan sejarah. Kami sentiasalah memerhati dari jauh segala langkah dan kemajuan yang dibuat oleh saudara-saudara kami di Indonesia itu dan kami sentiasalah mendapat semangat dan perangsang dari saudara-saudara yang kami sifatkan sebagai saudara tua kami itu dalam perjuangan kami kerana menebus kedaulatan bangsa dan negara.''

Berucap dalam satu pertemuan dengan penulis-penulis di Pulau Pinang dalam tahun 1966, Allahyarham Tun memberikan pandangannya tentang peranan sasterawan. ''Sasterawan adalah propagandis zamannya, manusia dan dunia dalam zamannya, dia melukiskan dan menggambarkan cita-cita hasrat dan perasaan masyarakat sekelilingnya dalam satu-satu ketika dan satu-satu saat yang bersejarah dan yang mengandung erti kepada penghidupan manusia kita telah menjadi ''interpreter'' atau pelukis zaman sekarang, zaman pembangunan bangsa dan negara?''

Penulis-penulis, tegas Tun, mestilah mengerti saat (moments) sejarah yang sedang dilalui oleh rakyat dan negaranya dan mempernyatakan kekaguman dan keharuan saat sejarah itu dalam bentuk cerita pendek dan novel yang indah, yang mengandung nilai sastera dan seni. Tuan-tuan dan puan-puan tentulah sedar bahawa kita sekarang hidup dalam zaman yang amat bersejarah, kejadian-kejadian dalam tanahair kita sekarang besar ertinya dari segi sejarah.

Empat belas tahun selepas beliau merasmikan Kongres Kebudayaan Melayu Yang Pertama di Melaka Tun juga diberi kesempatan merasmikan Kongres Kebudayaan Kebangsaan pada tahun 1971 di Dewan Tungku Canselor. Di dalam ucapan perasmiannya Tun memberikan pandangan yang luas terhadap penyediaan bagi pembentukan Kebudayaan Kebangsaan, katanya .... nenek moyang bangsa kita yang mendiami rantau Nusantara ini meninggalkan pusaka kebudayaan yang kaya raya dan tinggi mutunya. Maka itu, sudah sewajarnya kita menerima gagasan bahawa kebudayaan kebangsaan yang sedang dibentuk dan dicorakkan itu hendaklah berlandaskan kebudayaan rakyat asli rantau ini. Bagaimanapun, patutlah juga kita mengambil

unsur-unsur kebudayaan yang datang ke rantau ini dan membawa pengaruh-pengaruh yang bermanafaat dapat menyegarkan dan menentukan corak kebudayaan Malaysia bagi masa hadapan. Namun, haruslah diingat, dalam mencari bentuk dan menentukan corak kebudayaan kebangsaan, kita tidaklah melupakan hakikat masyarakat kita yang berbilang bangsa — 'the reality of our multi-racial society'. Kita hendaklah sentiasa berpandu kepada cita-cita membentuk satu negara di mana rakyatnya dari berbagai kaum dan golongan dapat dijalin dalam satu ikatan yang padu. Saya percaya selagi kita sedar dan insaf akan hakikat ini, kita tidak akan mengelencung dari matlamat mendirikan bangsa yang bersatu.''

Semasa berucap merasmikan Seminar Kesusasteraan Nusantara di Balai Seminar Dewan Bahasa Tun memberikan pandangannya terhadap usaha-usaha memajukan Bahasa Malaysia dalam hubungannya untuk membina negara yang bersatu padu. Kata Tun ''dalam usaha kita membina negara yang bersatu padu serta menentukan national identity sendiri, sudah tentulah tugas penulis hari ini lebih berat dari masa-masa yang lampau. Penulis hari ini hidup dalam suatu zaman yang jauh lebih kompleks di mana berbagai-bagai masalah dan keperluan-keperluan hidup manusia moden menghendaki perhatian dan juga huraiannya. Sistem hidup manusia moden memerlukan approach dan solution yang moden pula. Disebabkan oleh kemajuan pelajaran dan ilmu pengetahuan, masyarakat pembaca hari ini lebih kritis dan sophisticated dari masyarakat pembaca satu generasi terdahulu dan sebelumnya. Kemajuan bahasa Malaysia bukan sahaja akan dapat memperkayakan lagi sastera yang tertulis dalam bahasa Malaysia di negara kita tetapi juga akan melahirkan cabaran-cabaran baharu bagi penulis-penulis moden. Bilangan pembaca dalam bahasa Malaysia dari kalangan bukan Melayu akan bertambah ramai dan lama kelamaan keadaan ini akan mempengaruhi aliran satu corak perkembangan sastera nasional.''

Demikianlah beberapa petikan dari ucapan-ucapan Allahyarham Tun Razak yang memperlihatkan betapa beliau mengambil berat tentang soal-soal bahasa , kesusasteraan dan

kebudayaan.

Sebagai Menteri Pelajaran pertama Tun Razak telah melancarkan konsep Sistem Pendidikan Kebangsaan yang telah mengasaskan penyatuan rakyat melalui pelajaran. Langkah ini bermula dengan cadangan-cadangan yang terkandung di dalam Jawatankuasa Pelajaran 1955 (yang kemudiannya dikenali sebagai Jawatankuasa Pelajaran Razak 1956) yang dibentuk dengan tujuan untuk "…. menubuhkan suatu peraturan pelajaran kebangsaan" di negara ini, dan mempunyai matlamat untuk:

"… menyatukan budak-budak daripada semua bangsa di dalam negeri ini dengan memakai satu peraturan pelajaran yang meliputi semua bangsa dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang besar, walaupun perkara ini tiada dapat dilaksanakan dengan serta merta melainkan hendaklah diperbuat dengan beransur." (Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956, perenggan 12)

Di samping sumbangan dan peranan beliau sebagai Menteri Pelajaran, Tun juga telah memainkan peranan yang penting dalam beberapa portpolio lain seperti Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Menteri Pertahanan dan beberapa jawatan yang lain. Allahyarham Tun Razak telah memainkan peranan yang penting dalam meletakkan asas-asas yang kukuh di dalam pembangunan negara dalam hampir semua bidang. Beliau merupakan nadi utama dalam bidang politik, ekonomi, sosial dan budaya negara Malaysia menuju kematlamat sebagai sebuah negara moden dan progresif.

Selama hampir 25 tahun menjadi pemimpin Allahyarham Tun telah berkhidmat dan berjuang tanpa jemu untuk kemakmuran dan kesejahteraan rakyat. "Impian agung Tun ialah sebuah Malaysia yang padu, rakyatnya bersatu, bertindak serentak, bekerja seiring ke arah keadilan sosial bagi seluruh rakyat Malaysia," demikian satu petikan dari akhbar Straits Times.

Dalam usaha saya mengumpulkan ucapan-ucapan dan ceramah beliau untuk isi buku ini maka saya hanya telah dapat mengumpulkan sebanyak 17 ucapan-ucapan beliau mengenai

soal bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan. Barangkali ada lagi ucapan-ucapan beliau yang terlepas dari pengetahuan saya. Namun demikian ucapan-ucapan beliau yang terkumpul di dalam buku ini sudah cukup memperlihatkan tentang sikap, pendirian dan pemikiran beliau tentang soal-soal tersebut.

Saya harap buku ini berguna sebagai satu bahan dokumentasi bagi setiap rakyat yang suka menghayati pemikiran Allahyarham Tun terutama sekali pada angkatan baru yang akan membuat kajian ilmiah pada masa akan datang.

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan saya kepada pihak Arkib Negara Malaysia, pihak perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka dimana tempat saya mencari ucapan-ucapan Allahyarham Tun yang banyak tersebar dalam berbagai-bagai penerbitan. Terima kasih juga saya tujukan kepada Sasterawan Negara Kamaludin Muhammad (Keris Mas) yang telah sudi menulis sebuah kata pengantar untuk buku ini. Rakaman penghargaan dan terima kasih kepada Sasterawan Negara Dr. Usman Awang dan Saudara Ahmad Kamal Abdullah (Kemala) kerana petikan sajak-sajak mereka untuk melengkapkan buku ini, kepada YM Tengku Alauddin b. Tengku Abd. Majid, Yang Di Pertua Dewan Persuratan Melayu Pahang (DPMP), yang memberikan kata sambutan, kepada Puan Aishah Abdullah yang membantu membaca pruf, kepada saudari Juliana bt. Hj. Badri, yang membantu menaip menuskrip buku ini dan kepada tenaga pekerja ABC Phototypesetting Centre, yang memberikan khidmat segera dan akhirnya kepada setiap orang yang memberikan kerjasama dan sokongan moral sehingga buku ini dapat diterbitkan.

A. Karim Haji Abdullah — 30hb. September, 1987

KATA-KATA SAMBUTAN

Dewan Persuratan Melayu Pahang (DPMP) sesungguhnya berasa gembira kerana dapat menerbitkan sebuah buku yang diberi nama 'Pemikiran Tun Razak tentang bahasa, sastera dan budaya', yang merupakan koleksi pandangan dan pendapat Allahyarham Tun Abdul Razak, negarawan Malaysia yang ulung. Buku ini telah diusahakan oleh Saudara A. Karim Haji Abdullah, salah seorang anggota pengasas Dewan Persuratan Melayu Pahang tahun 1957.

Memang kita tidak dapat menafikan bahawa Allahyarham Tun Razak telah banyak memberikan pemikirannya mengenai bahasa, sastera dan budaya semenjak beliau menjadi Menteri Pelajaran sehinggalah beliau meninggal dunia dalam tahun 1976 sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kedua. Pemikiran dan pendapat beliau itu dilahirkannya melalui pidato-pidato beliau di dalam sesuatu peristiwa bahasa, sastera dan budaya. Dan pidato-pidato Allahyarham itulah yang menjadi isi buku ini yang telah diusahakan pengumpulannya oleh Saudara A. Karim Haji Abdullah. DPMP mengucapkan tahniah dan syabas kepada penyelenggara buku ini sehingga dapat terbit sebagai sebuah buku dan dokumentasi yang berguna.

Sebagaimana kita sedia maklum bahawa Allahyarham Tun Razak terkenal sebagai seorang pemimpin yang banyak menumpukan perhatiannya kepada soal-soal pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat. Tetapi sebagai seorang nasionalis, Tun Razak juga tidak ketinggalan memikirkan soal-soal perkembangan dan kemajuan bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan bagi negara ini. Tun amat menyedari bahawa pembangunan fizikal mestilah seimbang dengan pembangunan rohaniah. Allahyarham Tun pernah menegaskan, "saya berusaha memperseimbangkan dan menstabilkan kehidupan bangsa kita

dalam semua lapangan. Kehidupan material dan kehidupan budaya sebaik-baiknya hendaklah maju sama serentak kerana kedua-dua itu sangkut menyangkut satu dengan yang lain''.

Sesungguhnya memang banyak lagi lapangan-lapangan pembangunan negara yang telah diusahakan oleh Tun Razak yang perlu dibuat kajian, walaupun kita tahu buku mengenai peranan Tun dalam politik belum begitu banyak lagi diterbitkan. Kita senantiasa mengalu-alukan kajian dan penyelidikan mengenai peranan Tun Razak dalam berbagai-bagai bidang itu supaya dapat dipelajari dan dikaji oleh generasi akan datang.

Sebagai Yang Di Pertua DPMP saya harap buku ini mendapat sambutan dan perlu dimiliki oleh setiap aktivis budaya, dan setiap orang yang suka menghayati pemikiran negarawan ulung kita itu.

Perlu disebutkan di sini bahawa DPMP juga mempunyai rancangan untuk mengkaji tentang tokoh-tokoh penting di Negeri Pahang ini supaya dapat dijadikan sebuah buku untuk dibaca dan diketahui oleh anak cucu kita di masa akan datang. Kisah-kisah tokoh-tokoh terkenal dan terbilang di negeri ini perlu dirakam dan diabadikan untuk generasi akan datang.

Tun Razak telah meninggalkan kita buat selama-lamanya. Tetapi pemikiran Allahyarham itu hidup sepanjang zaman. Memang benar kata-kata yang baik itu tidak terikat oleh waktu. Bangsa yang besar ialah bangsa yang tahu menghargai perkhidmatan putera-puteranya yang berjasa. Dan diharap dengan penerbitan buku ini dapat diterima sebagai salah satu usaha kami mengenang jasa-jasa Allahyarham Tun Razak, yang jasa dan namanya tetap terukir di langit sejarah tanahair.

—TENGKU ALAUDDIN BIN TENGKU ABDUL MAJID
Yang Di Pertua
Dewan Persuratan Melayu Pahang.

KATA PENGANTAR

Kebanyakan negarawan dan cendekiawan berpendapat bahawa soal kewujudan dan pertumbuhan kebudayaan dapat lahir dan tumbuh serta selesai dengan sendirinya apabila wujud kestabilan politik, perkembangan ekonomi dan kesejahteraan sosial. Manusia berbudaya dan seterusnya berkesenian kerana adanya kondisi hidup yang tenteram, aman dan sejahtera. Dalam kondisi seperti itulah terbentuknya tamadun. Dan kebudayaan adalah pelengkap untuk kesempurnaan sebuah tamadun. Bahawa bahasa merupakan unsur penting dalam pembentukan kebudayaan nasional kerana bahasa itu merupakan alat komunikasi yang menghubungkan dan merapatkan kelompok manusia yang hidup bersama dalam satu masyarakat atau negara, juga dianggap suatu perkara yang dapat tumbuh dan berkembang serta selesai dengan sendirinya bila wujud perkembangan ekonomi dan kesejahteraan sosial serta kestabilan politik. Maka kerana itu, kerana pandangan seperti itu, infrastruktur untuk perkembangan kebudayaan dan bahasa kebangsaan dianggap masalah kedua pentingnya. Masalah yang diutamakan ialah ekonomi, politik dan sosial.

Almarhum Tun Razak mengambil sikap yang lain. Dia tidak sekadar cendekiawan yang kaya ilmu dan teori, lebih dari itu, dia seorang negarawan tulen yang berwibawa sebagai pemimpin dan pelaksana yang amat tegas. Dalam tangannya kuasa politik dipergunakan sepenuhnya untuk merealisasikan tujuan dan matlamat wujudnya sebuah negara. Dia membuat keputusan dengan bijaksana berdasarkan kebenaran sejarah masa lampau, suasana dan keadaan masa kini dan matlamat serta aspirasi bangsa dan negara masa depan. Maka dalam hubungan kebudayaan dan bahasa kebangsaan dia tidak berhenti pada titik teori kewujudan dan pertumbuhan saja. Dia

melihat lebih jauh dan bertindak lebih tegas ke dalam unsur-unsur fungsi kewujudan kebudayaan itu dalam tubuh sebuah negara yang baru merdeka. Dia melihat betapa sebuah bangsa baru yang terdiri dari berbagai kebudayaan dan bahasa perlu digembeling menjadi satu bangsa yang bersatu-padu melalui fungsi satu bahasa kebangsaan dan satu kebudayaan kebangsaan. Maka beliau tidak hanya memusatkan dan tidak berpuas-hati hanya menggarap masalah kestabilan politik, perkembangan ekonomi dan kesejahteraan sosial saja untuk menyelesaikan soal menubuhkan dan membangunkan sebuah bangsa yang kuat, bermaruah dan bersatu-padu itu. Kewujudan dan perkembangan kebudayaan digarapnya sama penting dengan soal-soal politik, ekonomi dan sosial.

Daripada ucapan-ucapan beliau yang sedikit (beliau bukan orang yang suka banyak bercakap) yang terkumpul dalam buku ini dapat kita lihat imbasan fikiran dan cita-cita serta sikap beliau akan pentingnya fungsi dan peranan kebudayaan serta bahasa kebangsaan dalam pembentukan bangsa yang bersatu-padu yang sudah tentu diharapkannya mempunyai kesanggupan untuk mendukung sebuah negara idaman yang dicita-citakannya berdasarkan aspirasi rakyat yang telah berjuang melahirkan negara merdeka ini.

Kita dapat melihat dari ucapan-ucapan yang terkumpul ini bahawa beliau bukanlah seorang yang suka berteori, sebaliknya jelas menunjukkan bahawa beliau adalah seorang pelaksana teori dan pelaksana dasar kebangsaan yang amat tegas. Sikapnya tentang bahasa kebangsaan bukanlah sikap seorang yang berkempen mementingkan slogan dan semangat parti atau semangat kaum. Strategi bahasa kebangsaan baginya adalah berakar pada falsafah kebangsaan yang tulen yang diasaskan pada kebenaran sejarah masa lampau, keadaan masa kini dan cita-cita masa depan negara.

Dia membuat keputusan dengan tegas dan melaksanakan-nya dengan berani serta bertanggungjawab kepada bangsa dan negara, bukan kepada kepentingan parti atau kaum. Dia menghadapi kerumitan membentuk dan melaksanakan dasar kebangsaan dengan amat tegas dan berani tetapi tetap bi-

jaksana. Banyak pihak yang menentang dasar yang dibentuknya. Banyak pula pihak yang mencuba menggagalkan tugas pelaksanaan dasarnya itu. Namun dia tidak pernah kehilangan arah. Dia tidak menentang sikap perkauman dengan sikap perkauman. Dia tidak menolak sikap parti dengan kepentingan partinya sendiri. Dia, dalam suasana apapun, tetap menunjukkan ketegasan bahawa dasar yang dibentuknya dan pelaksanaan yang dijalankannya adalah dasar dan pelaksanaan yang semata-mata berakar pada falsafah dan ideologi kebangsaan yang digerakkan oleh aspirasi rakyat dan cita-cita kebangsaan.

Dalam zamannya semua orang dari segala golongan dan kaum mulai merasakan bahawa dasar bahasa kebangsaan dan kebudayaan kebangsaan tidak mengandungi unsur-unsur kepentingan parti dan kaum tertentu. Sebab itu selepas peristiwa 13 Mei 1969 negara ini dapat bergerak dengan aman dalam pembentukan perpaduan disamping dapat bergerak cergas membentuk kestabilan politik, perkembangan ekonomi dan kesejahteraan sosial. Polarisasi dalam masyarakat timbul kemudian apabila kepentingan-kepentingan kaum dan parti menonjol lalu menterbalikkan dasar bahasa kebangsaan dan kebudayaan tidak lagi menjadi alat mencapai perpaduan sebaliknya menjadi isu untuk dipertikaikan dan akhirnya menimbulkan unsur-unsur pertelingkahan.

Almarhum Tun Razak adalah pemimpin negara Malaysia yang pertama menunjukkan ketegasan bahawa kegiatan dan usaha-usaha pelaksanaan bahasa kebangsaan dan kebudayaan kebangsaan menjadi suatu kegiatan asas di samping kegiatan politik, ekonomi dan sosial. Golongan bahasa dan sastera serta golongan budayawan lainnya, baik awam mahupun umum, baik melalui agensi-agensi kerajaan mahupun badan-badan rakyat merasakan bahawa kegiatan mereka adalah penting dalam kegiatan pertumbuhan sebuah bangsa, sama pentingnya dengan kegiatan politik, ekonomi dan sosial. Dalam zaman Tun Razaklah bermulanya pengangkatan darjat bahasa, sastera dan kebudayaan. Dalam zamannya timbul kesedaran yang praktikal di samping kesedaran teori berhubung dengan pembangunan bangsa melalui pembangunan bahasa, sastera dan kebudayaan.

Pengumpulan ucapan-ucapan Almarhum Tun Razak ini dan penerbitannya oleh Dewan Persuratan Melayu Pahang adalah tepat pada masanya. Sebahagian dari kita sudah mulai melupakan falsafah perjuangan pemimpin ulung itu. Kita makin hari makin surut ke belakang, kembali kepada semangat parti, semangat kaum dan semangat teori, yang semuanya mengarah kepada tumpulnya senjata bahasa dan budaya sebagai alat perpaduan kebangsaan. Kita juga cenderung kepada sikap mengutamakan prestasi ekonomi, politik dan sosial dan mempercayai kembali bahawa kebudayaan, bahasa dan sastera adalah soal sampingan yang kelak akan selesai dengan sendirinya.

Mudah-mudahan kumpulan ucapan Almarhum pemimpin kebangsaan dan juara negarawan, Tun Razak ini, dapat dibaca dengan tenang dan dengan sikap dan falsafah almarhum itu sendiri. Dan mudah-mudahan usaha pengumpul dan penerbitnya menerima aprisiasi yang wajar dari kita sekalian.

KERIS MAS.

Allahyarham Tun Abdul Razak sedang menerima Rumusan-rumusan Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga 1956 daripada Allahyarham Pendita Za'ba di upacara penutup kongres.

'Allahyarham ini boleh dikatakan seorang pemimpin yang berminat dalam segala lapangan. Dalam bidang apa pun kita sebut, Allahyarham memang ada campur tangan. Terutamanya dalam bidang bahasa dan kebudayaan. Ini, kerana Allahyarham menyedari bahawa satu cara untuk mengekalkan ketenteraman dan perpaduan rakyat ialah dengan penggunaan satu bahasa. Sebab itulah keputusan Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu di Johor Bahru itu diterima bulat oleh Allahyarham, sambil beliau berjanji akan melaksanakannya. Ini adalah satu bukti yang Allahyarham memang bersungguh-sungguh terhadap peranan bahasa sebagai alat perpaduan dan kesejahteraan rakyat. Mengenai kebudayaan, Allahyarham juga menunjukkan sikapnya dalam Kongres Kebudayaan di Melaka dulu, dalam mana beliau berpendapat bahawa Kebudayaan Melayu telah lama wujud dalam tanahair ini. Kebudayaan-kebudayaan yang lain itu, akan diambil mana-mana yang sesuai untuk dimasukkan ke dalam kebudayaan nasional.'

ALLAHYARHAM TUN SYED NASIR ISMAIL
Dewan Sastera, Februari 1976.

'Tun memang berminat dalam lapangan seni halus dan seni sastera. Tetapi, saya sungguh kasihan melihatnya yang begitu sibuk tak punya masa yang banyak untuk meneliti karya-karya seni. Umpamanya sewaktu saya menjadi pengerusi Amanah Balai Senilukis Negara, saya biasa memandunya melihat pameran lukisan seniukir yang dipamerkan, iaitu karya-karya dari Peranchis, dan German atau pelukis tempatan. Selepas mendengar penerangan saya, ternyata beliau tertarik hati. Tentulah masanya lebih banyak tertumpu kepada masalah negara, politik dan pentadbiran asing siang dan malam. Selalu saya ceritakan kepada beliau mengenai novel-novel terjemahan luar dan dalam negeri sama ada dari Russia ke Inggeris, dan sebagainya, ataupun karya pelukis tempatan atau filem yang baik, dia ikut membincangkannya dengan baik. Tetapi, selalulah beliau berkata, "Aku ini tiada waktu nak membaca", katanya. Kemudian pada pameran Hari Terbuka Universiti Kebangsaan, kami sama-sama melihat model UKM yang baru. Tan Sri Syed Nasir Ismail ikut sama ketika itu. Kata Tun, "Inilah, Universiti pun cantik, kampus pun bagus, luas ada bangunan. Aku nanti pencen jadi Profesor yang tua, naik skuter pusing-pusing kampus." Kami kesemua tertawa dengan jenakanya itu. Tapi malangnya, angan-angannya itu tak sampai.

PROF DI RAJA UNGKU AZIZ
Dewan Sastera, Februari 1976.

'Hadiah Sastera dinamakan dengan nama "Hadiah Sastera Tun Razak" adalah satu langkah yang bijak. Jadi, saya menyokong jika ada langkah untuk menamakan Hadiah Sastera tersebut dengan nama Tun. Tun Razak berbeza dengan kebanyakkan pemimpin pendidikan barat yang kebanyakannya anti-sastera Melayu, yang lebih arif mengenai sastera barat dari sastera dinegaranya sendiri. Dan sudah sepatutnya nama beliau diabadikan. Ini adalah suatu penghormatan yang wajar.'

PROF DI RAJA UNGKU AZIZ
Dewan Sastera, Februari 1976.

'Sebagai seorang negarawan beliau tidak sahaja mengambil berat terhadap kemajuan dan perkembangan ekonomi, masyarakat dan hal-hal yang berhubungan dengan material, bahkan beliau juga mengambil berat tentang hal-hal rohani yang didalamnya mengandungi bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan. Jadi menurut padangan saya, keagungan Tun ini terletak pada semangatnya mengambil berat atas kemajuan-kemajuan bangsa Malaysia, bukan sahaja dari segi material tetapi juga dari segi kerohanian termasuk kesusasteraan, bahasa dan kebudayaan. Jarang benar kita dapat melihat negarawan yang bersikap begini, yang mengambil berat dalam segala lapangan.'

ALLAHYARHAM DATUK ALI HAJI AHMAD
Dewan Sastera, Februari 1976.

'Saya bukanlah sahabat peribadi Almarhum yang sering dapat bertemu dan bertukar-tukar fikiran dengan beliau. Tetapi dalam pertemuan-pertemuan yang pernah terjadi dalam hubungan mengenai Dewan Bahasa dan Pustaka semenjak di Johor Bahru lagi, saya mendapat kesan yang amat kuat bahawa Almarhum bukanlah hanya sekadar seorang pemimpin parti politik tetapi adalah seorang pemimpin nasional yang tidak mengabaikan segala aspek yang besar dan kecil dalam pembentukan dan pembangunan satu bangsa dan satu negara.

Bila Almarhum mengemukakan gagasannya untuk mengadakan Hadiah Sastera dan bertanya samada Dewan.Bahasa dan Pustaka dapat dijadikan sekretariatnya, saya segera dapat melihat dan merasakan dari penerangan-penerangannya bahawa beliau adalah sedang meneruskan apa yang pernah dikatakan dan cita-citakannya semenjak awal-awal Dewan Bahasa dan Pustaka ditubuhkan . Satu kesimpulan yang dapat saya pastikan dari pertemuan-pertemuan dengan beliau dalam hubungan Dewan Bahasa dan Pustaka dari awal-awal penubuhannya hingga ke penyampaian Hadiah Sastera keempat dalam bulan Ogos 1975 ialah pendirian beliau yang amat tegas seperti yang dikatakannya pada awal-awal penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka hampir 20 tahun yang lalu: "Kita mesti mempunyai satu bahasa dan sastera yang mencerminkan bahawa kita satu bangsa yang bertamaddun dan berkebudayaan. Banyak yang mesti dibuat dalam lapangan ini ....". Perkataan seperti itu tentulah bukan bertujuan untuk memperluaskan pengaruh politik parti, tapi jelas, mencerminkan satu cita-cita kebangsaan yang amat penting.'

KERIS MAS
Dewan Sastera, Februari 1976.

'Nasionalisma Melayu dipelopori dan didokongi oleh rakyat jelata dan dari awalnya selalu mempunyai nada kebudayaan yang amat kuat. Tetapi apabila golongan teknokrat-birokrat Melayu mengambil alih pimpinan nasionalisma dan pemimpinan negara merdeka pada akhir tahun 50-an, nada kebudayaan ini dikurangkan. Penyata-penyata tentang cita-cita Bahasa Kebangsaan dan Pelajaran Kebangsaan ditulis, tetapi ini tidak pernah dilaksanakan dengan tegas atau dengan sepenuh hati.

Dilihat di dalam persepktif yang seperti ini, maka minat dan penglibatan pribadi Allahyarham Tun Abdul Razak di dalam lapangan kebudayaan, dan perlaksanaan tegas cita-cita ke budayaan semasa pemerintahannya dalam tahun 70-an - ini adalah sesuatu yang luar biasa dan mengkagumkan.

Segala-galanya seolah-olah terjadi dalam jarak masa lima tahun yang lampau: Kongres Kebudayaan Kebangsaan dan penerusan cita-citanya dengan tegas oleh Kementerian Kebudayaan, perlaksanaan cita-cita Bahasa Kebangsaan di dalam pemerintahan dan pendidikan, dan penggiatan perkembangan Kesusasteraan Kebangsaan melalui Penal Hadiah Sastera dan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Melalui perhatian pribadinya Allahyarham Tun telah memberikan martabat dan digniti kepada Kesusasteraan Kebangsaan kita kini telah mencari satu kedudukan yang paling tinggi yang pernah dirasai selama ini.

Melalui penglibatan Allahyarham Tun, maka para teknorat kita kini telah kenal dan hormati sastera dan sasterawan Kebangsaan - walaupun saya percaya kebanyakkannya belum lagi membacanya, ataupun terlibat di dalam perkembangannya secara emosinil.

Zaman Tun adalah zaman 'pem-birokrasian' sastera, sesuatu yang amat penting untuk melibatkan Kerajaan. Tetapi di dalam pembinaan kebudayaan kreatif, yang lebih penting ialah peringkat perkembangan yang kedua, yang tidak sempat dilaksanakan oleh Allahyarham Tun semasa hayatnya, iaitu menggiatkan inisiatif dan partisipasi rakyat jelata itu sendiri. Oleh itu, saya rasa, kita akan memberi penghormatan dari erti yang amat besar terhadap cita-cita Allahyarham Tun, jikalau dasar kebudayaan kerajaan kita sekarang menuju ke arah itu - yakni memberi sokongan yang sepenuhnya terhadap gerakan-gerakan kebudayaan dari rakyat dan menggunakan seluas-luasnya infrastruktur kebudayaan yang telah dengan amat baik dibentuk oleh rakyat sendiri.

PROF DATUK ISMAIL HUSSEIN
Berita Minggu, 25 Januari 1976.

'Perkembangan kesusasteraan dan kebudayaan Malaysia lebih cepat terasa kepesatannya sejak Allahyarham menjadi Perdana Menteri jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya.

Minat Allahyarham yang menitikberatkan kedua-dua bidang tersebut dapat ditinjau dari bertambahnya bilangan tokoh-tokoh sasterawan yang berkualiti.

Di bawah pimpinan Allahyarham Kerajaan telah menganjurkan Kongres Kebudayaan Kebangsaan. Hadiah Sastera Tahunan, dan di samping itu peranan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pula semakin berkesan melahirkan ramai rakyat yang berjiwa seni melalui aneka kursus seni yang dianjurkannya diseluruh negeri.

Dasar kebudayaan dan kesusasteraan bercorak kebangsaan yang dilaksanakan oleh Kerajaan dibawah pimpinan Allahyarham Perdana Menteri itu disambut baik oleh semua bangsa kerana ia sesuai dan tidak menyinggung mana-mana pihak.

Saya yakin dasar Kebudayaan Kebangsaan dapat meresap dengan baik dikalangan masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama walaupun ia memakan masa yang lama sedikit.

Allahyarham telah juga berjaya memilih tepat dasar pelajaran kebangsaan yang akan mewujudkan generasi berbilang kaum hidup bersatu-padu dan dalam harmoni sebagai rakyat Malaysia.

Saya berani menyatakan bahawa Allahyarham sebagai penaung dan peminat kebudayaan dan kesusasteraan yang teliti dan serba boleh di luar politik.'

PROF KHOO KAY KIM
Berita Minggu, 25 Januari 1976.

'Allahyarham Tun Abdul Razak dikenal sebagai Bapak Pembangunan dan negarawan yang berpandangan jauh dan mempunyai kecintaan yang amat mendalam terhadap rakyat jelata terutama yang diluar bandar.

Allahyarham adalah seorang perencana yang telah berjaya meletakkan gagasan ekonomi kebudayaan, bahasa dan pendidikan kebangsaan yang tegap dan teguh bagi bangsa dan negara kita.'

TENGKU RAZALEIGH HAMZAH
Diucapkan pada 19hb. April, 1987.

Menuju Hati

(Kepada Tun Razak)

SUATU malam bulan Ogos
pada pesta sepuluh tahun merdeka
kulihat petani tua berdiri di bawah tiang lampu
dari matanya ia bercerita
tentang sawah tentang tanah buku merah
(perarakan lalu
tarian naga dan tanjak raja Melayu)
dan petani tua memejamkan mata
menggigit rokok nipah sepi bara
perlahan ia menyebutkan suatu nama
seorang lelaki dari banjaran Titiwangsa.

Tun Razak,
dari pena ini juga menyebut beberapa nama
bara zaman memanggang bumi membakar hati
mencapai bintang pada hayat pada mimpi.

(Catatan:
Ketika menulis sajak ini
kukenang kembali tulisan seorang teman
dalam buku hadiahnya padamu. Katanya:
TUN, KE MANA KAMI AKAN DIBAWA?
dan pada bukuku
yang dihadiahkan padamu dulu, kataku.
TUN RAZAK
KITA SAMA-SAMA MEMBIKIN SEJARAH
MENURUT CARA DAN KEYAKINAN KITA
TETAPI KITA MELETAKKAN CINTA YANG SAMA
KEPADA NEGARA DAN BANGSA INI.

Inilah sebabnya kini kupilih sajak
untuk berbicara sepatah kata denganmu
sebab sajak langsung menuju hati
Tanpa memo dan G.O. yang paling kubenci)

Bila matari pagi ini bersinar
lihatlah salam manisnya untukmu
menjanjikan kehormatan hari esok
di puncak suatu bangsa yang semakin sedar
mencabar pimpinan mengisi janji kemerdekaan
meruntuhkan suatu penindasan
demi tegaknya suatu kebenaran
kedaulatan keramat rakyat
yang diwahyukan oleh sejarah.

Tun Razak,
hari ini namamu ada di sebuah sajak
untuk kehadiran yang sewajarnya dihormati
paling sederhana dari hati seorang penyair
bangsamu sendiri.

1968 — USMAN AWANG

Elegy Perdana

(Berangkat abadi Tun Perdana Menteri)

Awan nestapa percubaan zaman membawa
Makna perpisahan abadi. Di muka TV
Malam ini tersebar khabar "Tun Perdana Menteri
Telah pergi!!
Dan kulihat karibmu menahan sedu menyayat hati

Jalan pertama, jalan indah kebangkitan
Jalan kedua, jalan mengenal keperibadian
Lalu bertembung dengan rahsia madu dan keringat
Airmata kasih rakyat. Di antaranya adalah
Nilai pengorbanan dari kata menjadi buah tindakan

Seorang ayah yang mengerti di antara nelayan
Dimamah tepi. Seorang ayah di antara kepapaan
Petani. Seorang ayah di antara mereka yang
Kaya hati miskin materi. Kau di hadapannya
Razakku menggengam api cinta tercetus tak padam lagi

Bawakan kandil, serahkan budi buat rakyatku
Tanpa gelar di hujung nama. Damailah gelora laut
Nelayanku. Berbuah rendanglah musim panen para
Petaniku. Biar terbujuk miskinnya, terisi harinya
Dengan sedikit riang dari bahagia rang kaya kota!

"Jauhkah jalan ke Sri Taman, anak?"Sapa nelayan
Tua Kuala Kemaman. "Berapa tambang ke Kuala Lumpur
Dari Baling sepi!" Kami ingin menemui kekasih
Setia kami yang pulang. Ah, segalanya
Duka terkumpul, rawan bergumul satu demi satu

Dalam belasungkawa, yang perakmu atau malam
Gerhanamu. Tamah-tamah dan pengenalan telah
Kau bancuh dengan angin makna. Rohmu bakal menggapai
Tiap penjuru "bumi bertuah" ini
Lahir, derita lalu subur diasuh dharma

Razakku, dari masjid dan surau kumandang alfurqan
Doa yang melingkari ufuk, memanjat arasy. Itulah
Bukti kasih dari para rakyat tanpa gelar di hujung
Namanya. Kasih terpahat tanpa pretensi apa. Damailah
Kau istirah menemui perjanjian Ilahi. Amin.

14 Januari, 1976. — KEMALA

ISINYA M.S.

Pendahuluan ....

Kata Sambutan oleh Tengku Alauddin Tengku Abdul Majid

Kata Pengantar oleh Sasterawan Negara Kamaludin Muhammad (Keris Mas) ...

Tun Haji Abdul Razak bin Hussain (Gambar)

Tun Razak

BAHASA MELAYU DAN NEGARA 1

KEBUDAYAAN NILAI BANGSA 5

PERJANJIAN PERSAHABATAN MALAYA-INDONESIA 10

BAHASA DAN KESUSASTERAAN, SATU TIANG YANG MUSTAHAK 13

SASTERAWAN ADALAH PROPAGANDIS ZAMANNYA 20

MASALAH KEKURANGAN BUKU-BUKU TEKS DAN PENGETAHUAN 28

ASAS-ASAS KEBUDAYAAN KEBANGSAAN 34

KEBUDAYAAN NASIONAL BERTERASKAN KEBUDAYAAN ASLI RANTAU INI 44

PENULIS PERLU MENGHASILKAN KARYA-KARYA YANG SERIOUS 48

PELANCARAN SISTEM EJAAN BARU MALAYSIA-INDONESIA 52

SASTERA SEBAGAI ALAT PERHUBUNGAN 58

JANGAN MENGANGGAP MENULIS SEBAGAI KEGIATAN SAMBILAN 64

MENGADAKAN HADIAH SASTERA YANG LEBIH TINGGI 67

MEMPERSEIMBANG DAN MESTABILKAN KEHIDUPAN BANGSA KITA 70

PERANAN BALAI SENI LUKIS NEGARA 73

THE CULTURAL PROBLEMS OF MALAYSIA 76

THE IMPORTANCE OF MALAY CULTURE 80

BAHASA MELAYU DAN NEGARA

Hari ini ialah hari yang bertawarikh bagi Bahasa dan Persuratan Melayu dan bangsa Melayu. Pada hari ini ujudlah suatu Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu, iaitu pada masa Kerajaan Perikatan yang ada sekarang ini telah menentukan bahawa bahasa Melayu akan menjadi bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan di dalam Persekutuan Tanah Melayu yang tiada berapa lama lagi akan menjadi suatu negara yang berdaulat dan merdeka.

Sebagai Menteri Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu yang bertanggungjawab bagi menjalankan rancangan bagi menjadikan bahasa Melayu sebenar-benarnya bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan di Tanah Melayu ini, saya suka mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Panitia Kongres ini yang telah berjaya menyedia dan mengaturkan Kongres ini. Saya suka juga mengucapkan terima kasih dan selamat datang kepada ahli-ahli bahasa dari Indonesia, dari Brunei, England and juga dari negara-negara lain yang telah berusaha dan bermurah hati datang ke Tanah Melayu ini bagi menghadiri Kongres ini. Saya suka menegaskan dengan jelasnya Kerajaan Persekutuan dan penduduk-penduduk negeri ini sekelian berasa megah dan besar hati di atas kehadiran tuan-tuan di sini. Saya yakin dan percaya kehadiran tuan-tuan sekalian di persidangan Kongres ini akan memperangsang dan menggalakkan penduduk-penduduk Tanah Melayu ini berusaha memaju dan meluaskan bahasa Melayu iaitu bahasa Kebangsaan bagi negeri ini.

Saya suka juga mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada wakil-wakil yang datang daripada beberapa pertubuhan

di Tanah Melayu ini dengan tujuan mengambil bahagian di dalam persidangan ini.

Kongres ini adalah dipandang tinggi oleh semua penduduk-penduduk Tanah Melayu ini terutama sekali daripada pihak orang Melayu. Menurut susunan perkara-perkara yang akan dibicangkan di Kongres ini ialah beberapa perkara yang penting dan mustahak terhadap bahasa dan persuratan Melayu akan diperbincangkan. Yang pertama ialah berkenaan dengan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi di Tanah Melayu ini. Kerajaan Persekutuan berazam hendak menjalankan rancangan-rancangan bagi menjadikan bahasa Melayu bahasa Kebangsaan yang sempurna di Tanah Melayu. Kerajaan menunggu dengan harapan yang penuh akan syor-syor yang akan disusun dan dikemukakan oleh Kongres terhadap caranya bahasa Melayu itu dapat diperbesar dan diluaskan supaya dapat meliputi semua lapangan pelajaran dan pengetahuan di dunia yang bertamadun di zaman atom ini.

Perkara yang kedua yang akan dibincangkan di Kongres ini ialah akan mempersuaikan bahasa Melayu dan bahasa Indonesia. Kedua-dua bahasa ini iaitu bahasa Melayu Tanah Melayu dan bahasa yang sekarang ini dinamakan bahasa Indonesia itu ialah asalnya satu bahasa juga tetapi sekarang ini ada mempunyai perbezaan-perbezaan disebabkan kedua negara ini di bawah pemerintahan yang berlainan. Diharapkan di dalam persidangan Kongres ini akan terkemuka beberapa cadangan yang boleh merapatkan perjalanan dan perkembangan dua bahasa ini. Dengan ini dipercayai bahasa Melayu yang digunakan di kedua-dua negara ini, akan mendapat perkembangan yang memberi sebesar-besar faedah kepada dua pihak.

Satu lagi perkara yang mustahak yang akan dibincangkan di Kongres ini, ialah mengadakan suatu badan yang tetap bagi mengumpulkan tenaga rakyat jelata di Tanah Melayu ini, bahkan diharapkan di Indonesia juga bagi menjalankan ikhtiar-ikhtiar dari suatu masa ke suatu masa bagi mengembang dan meluaskan bahasa dan persuratan Melayu, seperti yang saya sebutkan tadi pihak Kerajaan berazam menjalankan rancangan

yang patut bagi perkembangan bahasa Melayu di Tanah Melayu ini. Akan tetapi pekerjaan yang diperbuat oleh Kerajaan itu tidak akan mendatangkan sepenuh kejayaan melainkan ada mempunyai sokongan yang kuat dan tetap daripada sekalian golongan rakyat jelata, terutama sekali kepada orang Melayu yang sebenar-benarnya suka melihatkan bahasa Melayu menjadi satu bahasa yang terkenal di seluruh dunia ini.

Saya harap sokongan dan kerjasama daripada pihak rakyat jelata terhadap perkembangan bahasa Melayu, iaitu satu perkara yang penting di dalam perjuangan di dalam kebangsaan kita di Tanah Melayu akan diberi dengan sepenuh-penuhnya, bukan sahaja di dalam Kongres ini, bahkan selepas daripadanya bagi menjalankan ketetapan-ketetapan dan syor-syor yang akan didatangkan oleh kongres ini.

Saya percaya tuan-tuan dan puan-puan yang ada di sini mengetahui yang Kerajaan telah menubuhkan sebuah badan yang dinamakan bagi sementara Balai Pustaka yang bertanggungjawab, yang terutama sekali bagi menjalankan rancangan mengembangkan bahasa dan persuratan Melayu, dan mengeluarkan buku-buku bagi pergunaan di negara ini.

Saya harap Kongres ini menentukan bukan sahaja cara-cara badan--badan. Persuratan dan rakyat jelata sekalian di Tanah Melayu akan bekerjasama dengan Balai Pustaka ini, bahkan akan mengesyorkan juga satu nama pada badan ini yang bersesuai dan yang dikehendaki oleh rakyat jelata dan pekerjaan yang hendak diperbuat.

Kongres ini bersidang di masa yang bersejarah di dalam perjalanan persuratan dan bahasa Melayu. Oleh itu Kongres ini mempunyai tanggungjawab yang berat bagi mendatangkan syor-syor yang sebenar-benarnya berguna dan berfaedah serta dikehendaki oleh rakyat jelata bagi melaksanakan perkembangan dan kemajuan bahasa Melayu.

Sebagai Menteri Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu saya suka menegaskan di sini bahawa apa-apa cadangan dan syor yang didatangkan akan mendapat timbangan yang saksama daripada pihak Kerajaan Persekutuan dan kementerian saya.

Oleh yang demikian saya ucapkan Kongres ini selamat ber-

sidang dan mendapat sepenuh kejayaan yang akan memberi sebenar-benar faedah yang berkekalan kepada BAHASA MELAYU dan NEGARA.

Selamat Persidangan Kongres, hidup Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan Tanah Melayu yang kekal. Merdeka.

* *Ucapan Perasmian Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu ke-3 di Johor Baharu pada 16hb September 1956.*

KEBUDAYAAN NILAI BANGSA

Saya sangat sukacita pada hari ini kerana diberi peluang hadir di majlis ini bagi mengisytiharkan pembukaan Kongres Kebudayaan Melayu Yang Pertama. Saya dukacita kerana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong oleh sebab keuzuran Baginda tidak dapat mencemarkan Duli berangkat mengisytiharkan pembukaan Kongres ini, dan begitu juga Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri oleh sebab ada urusan yang lain, tidak juga dapat hadir sendiri di majlis ini. Oleh itu bagi pihak Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong dan Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri dan bagi pihak diri saya sendiri, saya mengucapkan tahniah kepada Panitia Kongres ini yang telah berjaya mengadakan Kongres Kebudayaan Melayu Yang Pertama di Persekutuan Tanah Melayu.

Saya bersyukur kehadrat Tuhan Yang Maha Kuasa yang menggerakkan hati sekumpulan ahli-ahli kebudayan di dalam negeri ini untuk menganjurkan satu kongres yang begini penting kepada bangsa dan tanah air. Sesungguhnya persidangan kongres ini tentu sekali akan tercatat dengan tinta emas di dalam sejarah kebangkitan dan kemajuan bangsa dan negara Persekutuan Tanah Melayu ini. Saya sedar dan tuan-tuan dan puan-puan sekalian sedar, bahawa usaha-usaha bagi memelihara dan memperkembangkan kebudayaan Melayu memang sudah dijalankan oleh beberapa banyak Persatuan-persatuan dan Kesatuan-kesatuan di merata ceruk dalam Persekutuan Tanah Melayu ini, tetapi belumlah lagi terdapat satu usaha yang telah berjaya mengadakan kongres yang seperti ini di masa yang lepas.

Oleh itu saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi kepujian kepada Panitia Kongres Kebudayaan Melayu Yang Pertama ini, dan saya berharap Kongres ini akan menjadi asas untuk diikuti pula dengan beberapa kongres-kongres lagi di masa yang akan datang. Sekali lagi saya bersyukur kepada Tuhan Yang Maha Pemurah yang telah menimbulkan di kalangan umat di Tanah Melayu ini orang-orang yang sedar, insaf dan mengambil berat untuk memberikan segala fikiran dan tenaga mereka kerana kebajikan bangsa dan tanah air, termasuklah usaha-usaha di dalam kebudayaan ini. Oleh itu saya yakin bahawa dengan adanya orang-orang yang seperti ini, yang sentiasa menumpukan pandangan, fikiran dan tenaga mereka kepada masalah-masalah yang mengenai dengan kebangkitan dan kemajuan bangsa dan negara, maka Persekutuan Tanah Melayu yang baru mencapai kemerdekaannya itu, ada mempunyai harapan yang cemerlang untuk menjadi lebih maju dan jaya di masa yang akan datang.

Tidaklah sesiapa pun dapat menafikan bahawa kebudayaan itu adalah mengambil peranan yang penting di dalam kehidupan sesuatu bangsa, kerana kebudayaan itulah yang dapat menilaikan bagaimana tinggi atau rendahnya mutu tamadun dan budi pekerti bagi sesuatu bangsa di atas dunia ini. Kita patutlah berasa sombong dan bangga bahawa bangsa kita tidaklah miskin di dalam kebudayaannya dan dengan itu dapatlah sekalian bangsa di atas dunia ini menilaikan bagaimana tingginya mutu bangsa kita yang memang telah masyhur dari semenjak zaman berzaman. Saya berani berkata bahawa Kebudayaan Melayu dapat ditanding dengan kebudayaan-kebudayaan bangsa lain, dan hal ini ternyata jika diadakan pertunjukan kebudayaan di antara bangsa-bangsa. Pada masa kita mengadakan sambutan beberapa bulan yang lepas, bangsa-bangsa lain yang telah datang menyaksikan bermacam-macam kebudayaan bangsa kita itu telah memandang tinggi akan adat resam dan kebudayaan bangsa kita itu.

Sebagaimana juga perkara-perkara yang lain di atas dunia ini yang sentiasa menerima perubahan-perubahan dari semasa maka begitulah juga halnya dengan kebudayaan. Hal ini lebih-

lebih lagi nyata dan jelas di dalam negara kita ini, di mana dari zaman berzaman bangsa-bangsa lain telah datang mencurah-curah masuk, dan tiap-tiap satu bangsa itu membawa pula kebudayaannya masing-masing dan mendapat kebebasan untuk mengamalkannya. Tetapi apa-apa hal pun nyatalah kebudayaan kita yang asli masih terpelihara dan tidak tercacat. Saya harap bagaimana cara pun kebudayaan Melayu kita ini diubah menurut peredaran masa dan zaman, dan bagaimana caranya kita akan membentukkan kebudayaan kebangsaan di Tanah Melayu ini, biarlah asas kebudayaan itu tinggal kekal tetapi cuma berubah pada rupanya sahaja. Dan sekarang sudahlah sampai masanya kita menapis kebudayaan kita yang asli itu dengan yang baru supaya timbul satu rupa kebudayaan kebangsaan yang sesuai.

Memanglah diakui bahawa kebudayaan Melayu yang terdapat pada hari ini banyak yang berasal daripada kebudayaan-kebudayaan lain yang telah dibawa kemari pada zaman ugama Hindu dianut oleh orang-orang di Tanah Melayu, dan kemudiannya setelah orang-orang Arab datang kerana mengembangkan ugama Islam yang maha suci, dan setelah itu ditambah dan ditokok pula dengan kebudayaan-kebudayaan baru yang diambil dari bangsa-bangsa lain dan dipersesuaikan dengan kebudayaan kita. Dengan sebab itu kebudayaan kita adalah dipengaruhkan oleh bermacam-macam rupa kebudayaan asing, dan kita terdapat di antara perkara-perkara dalam kebudayaan kita itu yang bersalahan di antara satu dengan lain, tetapi begitu pun bukanlah bererti mencacatkan kehalusan dan ketinggian mutu kebudayaan bangsa kita ini.

Persekutuan Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaan pada tahun ini, tetapi penduduk-penduduk dan rakyat-rakyat dalam negeri ini tidaklah sama sebagaimana yang terdapat pada sebelum datangnya penjajahan-penjajahan ke tanah air kita ini. Kalau dahulu rakyatnya terdiri daripada orang-orang Melayu dan sedikit sahaja bangsa-bangsa lain, tetapi sekarang Persekutuan Tanah Melayu mempunyai rakyat yang terdiri daripada berbagai-bagai kaum yang bilangannya sama banyak dengan Bangsa melayu sendiri, dan tiap-tiap satunya pula mempunyai

kebudayaan masing-masing yang bersendirian. Kedudukan yang seperti ini mungkin menimbulkan sedikit kerumitan untuk melaksanakan tujuan kita bagi mencipta satu kebudayaan. Tetapi saya percaya jika kaum-kaum lain telah dapat mempersetujui supaya diadakan suatu bahasa Kebangsaan dan Rasmi di Tanah Melayu ini iaitu bahasa Melayu, maka tentulah juga kerumitan ini dapat diatasi. Saya sukacita melihatkan pada hari ini ada bersama-sama kita di dalam Persidangan ini wakil-wakil daripada kaum-kaum lain, dan saya berharap Kongres Kebudayaan pada hari ini akan menjadi asas dan pendahuluan bagi diadakan suatu badan Kebudayaan Nasional atau Kebangsaan bagi Tanah Melayu ini. Pihak Kerajaan Persekutuan sangat memandang tinggi kepada pekerjaan-pekerjaan yang diperbuat oleh Panitia Kongres ini dan apabila timbulnya satu badan kebudayaan kebangsaan maka pihak Kerajaan akan memberi sokongan yang penuh bagi menggalakkan perusahaan-perusahaan di dalam lapangan kebudayaan, supaya dapat dicipta satu kebudayaan kebangsaan yang bersesuaian dengan bangsa dan negara kita yang merdeka ini.

Negara kita ini bukanlah kekurangan bahan-bahan kebudayaan dan boleh dikatakan khazanah simpanan berbagai-bagai kebudayaan, tetapi sehingga hari ini kekurangan kita bukanlah kekurangan bahan-bahan tetapi kekurangan usaha-usaha pada mengemukakan dan menggalakkan bahan-bahan kebudayaan itu. Kita masih ingat pesta yang diadakan di Kuala Lumpur pada tahun lalu. Orang-orang yang hadir menyaksikan pesta ini tidak kurang daripada 200 ribu orang, dan sungguh pun perkara-perkara yang ditunjukkan itu ialah kebanyakannya mengenai dengan kebudayaan Melayu tetapi bangsa-bangsa asing semuanya suka melihat dan menyaksikannya. Jadi dengan ini terang dan nyatalah bagaimana kebudayaan kebangsaan kita patut dibentuk di masa yang akan datang dan saya yakin dan percaya di dalam bentukan itu kebudayaan dan kesenian Melayu yang asli itu dapat menjadi asas dan rangka mahligai kebudayaan kebangsaan yang baru kelak.

Saya yakin dan percaya bahawa rakyat jelata daripada seluruh golongan dalam Persekutuan Tanah Melayu ini dalam

tiga hari kongres ini akan bersidang, akan memandang dan memerhati dan menumpukan harapannya kepada kejayaan kongres ini, dan saya harap seperti berjayanya Kongres Bahasa Melayu Yang ke 3 pada tahun yang lalu, maka begitulah juga Kongres Kebudayaan Melayu Yang Pertama ini akan mendapat kejayaan dnegan sepenuh-penuhnya. Sungguh pun begitu saya berharap bahawa kongres ini adalah semata-mata menjadi sebagai pembuka mata di atas kemajuan kebudayaan kita dan selepas daripada ini mustahaklah diadakan satu badan yang tetap bagi melaksanakan pandangan-pandangan dan ketetapan-ketetapan yang diluluskan oleh kongres ini.

Sebagaimana yang saya katakan tadi, pihak Kerajaan adalah memberi sokongan yang penuh kepada segala pekerjaan-pekerjaan yang diperbuat oleh kongres ini, akan tetapi kebudayaan itu sebagai satu pokok, hendaklah ditanam oleh rakyat jelata sendiri, tegasnya oleh ahli-ahli kongres ini, dan bagi pihak Kerajaan hanyalah membaja dan menyiram serta menjaga supaya pokok itu itu tumbuh dengan besar dan subur.

Pada akhirnya sekali, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih di atas usaha, tenaga dan pandangan Panitia Kongres ini, dan saya berdoa kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala supaya kongres ini mendapat sepenuh-penuh kejayaan.

Dengan ini saya dengan penuh sukacita dan besar hati mengisytiharkan pembukaan Persidangan Kongres Kebudayaan Melayu Yang Pertama.

* *Ucapan Perasmian Kongres Kebudayaan Melayu I di Dewan High School Melaka pada hari Isnin, 30hb Disember 1957.*

PERJANJIAN PERSAHABATAN MALAYA — INDONESIA

Saya merasa amatlah bertuah pada hari ini kerana dapat mewakili Kerajaan dan Negara Persekutuan Tanah Melayu untuk menandatangani Perjanjian Persahabatan dengan negara tetangga yang paling dekat dan paling akrab iaitu Republik Indonesia.

Bagi saya dan rakan-rakan saya di dalam Kabinet yang ada pada hari ini, maka kami merasa sangat beruntung kerana Perjanjian ini dapat dimetrikan semasa Kerajaan Perikatan memegang teraju pemerintahan negara ini. Bagi diri saya sendiri saya rasa mendapat kemuliaan yang sehabis tinggi kerana inilah kewajipan saya yang pertama kali yang saya lakukan sebagai Perdana Menteri di dalam perhubungan dengan negara luar.

Sesungguhnya inilah saat yang paling berbahagia bagi negara dan rakyat Persekutuan kerana dengan termetrinya Perjanjian ini maka sudahlah sampai hasrat dan cita-cita kami yang terpendam untuk menghubungkan balik tali persaudaraan di antara kami dengan saudara-saudara kami di Indonesia yang telah diputuskan oleh penjajah Barat.

Tidaklah dapat sesiapa pun menafikan bahawa kita ialah umat yang mempunyai darah dan keturunan yang satu yang telah diceraikan akibat dari perkembangan sejarah. Kami sentiasalah memerhati dari jauh segala langkah dan kemajuan yang dibuat oleh saudara-saudara kami di Indonesia itu dan kami sentiasalah mendapat semangat dan perangsang dari saudara-saudara yang kami sifatkan sebagai saudara tua kami itu dalam perjuangan kami kerana menebus kedaulatan bangsa dan

negara.

Maka sesungguhnya peristiwa pada hari ini tetaplah akan tercatat dengan tinta emas di dalam lipatan sejarah Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. Dengan adanya Perjanjian ini, seperti kata Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra, maka akan hiduplah semula ikatan darah dan keturunan di antara kedua-dua bangsa yang merdeka dan berdaulat ini dan dengan izin Allah Subhanahu Wataala akan hidup dengan subur dan kekal selama-lamanya selagi ada cekerawala, bulan dan bintang.

Perkembangan sejarah akibat dari penjajahan Barat itu malangnya telah membawa kita kepada cara-cara yang berlainan di dalam melayarkan bahtera negara masing-masing, tetapi kami yakin bahawa hal ini tidaklah sekali-kali boleh merosakkan perhubungan di antara kedua-dua buah kerajaan kita itu, bahkan peredaran sejarah juga pada hari ini telah menyambungkan balik, kita sebagai dua negara yang merdeka dan berdaulat.

Sungguhpun negara tuan telah pernah membuat perjanjian persahabatan dengan negara-negara asing yang lain tetapi bagi kami inilah yang pertama sekali. Saya percaya perjanjian-perjanjian yang berupa treaty yang kita akan tandatangani sekejap lagi adalah mengandungi persetujuan yang paling istimewa dari perjanjian-perjanjian yang pernah negara tuan buat dengan sebarang negara-negara lain. Sebagaimana yang tuan dapat perhatikan bahawa selain daripada persetujuan-persetujuan yang berupa perjanjian yang lazim dibuat di antara sebuah negara dengan sebuah negara yang lain maka Perjanjian kita ini mengandungi juga persetujuan yang paling menarik hati iaitu seperti persetujuan hendak menjalankan ikhtiar bagi menyamakan kedua-dua bahasa Indonesia dan Melayu yang asalnya satu itu.

Kerajaan dan rakyat Persekutuan memanglah sudah lama idamkan supaya bahasa kita ini dapat disatukan balik di dalam ertikata yang sebenarnya. Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah mengkanunkan di dalam Perlembagaannya bahawa bahasa Melayu itulah yang menjadi bahasa kebangsaan yang tunggul dan ikhtiar sedang dijalankan dalam meninggi dan

melengkapkan bahasa kita itu supaya tidak beberapa lama lagi dapatlah kita gunakan bahasa Melayu itu sepenuhnya sebagaimana yang telah dapat dijalankan di Indonesia. Maka saya percaya dengan adanya Perjanjian ini usaha-usaha di dalam perkembangan bahasa Melayu itu dapat kita laksanakan dengan lebih lancar dengan pertolongan daripada pakar-pakar bahasa dari Indonesia.

Semasa saya melawat ke Indonesia pada akhir tahun lalu, Paduka tuan telah berkata bahawa persahabatan dan persaudaraan di antara rakyat kedua-dua buah negara ini sudah memang tertulis di dalam hati kita semua. Alhamdulillah, pada saat yang bersejarah ini dengan berkat kerjasama antara kedua-dua buah Pemerintah, negara Indonesia dan Persekutuan Tanah Melayu, maka perkara yang tersimpan di dalam hati kita itu telah tercipta di atas kertas Perjanjian ini bagi pengetahuan dunia, yang menghubungkan balik kedua-dua saudara yang sedaging sedarah, sebahasa dan sekebudayaan dengan semangat yang penuh kasih mesra, saling mengerti dan hormat menghormati.

Marilah kita berdoa kehadrat Allah s.w.t. mudah-mudahan Allah akan sertakan cita-cita dan tujuan kita itu serta menurunkan rahmatNya kepada pekerjaan kita pada hari ini supaya Perjanjian yang kita akan tandatangani ini bukan sahaja menurut butir-butir yang terkandung di dalamnya bahkan juga dengan semangat dan perasaan di belakang Perjanjian ini.

Pada akhirnya saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kaseh kepada Tuan Yang Terutama Saudara Perdana Menteri dan Yang Mulia Menteri Pendidikan, Pengajaran dan Kebudayaan Republik Indonesia serta ahli-ahli rombongannya yang telah sudi mengunjungi negeri ini bagi mengikatkan tali persahabatan ini. Saya ucapkan kepada Paduka tuan selamat kembali ke tanah air dan berdoa moga-moga kira akan dapat berjumpa lagi.

* *Ucapan di upacara menanda-tangani Perjanjian Persahabatan Malaya-Indonesia pada 17hb April 1959.*

BAHASA DAN KESUSASTERAAN SUATU TIANG YANG MUSTAHAK

Saya merasa amat sukacita kerana mendapat kehormatan berjumpa dengan tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Saya ucapkan kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian, yang telah datang dari beberapa negeri dan daerah untuk menghadiri seminar ini "Selamat datang dan selamat bersidang". Begitu juga saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah mengelolakan seminar ini serta ahli-ahli Jawatankuasa Pusat yang saya percaya telah mengorbankan masa dan tenaga untuk mengadakan persediaan bagi seminar ini.

Kita di Persekutuan Tanah Melayu sekarang ini adalah menghadapi zaman pembangunan negara, iaitu waktu dan ketika bagi kita menumpukan sepenuh-penuh usaha dan tenaga bagi mengisi kemerdekaan yang kita telah capai lebih kurang lima tahun yang lalu.

Di dalam kerja pembangunan negara ada beberapa aliran-aliran dan ada beberapa rancangan-rancangan yang mustahak yang mempunyai hubungan di antara satu dengan lain. Saya sendiri adalah bertanggungjawab menumpukan sepenuh-penuh tenaga di dalam lapangan kemajuan iktisad, iaitu lapangan bagi membaiki keadaan hidup rakyat, terutamanya mereka yang duduk di luar bandar, supaya mereka itu dapat mempunyai suatu taraf hidup yang lebih tinggi dan lebih sempurna daripada yang ada sekarang ini, iaitu taraf hidup yang difikirkan bersesuaian dengan keadaan kita sebagai satu negara yang merdeka. Dalam lapangan ini segala usaha dan tenaga semua pejabat-pejabat Kerajaan, Kementerian-kementerian,

Kerajaan-kerajaan Negeri dan semua pegawai-pegawai Kerajaan seterusnya telah disatukan supaya mempunyai satu tujuan bagi melaksanakan hasrat dan kehendak rakyat dalam lapangan kemajuan negara. Kerajaan Perikatan adalah berdasar dan percayakan kepada demokrasi dan bertujuan hendak membina suatu masyarakat demokrasi berkeahlian (hak perseorangan), masyarakat demokrasi yang mengandungi rakyat yang mempunyai tempat dan kedudukan yang sempurna dan mempunyai mata pencarian yang sempurna.

Dalam lapangan kemajuan ini Kerajaan, dengan kerjasama daripada semua pegawai-pegawai Kerajaan serta rakyat jelata seterusnya, telah mendapat kejayaan yang memuaskan hati dan pada hari ini boleh dikatakan di tiap-tiap kampung dan daerah di Persekutuan Tanah Melayu ini telah dapat dibuat perubahan-perubahan sedikit sebanyak dan rakyat di kampung-kampung telah merasa yang mereka telah mulai menerima perubahan-perubahan nasib yang mereka cita-citakan beberapa tahun itu. Kerajaan Perikatan berazam bahawa perubahan-perubahan ini akan diperkuat dan dibanyakkan lagi dan kemajuan-kemajuan yang telah dapat dibawa itu ditambah dan diperbesarkan daripada satu masa ke satu masa, sehingga semua sekali kehendak-kehendak dan hasrat-hasrat rakyat itu dapat dipenuhkan. Insyallah, dengan berkata Allah Subahanahu Wata'ala cita-cita dan keazaman Kerajaan ini akan dapat disempurnakan, jika seluruh rakyat jelata memberi sokongan yang penuh kepada Kerajaan.

Dengan adanya usaha dan tenaga yang dicurahkan oleh Kerajaan terhadap kemajuan dan pembangunan negara ini, dan usaha-usaha ini akan terus dilanjutkan, maka sampailah masanya bagi pihak rakyat sendiri memberi kerjasama yang penuh kepada Kerajaan dengan menimbulkan dan membangkitkan satu jiwa atau semangat yang dikatakan "Semangat Merdeka". Rakyat di kampung-kampung, di luar bandar, dikehendaki membangkitkan semula semangat perjuangan dan semangat berdiri di atas kaki sendiri, semangat ingin hendak membaiki keadaan hidup masing-masing dengan menambahkan usaha dan tenaga sendiri. Sekarang tingkatan inilah

yang sedang diperjuangkan oleh Kerajaan, iaitu tingkatan ke-2 dalam rancangan pembangunan, tingkatan untuk memperkuat dan memperkembangkan semangat dan jiwa merdeka ini, semangat dan jiwa yang sangat mustahak jika penduduk-penduduk negeri ini hendak menjadi satu bangsa yang kuat, tegap dan boleh mempunyai tempat yang sempurna di lingkungan bangsa-bangsa asing di seluruh dunia ini.

Maka oleh sebab saya, sebagai Menteri yang bertanggung-jawab dalam hal ini sedang memperjuangkan, menumpukan tenaga dalam lapangan ini, pada fikiran saya sangatlah bertuah kerana dapat saya peluang pada pagi ini mengisytiharkan pembukaan seminar ini, iaitu seminar yang bertujuan untuk membincangkan cara-cara dan ikhtiar-ikhtiar untuk membesar dan meluaskan bahasa dan kesusasteraan kebangsaan kita.

Di dalam perjuangan kita untuk mendirikan suatu bangsa yang kuat dan tegap, bahasa dan kesusasteraan itu ialah suatu tiang yang mustahak selain daripada ugama dan iktisad. Di atas beberapa tiang yang saya sebutkan itu, iaitu ugama, iktisad, bahasa dan kesusasteraan, maka barulah dapat kita membina suatu rumah kebangsaan yang kuat dan tegap, yang bersesuaian dengan kehendak dan hasrat kebangsaan kita. Di dalam perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, Kerajaan Perikatan telah menentukan bahasa kebangsaan itu dijadikan bahasa rasmi Persekutuan, dan mulai dari tahun 1967 akan menjadi bahasa rasmi yang tunggal di negeri ini.

Maka mustahaklah langkah-langkah diambil bagi membesar, meluaskan dan memperkayakan lagi bahasa itu. Oleh sebab itu saya sifatkan seminar yang tuan-tuan dan puan-puan adakan pada hari ini ialah satu seminar yang mustahak untuk memikirkan cara-cara hendak mengeluarkan buku-buku dalam bahasa kebangsaan dengan lebih banyak lagi, buku-buku yang berharga, yang berisi dan yang boleh menambahkan pengetahuan dan saya harap juga buku-buku yang boleh menanamkan dan menyuburkan di dalam dada rakyat negeri ini semangat dan jiwa merdeka yang saya sebutkan itu; semangat berusaha dan bertenaga, semangat membawa kepada kemajuan dan kemakmuran. Buku-buku dalam bahasa kebang-

saan ini dikehendaki bukan saja bagi bacaan am, bahkan bagi bacaan dan kegunaan kanak-kanak sekolah. Seperti saya katakan tadi kita masih lagi dalam zaman perjuangan, perjuangan untuk kemajuan, dan seperti tuan-tuan dan puan-puan tahu perumpamaan dalam bahasa Inggeris mengatakan pena lebih berkuasa daripada pedang.

Oleh itu orang yang menggunakan pena itu mempunyai senjata yang kuasa yang besar di zaman pembangunan ini, dan dengan senjata itu dapatlah mereka itu membentuk bangsa kita kepada rupa dan acuan yang dikehendaki. Oleh itu saya berseru kepada tuan-tuan dan puan-puan di sini, gunakanlah pena tuan-tuan dan puan-puan, iaitu kuasa yang besar yang ada di dalam tangan tuan-tuan dan puan-puan itu, untuk faedah dan untuk kemajuan bangsa dan negara kita.

Saya harap dalam persidangan ini tuan-tuan dan puan-puan bukan sahaja akan menumpukan usaha di atas pekerjaan-pekerjaan yang akan diperbuat pada masa yang akan datang, bahkan akan menyemak juga kepada pekerjaan-pekerjaan yang telah diperbuat pada masa yang lampau. Satu daripada cara yang mustahak kita jalankan dalam zaman pembangunan ini ialah mustahak daripada satu masa ke satu masa kita menyemak kemajuan-kemajuan kita yang telah tercapai supaya dengan itu dapat kita mengatur langkah kita yang baru dengan sempurna.

Saya suka dan harap tiap-tiap satu perkara yang kita buat itu hendaklah kita fikir dan rancangkan dengan sempurna dan teratur. Hanyalah dengan adanya rancangan dan aturan yang sempurna dapat tiap-tiap pekerjaan yang kita buat itu dijalankan dengan teratur dan kemajuan yang kita akan capai dari satu masa ke satu masa itu akan licin dan sempurna. Saya bukan seorang ahli pena, dan tidak mempunyai pengetahuan berkenaan dengan mengarang buku-buku. Saya hanyalah seorang pekerja. Sebagai seorang pekerja, saya ingin kejayaan dalam apa juga kerja yang saya buat. Oleh itu, dalam lapangan kesusasteraan ini juga saya yakin dan percaya jikalau tuan-tuan beringinkan kejayaan, hendaklah pekerjaan-pekerjaan yang tuan-tuan dan puan-puan akan perbuat itu dirancang dan diatur dengan sempurna, dan ditentukan tiap-tiap langkah

yang hendak diambilkan itu.

Saya bolehlah menegaskan di sini bahawa tiap-tiap satu keputusan yang tuan-tuan dan puan-puan akan ambil dalam seminar ini akan mendapat timbangan dan tilikan yang sewajarnya oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka dan juga oleh pihak Kerajaan. Akan tetapi hendaklah ketetapan itu mengandungi rancangan yang teratur, yang boleh dijalankan menurut tingkatan-tingkatan yang sempurna daripada satu masa ke satu masa.

Tuan-tuan dan puan-puan yang berkumpul di sini pada hari ini ialah ahli-ahli pendidik dan guru-guru ahli-ahli pengetahuan, ahli-ahli persuratan dan sasterawan dan ahli-ahli bahasa. Oleh itu rasa saya cukuplah hadir di sini semua pakar-pakar yang berkaitan dengan bahasa dan kesusasteraan. Oleh itu bolehlah kami sekalian, iaitu Kerajaan dan orang ramai, penduduk-penduduk negeri ini berharap bahawa dengan berkumpulnya tuan-tuan dan puan-puan dalam seminar ini akan diambillah buah-buah fikiran yang bernas yang akan membawa bangsa kita kepada zaman yang lebih mewah dengan buku-buku yang baik untuk segala jurusan dan lapangan.

Semenjak beberapa tahun yang akhir ini saya dapati dinegeri kita ini perusahaan-perusahaan dalam penerbitan buku-buku dalam bahasa kebangsaan sudahlah mula maju. Ini tidak lain ialah kerana kejayaan kita menjadikan bahasa Melayu itu bahasa kebangsaan dan kejayaan kita meyakinkan bahawa masa hadapan bahasa kebangsaan itu telah terjamin. Pada mula-mulanya banyak buku-buku sekolah dan juga buku-buku bacaan untuk umum diterbitkan dengan tergesa-gesa untuk memenuhi kekosongan, iaitu kehendak-kehendak daripada sekolah-sekolah dan daripada penduduk umum mengguna dan membaca buku-buku dalam bahasa kebangsaan. Kekosongan ini berlaku selepas saja Kemerdekaan Tanah Air kita tatkala bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan, bahasa pengantar di sekolah-sekolah, dan menjadi satu-satu mata pelajaran di semua sekolah. Kerja yang tergesa-gesa untuk mengisi kekosongan seperti itu memanglah biasanya kurang sempurna, kurang kemas dan kurang memuaskan. Pengarang-pengarang

tidak ada masa untuk berhati-hati dan bersenang-senang menyemak dan meneliti apatah lagi mengadakan penyelidikan yang sempurna, sebelum menghantarkan karangan-karangannya kepada penerbitan dan penerbit pula tidak ada masa dan tidak ada banyak buku yang dipilih dan buku-buku itu dikehendaki dicap dengan seberapa segera yang dapat.

Keadaan yang seperti ini memanglah tidak dapat dielak-kan dalam masa yang tertentu, masa yang kita wakut lepas merdeka dan keadaan itu menunjukkan kita semua bersama-sama mendukung usaha pembangunan bangsa dan negara di atas ikhtiar dan usaha masing-masing dalam lapangan masing-masing. Perbuatan-perbuatan ini sangat kita hargai dan kita hormati dan telah memberi kesan dan faedah yang tertentu kepada bangsa dan negara kita. Akan tetapi, pada fikiran saya, masa sekadar mengisi kekosongan yang saya sebutkan itu patutlah beransur-ansur diberhentikan. Ini bukanlah maksud-nya saya kehendakkan supaya berhenti mengisi kekosongan buku-buku yang dikehendaki itu tetapi saya berkehendak dan berharap supaya kekosongan dalam buku-buku yang masih ada itu patutlah diisi dengan hasil yang lebih terjamin, lebih baik dan lebih bernilai.

Oleh itu saya rasa inilah dia tujuan yang besar yang tuan-tuan dan puan-puan sekelian hadir di seminar ini, iaitu menyemak semula pekerjaan-pekerjaan telah diperbuat, dan membincangkan bagaimana caranya buku-buku dalam bahasa kebangsaan pada masa yang akan datang ini dapat dikeluarkan dengan mempunyai isi yang terlebih terjamin, bahasa yang terlebih baik dan kesimpulannya terlebih sesuai dipandang dari segi-segi pendidikan, pengajaran dan pembangunan semangat kebangsaan. Dan lagi rasa saya yang menjadi tugas juga bagi tuan-tuan dalam seminar ini ialah membincangkan jalan dan cara mengajarkan bahasa dan sastera di semua peringkat sekolah, maktab dan universiti supaya pengajaran itu menuju kepada cita-cita membangungkan kepentingan kebangsaan. Fikiran tuan-tuan dalam hal ini tentu akan mendatangkan faedah bagi perancang-perancang pelajaran bahasa dan kesusasteraan kita.

Saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada tuan-tuan dan puan sekelian yang telah memberi pengorbanan untuk mendukung bersama pembangunan bangsa dan negara kita pada masa yang lalu dan saya berharap tuan-tuan dan puan-puan sekelian akan menjalankan usaha dan tenaga dengan lebih giat lagi pada masa yang akan datang. Akhirnya saya berharap tuan-tuan dan puan-puan sekalian akan dapat berbincang dan bermesyuarat dengan mendatangkan keputusan-keputusan yang berisi dan berharga untuk melanjutkan usaha bagi mengadakan buku-buku bagi pendidikan dan pelajaran anak-anak bangsa kita, supaya bangsa kita di Tanah Melayu ini dapat hidup sebagai satu bangsa yang bersemangat yang maju dan bertamadun. Dan lagi saya berharap keputusan-keputusan yang diambil itu akan dilaksanakan dengan sempurnanya menurut acara dan aturan yang tertentu yang boleh menjaminkan kemajuan dan kehasilan yang tetap dan tegas daripada suatu masa ke suatu masa.

Dengan ini saya ucapkan tuan-tuan dan puan-puan sekelian "Selamat bersidang dengan mendapat sepenuh-penuh kejayaan" dan saya dengan amat sukacitanya merasmikan pembukaan Seminar Bahasa dan Sastera ini.

* *Ucapan merasmikan Seminar Bahasa dan Sastera anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 15hb April 1962.*

SASTERAWAN ADALAH PROPAGANDIS ZAMANNYA

SAYA mengucapkan berbanyak terima kasih kepada ahli-ahli Jawatankuasa Malam Kesenian Penulis kerana sudi menjemput saya hadir dan berceramah di majlis yang amat permai ini.

Saya amat berterima kasih terutama sekali kerana jemputan ini ialah satu penghormatan kepada saya dan kepada kerajaan Perikatan. Jemputan ini pada saya mengandung erti yang besar kerana ini menunjukkan bahawa perhubungan antara golongan penulis dan (sasterawan) atau pengarang tanahair di satu pihak dan pemimpin-pemimpin kerajaan di satu pihak lagi adalah sentiasa rapat, mesra dan saling hormat menghormati.

Saya percaya satu daripada sebabnya yang besar maka antara kita ada perhubungan yang mesra saling muhibah dan hormat menghormati ini ialah kerana sikap, cita-cita dan pandangan antara kita sesama kita sangat sesuai.

Perhubungan yang erat ini bukanlah lahir di masa-masa akhir ini, bukanlah berikat dalam sehari dua ini. Pemimpin-pemimpin Perikatan berjuang bahu membahu dengan pahlawan-pahlawan, dengan pengarang-pengarang, dengan penulis-penulis dan dengan wartawan-wartawan - daripada masa semenjak sebelum merdeka dulu.

Saya masih ingat lagi masa saya menjadi Menteri Pelajaran pada bulan Julai 1955 hingga September 1959, ketika saya menerima bagai pihak kerajaan Perikatan segala keputusan Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Malaya yang pertama di Johor Bahru.

Dari kongres itu lahirlah Dewan Bahasa dan Pustaka; dari

kongres itu termaktublah di dalam perlembagaan tanahair kita cita-cita yang selama ini diperjuangkan oleh rakyat negara ini hendak menegakkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan; dari kongres itu juga terbentuklah jawatankuasa ejaan, (Malaya — Indonesia) tapi sayang, sebelum keputusan jawatankuasa dijalankan Indonesia telah mulai permusuhan atau konfrantasinya kepada negara kita.

Kita berdoa moga-moga pada suatu hari, setelah Indonesia dan Malaysia berbaik-baik, keputusan jawatankuasa ejaan Malaysia/Indonesia dapat dijalankna. Yang demikian tidaklah berlebihan jika saya berkata lapangan bahasa dan kesusasteraan juga menjadi medan perjuangan Perikatan dan saya sendiri. Kerana itu dapatlah juga saya mendakwa bahawa pada malam ini saya berada di tengah teman-teman seperjuangan dan kawan-kawan lama dan baru.

Malam-malam seperti ini bagi saya besar ertinya; malam-malam seperti ini memberikan peluang kepada saya bertukar-tukar fikiran dan pendapat dengan mereka yang bergerak memperluaskan alam bahasa dan kesusasteraan atau *Literature* kita, mengikuti lebih dekat masalah-masalah yang dihadapi dalam usaha tuan-tuan dan puan-puan, mengetahui lebih jauh kemajuan-kemajuan yang telah tercapai dan menjenguk ke hadapan kepada rancangan-rancangan yang sedang diatur dalam lapangan bahasa dan kesusasteraan untuk masa hadapan.

Saya ada membaca dalam akhbar-akhbar minggu lalu bahawa tuan-tuan dan puan-puan mahu kerajaan memberikan penghormatan kepada sasterawan-sasterawan atau pengarang-pengarang yang sudah memberikan derma baktinya kepada dunia sastera. Dan juga memberikan peluang kepada penulis-penulis muda ikut dalam rombongan-rombongan melawat ke luar negeri. Sebuah tulisan pada minggu lalu ada menyebutkan supaya kerajaan mengeluarkan Hadiah Sastera *(Literary Prize)*.

Penghormatan kepada sasterawan dan pengarang dan ahli-ahli bahasa kita memanglah sentiasa menjadi dasar kerajaan Perikatan. Anugerah dan penghormatan negara telah dilimpahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong kepada Pendita Za'aba. Pendita Za'aba dianugerahi bintang

Panglima Mangku Negara. Anugerah itu tidak lain dan tidak bukan ialah kerana negara yang merdeka mengakui jasa-jasanya kepada pertumbuhan bahasa dan kesusasteraan bangsa dan tanahair. Ada juga wartawan-wartawan dan penulis-penulis lain yang telah dianugerah bintang oleh Yang di Pertuan Agong dan Raja-raja Melayu.

Di Dewan Bahasa dan Pustaka, banyak penulis dan pengarang Melayu yang jasanya kepada perkembangan bahasa dan kesusasteraan Melayu di masa yang lalu sangat besar bekerja. Kita menggalakkan penulis-penulis mengarang buku-buku novel, sajak, hasil-hasil terjemahan dan karangan-karangan mereka dengan berbagai-bagai kemudahan.

Dewan Bahasa menganjurkan peraduan-peraduan mengarang novel, cerita-cerita pendek dan drama. Semuanya ini menunjukkan betapa tingginya pandangan kerajaan Perikatan dan betapa beratnya perhatian kerajaan Perikatan kepada tugas memajukan kesusasteraan bangsa. Tentang hadiah-hadiah sastera, izinkanlah saya memberi fikiran sedikit di sini. Di Amerika dan di negara-negara lain Hadiah-hadiah Sastera lebih merupakan kewajipan badan-badan kesusasteraan atau yayasan *(foundation)* dan badan-badan peminat kesusasteraan daripada menjadi kewajipan kerajaan.

Badan-badan sastera dan badan-badan peminat sastera memilih sendiri hasil-hasil karya atau karangan penulis yang dianggap terbaik sekali dalam satu-satu waktu.

Saya fikir cara ini lebih baik dan lebih berkesan lagi. Badan-badan sastera dan bahasa bolehlah meminta derma dari peminat-peminat dan ahli-ahli dan saya percaya dermawan-dermawan dan pihak kerajaan pun tidak keberatan memberi bantuan kepada tujuan dan cita-cita yang murni ini. Cara begini akan lebih menggalakkan dan mendorongkan penulis-penulis dan sasterawan-sasterawan negeri ini menghasilkan karya-karya yang baik dari segi teknik dan isi.

Kalau tuan-tuan dan puan-puan berkehendakkan kerajaan mengadakan Hadiah Sastera ini, perkara ini boleh ditimbangkan.

Dan lagi kerajaan Perikatan boleh memberi kemudahan-

kemudahan kepada penulis-penulis dan bakat-bakat baru belajar dan mempertinggi ilmu pengetahuan mereka.

Ada biasiswa-biasiswa atau scholarship-scholarship luar negeri yang boleh diikhtiarkan untuk penulis-penulis muda belajar mengasah bakat dan mempertinggi teknik mereka dalam lapangan novel dan cerita pendek. Dan jika ada antara tuan-tuan dan puan-puan yang mempunyai cita-cita ini silalah berhubung dengan saya atau setiausaha politik saya. Saya sukacita menganjurkan mereka yang layak dan patut menerimanya. Kerana woksyop-woksyop untuk pengarang-pengarang dan penulis-penulis semuanya di negara-negara Barat. Maka mustahaklah pula calon-calon mempunyai pengetahuan bahasa Inggeris yang baik atau bahasa barat yang lain. Bagaimanapun saya suka menasihatkan kepada tuan-tuan dan puan-puan bahawa ilmu pengetahuan yang sebaik-baiknya untuk penulis-penulis dan sasterawan-sasterawan atau pengarang-pengarang adalah terdapat di tanahair sendiri. Ilham *(idea)* dan dorongan untuk menulis didapati bukan di luar negeri tetapi di kampung halaman sendiri; bukan di kampung halaman orang lain.

Ini tidak bererti saya menganjurkan penulis supaya bersikap ''parochial atau kedaerahan''. Tidak demikian maksud saya. Dunia sasterawan ialah dunia manusia - soal-soal yang dihadapi oleh dunia dan oleh manusia, cita-citanya, harapannya, mimpinya, kehampaannya, kekejamannya, kemajuannya dan kekecewaannya. Apa yang saya maksudkan ialah sasterawan mestilah berpijak tegak pada alamnya sendiri, alam tanahairnya, alam sanubari manusia Malaysia.

Penulis-penulis mestilah mengerti saat *(moments)* sejarah yang sedang dilalui oleh rakyat dan negaranya dan mempernyatakan kekaguman dan keharuan saat sejarah itu dalam bentuk cerita pendek dan novel yang indah, yang mengandung nilai sastera dan seni. Tuan-tuan dan puan-puan tentulah sedar bahawa kita sekarang hidup dalam zaman yang amat bersejarah, kejadian-kejadian dalam tanahair kita sekarang besar ertinya dari segi sejarah.

Bagaimanakah perasaan seorang peladang yang turun

temurun tidak mempunyai tanah manakala menerima bantuan daripada kerajaan untuk mendirikan rumahtangga baru di bawah Rancangan FELDA atau seorang nelayan yang turun temurun ke laut dengan sampan sekarang menangkap ikan dengan motorbot, soal hidup, cita-citanya yang baru yang dibawa oleh kemudahan-kemudahan dan zaman baru, atau kekecewaannya dan perjuangan hidup yang ia mesti hadapi dalam zaman orang hendak naik ke bulan, tapi kemajuannya masih juga belum sewajar dengan kemajuan sains dan teknologi.

Apakah yang difikirkannya? Apakah yang dirasakannya? Apakah harapannya? Apakah yang dipersoalkan dalam hati? Lukisan jiwa dan perasaan ini dalam bentuk cerita pendek dan dalam bentuk novel, diolah dan digambarkan dalam satu hasil kesusasteraan yang mengandung nilai yang tinggi, halus dan dengan teknik yang baik inilah satu contoh hasil kesusasteraan yang sesuai untuk zaman pembangunan sekarang.

Saya tidak menganjurkan tuan-tuan dan puan-puan menulis karya-karya yang berbau propaganda. Tapi dalam pada itu pula tidak syak lagi pembangunan luar bandar ialah satu kenyataan hidup yang sedang berlaku di tanahair kita sekarang. Seorang sasterawan ialah seorang pelukis hidup zamannya. Dan betapa dia melihat proses pembangunan sekarang dari kaca mata seorang sasterawan akan besar gunanya esok untuk anak cucu kita memahami perkembangan yang bersejarah di tanahair kita hari ini.

Saya tidak menganjur sasterawan menjadi propagandis saya, Tengku atau Perikatan atau UMNO. Sasterawan adalah propagandis zamannya, manusia dan dunia dalam zamannya dia melukiskan dan menggambarkan cita-cita hasrat dan perasaan masyarakat sekelililingnya dalam satu-satu ketika dan satu-satu saat yang bersejarah dan yang mengandung erti kepada penghidupan manusia kita telah menjadi "interpreter" atau pelukis zaman sekarang, zaman pembangunan bangsa dan negara?

Dua puluh tahun atau tiga puluh tahun akan datang, cucu-cucu kita akan membaca hasil-hasil karya-karya ahli-ahli

sasterawan dan penulis-penulis sekarang. Tapi adakah dia dapat berkata, ''Hai ..... inilah masalah yang dihadapi oleh datuk kau dulu; inilah hidupnya dan inilah cara dia cuba mengatasi masalahnya. Inilah cara dia berfikir, bermain, bergurau senda, berseronok-seronok. Inilah cara dia bekerja, inilah perasaannya, cita-citanya dan harapannya''.

Seorang sasterawan menulis untuk zamannya juga; apa yang ditulisnya sekarang dibaca hari ini, dinilai, ditimbang, difahami hari ini juga. Tapi apa yang ditulis hari ini boleh dilupakan besok juga. Semua bukan untuk pembaca-pembaca zaman akan datang. Pertama sekali, dia lebih tahu nafsu dan selera atau kehendak pembaca-pembacanya yang hidup sezaman dengannya daripada pembaca-pembaca yang hidup tiga empat puluh tahun yang lalu.

Bagaimanapun, hasil karya setengah-setengah sasterawan - Shakespeare, Dante, George Bernard Shaw dan Tun Seri Lanang abadi dalam ingatan dan kenangan manusia. Sebanya ialah mereka menulis apa yang abadi untuk manusia, apa yang kekal dan tidak berubah dari hati sanubari, cita-cita, fikiran dan perasaan manusia. Apa yang abadi dan yang kekal untuk manusia rakyat-rakyat negara kita pula sekarang ini ialah keinginan untuk mengubah cara hidupnya, untuk mencari kebahagiaan dan kesejahteraan hidup dalam abad dunia yang cergas dan kuat pertandingan dan ketakutannya tentang masa hadapannya dan bangsanya.

Satu daripada tugas besar dan penting penulis-penulis zaman ini ialah untuk menanam semangat baru di kalangan rakyat negara ini. Mustahaklah penulis-penulis menggambarkan atau mencerminkan keadaan yang sebenarnya yang ada dalam negara kita pada hari ini; harapan rakyat yang semuanya mahu mencapai taraf hidup yang lebih tinggi lagi daripada hari ini. Mustahaklah bagi mencapai cita-cita ini semua rakyat bekerjasama lebih kuat, lebih taat setia dan tekun lagi kepada pekerjaan yang dipilih itu dan untuk menjaminkan semua ini hendaklah semua rakyat, khasnya rakyat bumiputera menukarkan cara fikiran mereka - bukan saja menukarkan cara fikiran tapi perbuatan mereka dalam serba serbi.

Mustahak kita sedar yang segala-galanya boleh dicapai, jika kita bersungguh bekerja untuk matlamat yang dicita-cita itu. Tapi kita mestilah sentiasa ingat Tuhan tidak akan mengubah satu-satu bangsa atau rakyat itu jikalau umat itu tidak menolong dirinya sendiri. Kemajuan dan kejayaan itu terletak kepada kita sendiri, kia tidak boleh mencapai kejayaan jika kita tidak bekerja kuat. Dalam lain-lain perkataan, diri kita sendiri yang boleh menjaminkan kejayaan hidup atau kejayaan dalam segala bidang. Selagi rakyat Malaysia belum mengubah pemikiran kepada pemikiran baru kita tidak akan maju secepat yang boleh dicapai oleh satu-satu kaum dalam abad ini.

Hendaklah bangsa Malaysia menukar fikiran dan penerimaan hidup kepada yang sesuai dengan keadaan zaman sekarang ini. Fikiran dan penerimaan atau kesanggupan hidup kita sekarang ini tidak boleh menjaminkan kemajuan seperti yang telah dicapai oleh bangsa-bangsa yang telah bertamadun. Oleh itu hendaklah kita mulakan cara hidup dan berfikir yang sesuai dengan zaman tamadun ini. Pemikiran kita pada hari ini hendaklah ditukarkan dengan pemikiran yang lebih cergas dan dinamik lagi sesuai dengan kemajuan zaman, iaitu zaman orang sudah boleh naik ke bulan.

Jika penulis boleh mempengaruhi rakyat Malaysia bagaimana mustahaknya mereka mengubah cara pemikiran ini, mereka telah memberi sumbangan yang besar yang boleh diberi oleh mana-mana golongan kepada bangsa kita pada hari ini. Kita mestilah dari hari ini menukar fikiran kita, mempunyai nilai harga yang lebih tinggi terhadap pekerjaan, sosial, kemajuan dan politik dan dengan inilah saja baru bangsa Malaysia boleh mencapai kemajuan yang sewajarnya.

Bangsa Malaysia yang muda dan sedang muncul ini mahu hidup seimbang dengan bangsa-bangsa barat yang telah maju. Orang-orang bumiputera mahu taraf hidupnya lebih sempurna dan bahagia. Kaum-kaum penulis hendaklah melukiskan atau menggambarkan keinginan mereka dan cara-cara rakyat boleh mencapaikan cita-cita ini. Penulis-penulis boleh memberi perangsang kepada rakyat Malaysia untuk mencapai kebahagiaan hidup, ketinggian ilmu dan kemakmuran ekonomi

melalui tulisan-tulisan novel, cerita-cerita pendek dan sajak-sajak.

Desakan dan cita-cita rakyat Malaysia yang bukan keturunan Melayu pula umumnya di kalangan mereka yang taat setianya tidak lagi berbelah bagi kepada Malaysia ialah perasaan muhibah, saling mengerti di antara kaum-kaum di Malaysia. Rasa berbaik-baik sangka antara semua rakyat dan cita-cita hendak melihat cepat lahirnya satu rupa bangsa dan satu taat setia di mana warganegara tidak lagi terbagi-bagi kepada puak-puak dan taat setia mereka menjadi kesangsian (atau suspect) pihak yang lain.

Menyelami lubuk hati manusia sekarang; memahami dan melukiskan perasaan dan jiwa yang meresapi rakyat negara ini terutama ahli-ahli bumiputera sekarang, menggambarkan kepada dunia dan kepada manusia lain - inilah satu pokok tugas dan kewajipan pengarang-pengarang dan penulis-penulis Melayu dalam zaman pembangunan sekarang. Rakyat Malaysia sedang mecari kebahagiaan hidup dan suatu masyarakat yang adil di mana persamaan-persamaan dalam ekonomi dan politik terjamin.

Sampai ke mana penulis-penulis dapat memenuhi tugas dan kewajipan itu bergantung atas kemampuan dan kesanggupan tuan-tuan dan puan-puan memenuhi tugas itu, umat Malaysia masa akan datang akan memberikan verdictnya atau putusannya kepada angkatan pengarang dan penulis di zaman ini.

Terima kasih.

* *Ucapan di Malam Kesenian Penulis Pulau Pinang dan Seberang Perai di Dewan Bandaraya Pulau Pinang pada 20hb Februari 1966.*

MASALAH KEKURANGAN BUKU-BUKU TEKS, BUKU-BUKU PENGETAHUAN

SAYA teringat kembali kepada satu masa 14 tahun yang lalu dalam bulan September tahun 1956 yaitu diupacara penutup Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu yang ketiga di Istana Besar, Johor Baharu. Kongres itu telah diadakan dengan kehendak saya sendiri sebagai Menteri Pelajaran pada masa itu. Dalam majlis penutup Kongres itu, saya telah menerima, bagi pihak Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, keputusan-keputusan Kongres yang diambil dalam persidangan selama enam hari. Satu daripada keputusan Kongres itu ialah mendesak Kerajaan supaya menubuhkan satu badan bahasa yang diberi nama Dewan Bahasa dan Pustaka. Keputusan ini saya telah terima dengan serta merta dalam upacara itu.

Pada mula-mulanya ditubuhkan, DBP itu hanyalah sebuah Jabatan Kecil yang menumpang di Bangunan Pejabat Kerajaan Johor, di Johor Baharu. Semenjak saya mengisytiharkan tertubuhnya DBP sehingga hari ini, Dewan ini telah berkembang dengan suburnya dan banyak jasa dan bukti dicapai dalam usaha untuk meninggikan taraf dan mutu Bahasa Kebangsaan atau Bahasa Malaysia.

Sekarang, sambil kita masuk ke *decade* tujuh puluhan, kita dapati kegunaan Bahasa Malaysia telah meningkat tinggi dan merebak ke semua cawangan pentadbiran dan juga sistem pelajaran menurut dasar yang dijalankan oleh Kerajaan.

Sekarang tidaklah boleh dinafikan oleh mana-mana pihak pun bahawa Bahasa Malaysia telah diterima sebagai Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi tunggal di negara kita ini.

Usaha-usaha sedang dijalankan untuk menggalakkan penggunaan Bahasa Kebangsaan ini sebagai Bahasa Perpaduan bagi menguatkan saling mengerti dan perasaan muhibbah di antara penduduk-penduduk negara kita yang berbilang bangsa.

Bahasa Malaysia sekarang digunakan sebagai Bahasa Pengantar bukan saja di sekolah-sekolah rendah dan menengah bahkan dengan tertubuhnya Universiti Kebangsaan, maka Bahasa Malaysia digunakan dengan seluas-luasnya di peringkat pengajian tinggi.

Dengan perkembangan yang begini pesat yang dicapai oleh Bahasa Malaysia, tak dapat tiada kita memerlukan buku-buku bacaan di sekolah-sekolah, maktab-maktab dan di universiti-universiti dalam semua lapangan pendidikan. Begitu juga kita berkehendakkan buku-buku bacaan dalam Bahasa ini untuk bacaan awam. Maka dengan itu, saya ingin berseru kepada penulis-penulis dan pengarang-pengarang supaya mengeluarkan buku-buku yang bermutu tinggi dalam Bahasa Malaysia untuk dibaca oleh rakyat kita daripada semua peringkat.

Begitu juga kita berkehendakkan buku-buku bagi kegunaan pejabat-pejabat Kerajaan. Banyak lagi undang-undang di negara kita yang mustahak diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia dan saya harap usaha-usaha dapat dijalankan bagi memenuhi maksud ini dengan seberapa segera yang boleh.

Saya diberitahu oleh mereka yang mengetahui bahawa satu daripada masalah-masalah yang dihadapi dalam usaha untuk mengadakan buku-buku teks dan buku-buku yang lain ialah masalah kekurangan tenaga yaitu oang-orang yang berkelayakan untuk menterjemahkan buku-buku itu.

Pada fikiran saya, sebagai seorang yang bukan ahli bahasa atau *educationist* - ada dua cara untuk menerbitkan buku-buku teks. Pertama, dengan menterjemahkan buku-buku itu daripada buku-buku asing, dan kedua, dengan mengarang sendiri buku-buku itu. Kedua-dua ini memerlukan tenaga yang ahli atau *expert* dalam lapangan ilmu masing-masing. Penguasaan kepandaian atau *knowledge* yang mendalam dalam dua bahasa, keahlian dalam perkara yang ditulis serta kepandaian

dan pengalaman mengajar adalah di antara syarat-syarat yang perlu untuk mengarang atau menterjemahkan buku-buku teks Ilmu Hisab, Sains, Ilmu Alah, Sejarah atau pun Ilmu Kajihayat, Sosiologi atau pun Politik dan *humanities*.

Masalah-masalah yang dihadapi sekarang ini, saya percaya, sedang cuba diatasi oleh DBP. Satu sumber yang baik untuk ditimba bagi mengisi kekurangan tenaga dalam bidang ini ialah dari kalangan guru-guru, mahasiswa, sarjana dan pemegang Ph.D. kita yang bilangannya kian hari kian bertambah.

Tetapi usaha menerbitkan buku-buku teks sama ada yang asli ataupun yang diterjemahkan dari bahasa-bahasa lain ialah satu usaha yang tidak boleh dikerjakan secara sambilan atau *part-time*. Ia mesti diatur, disusun dan diselenggarakan dengan bersungguh-sungguh dan secara besar-besaran. Tenaga yang pakar yang mempunyai syarat-syarat yang diperlukan untuk menjalankan tugas itu tidak banyak. Guru-guru yang boleh menulis buku-buku teks, yang mempunyai pengalaman mengajar dan mempunyai kebolehan menterjemah dari buku-buku bahasa asing dan yang pakar dalam lapangan ilmu masing-masing, barangkali lebih diperlukan tenaganya sebagai guru di sekolah.

Kerjasama yang erat dengan Kementerian Pelajaran untuk mendapatkan tenaga-tenaga guru untuk menjalankan tugas yang penting itu, saya rasa, ialah satu cara yang baik bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga pakar-pakar di Dewan Bahasa sendiri. Kerahan tenaga terhadap mereka yang mempunyai kepandaian, keahlian dan pengetahuan yang dapat digunakan dan ditumpukan kepada usaha menerbitkan buku-buku teks yang makin banyak dikehendaki di sekolah-sekolah dalam semua peringkat, perlulah ditinjau dan dikaji.

Tugas ini adalah satu tugas yang mendesak dan berat kerana tahun-tahun yang kita hadapai sekarang ialah tahun-tahun mengisi Bahasa Malaysia sebagai bahasa dalam zaman sains dan teknologi. Masa untuk melaung-laungkan slogan sudah tamat. Masa untuk memberi penerangan dan berkempen

tentang perlunya Bahasa Malaysia sebagai bahasa perpaduan juga sudah tamat. Masa kita hadapi sekarang ialah masa yang mencabar kita untuk mengambil langkah berusaha dan bekerja mengisi kekosongan yang ada dalam Bahasa Malaysia untuk menjadikan benar-benar Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Rasmi negara kita.

Tidak lama dulu saya telah membaca kenyataan dari Pemangku Pengarah DBP mengenai perubahan-perubahan yang dirancangkan untuk menyesuaikan DBP dengan perkembangan dan cabaran-cabaran tahun-tahun tujuh puluhan. Rancangan-rancangan beliau nampaknya didorong oleh perkembangan Dewan Bahasa sebagai sebuah pertubuhan yang menjalankan dua tugas - menyelidik perkembangan bahasa dan sastera Melayu di samping menjalankan usaha mengeluarkan buku-buku. Dengan lain-lain perkataan, rancangannya itu ialah untuk mengadakan satu sistem *co-ordination* pentadbiran supaya kedua-dua tugas itu dapat dijalankan dengan lebih kemas dan lebih *efficient* lagi dari masa ini.

Dewan Bahasa, selain dari mencetak buku yang menghasilkan 5.3 juta naskah pada tahun 1969 juga mengadakan penyelidikan mengenai bahasa dan sastera, membuat satu kamus dan mencipta istilah. Setakat ini hanya satu kamus saja yang dapat dikeluarkan dan saya dengar pada hari ini saya akan dapat menjimatkan wang sebanyak $20/- kerana ada bau-bau yang saya akan dapat satu naskah Kamus Dewan dengan percuma. Kalaulah betul, saya ucapkan terima kasih awal-awal lagi.

Membuat kamus mengambil masa bertahun-tahun lamanya. Begitu juga mencipta istilah dan membuat *research* sastera dan bahasa. Usaha-usaha ini memang penting belaka tetapi kita mestilah menetapkan *priorities* kita supaya setiap tenaga yang terhad itu dapat ditumpukan kepada usaha yang kita anggap penting.

Pada keseluruhannya, DBP telah mencapai kejayaan-kejayaan yang boleh kita semua megah, tapi kerja-kerja di depan kita masih banyak lagi yang mesti disempurnakan dengan beberapa segera yang boleh. Saya yakin mereka yang

bertanggungjawab di Dewan ini akan menjadikan tujuh puluhan satu zaman yang lebih cemerlang lagi bagi DBP daripada masa-masa yang lepas.

Saya suka berseru kepada pegawai-pegawai yang berkhidmat di DBP bahawa mereka adalah mempunyai tanggungjawab yang penting bagi bangsa dan negara dan mustahaklah mereka itu menjalankan tugas mereka dengan jujur dan ikhlas dan dengan penuh taat setia.

Saya faham bahawa dulu kemampuan DBP sangat terbatas. Sekarang kebolehan dan kemampuannya telah melambung tinggi. Pada tahun 1969 DBP telah berjaya menerbitkan sebanay 242 *titles* atau tajuk-tajuk buku dan mengeluarkan 5.3 juta naskah buku. Hasil dari penjualan buku-buku saja dalam tahun itu sudah berjumlah sebanyak $5.2 juta.

Saya difahamkan lagi bahawa jika semua buku-buku yang dicetak itu dapat dijual maka pendapatan dari jualan buku saja harus melebih $7 juta. Saya berharap pada tahun-tahun yang akan datang lebih banyak lagi tajuk-tajuk buku, naskah-naskah, akan dapat dikeluarkan dan pendapatan dari jualan buku-buku itu akan berlipat ganda banyaknya.

Pendapatan dari perusahaan penerbitan dan percetakan saja di Malaysia dalam tahun 1968 berjumlah sebanyak $58 juta. dan angka ini tentu telah meningkat lebih daripada $60 juta pada tahun lepas. Angka sebenarnya bagi tahun 1969 dan 1970 belum lagi saya dapati tapi saya yakin pendapatan telah meningkat lebih daripada $60 juta.

Dengan itu masa depan perusahaan penerbitan dan percetakan di negara kita ini sangatlah cemerlang dan saya harap DBP akan mendapat hasil yang berlipat ganda daripada perusahaan yang penting ini.

Dewan Bahasa, saya diberitahu, pada tahun 1970 ini mempunyai 295 jawatan atau *establishment* dan 45 daripada jawatan itu masih belum diisi lagi. Saya harap usaha-usaha akan dibuat secepat mungkin bagi mengisi jawatan-jawatan kosong itu untuk melicinkan kerja-kerja di Dewan ini sendiri dan bagi memberi peluang kepada ramai orang-orang kita mendapatkan kerja yang sesuai dengan kelayakan dan kebolehan mereka.

Seperti telah saya terangkan dan seperti kita semua ketahui, DBP adalah mempunyai tanggungjawb yang besar dan makin bertambah berat dengan luasnya penggunaan Bahasa Malaysia. Saya berharap dengan adanya bangunan tambahan ini, Dewan Bahasa akan dapat menjalankan tugasnya dengan lebih jaya lagi dan dengan itu akan dapat melaksanakan kehendak-kehendak negara yang penting yaitu mengisi Bahasa Malaysia dengan sepenuhnya dalam semua peringkat pelajaran, perusahaan dan pentadbiran.

Dengan harapan inilah saya dengan sukacitanya mengisytiharkan pembukaan Bangunan Tambahan Dewan Bahasa dan Pustaka ini.

* *Ucapan merasmikan bangunan Tambahan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 29hb Julai 1970.*

ASAS-ASAS KEBUDAYAAN KEBANGSAAN

SAYA bersyukur ke hadrat Tuhan Rabul Alamin yang telah memberikan kita taufik dan hidayahNya dan menghimpunkan kita beramai-ramai di sini pagi ini menempa satu peristiwa yang penting dalam sejarah negara. Inilah Kongres Kebudayaan yang pertama kali diadakan di bawah anjuran Kerajaan, dan perhimpunan ahli-ahli kebudayaan yang bijak pandai dari seluruh negara adalah natijah yang nyata bahawa kita sudah mempunyai kebulatan sikap hendak memenuhi hasrat dan cita-cita kebangsaan dalam usaha memenuhi dan memberikan makna kepada kemerdekaan.

Selama beberapa hari yang akan datang ini, saudara-saudara akan membincangkan beberapa kertaskerja yang telah disediakan oleh bijak pandai kita mengenai berbagai aspek kebudayaan. Tidaklah syak bagi saudara-saudara yang ditugaskan menulis kertaskerja-kertaskerja telah memeras otak untuk mengemukakan penilaian-penilaian dan pendapat-pendapat baru untuk dikaji bersama-sama dalam Kongres ini. Saya berharap persediaan-persediaan yang dibuat oleh pihak penyelenggara Kongres ini adalah cukup memuaskan dan sukalah saya mengambil kesempatan ini memberi ucapan tahniah kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan ahli-ahli Jawatankuasa Kongres atas penat lelah mereka mengadakan persiapan-persiapan yang lengkap dan disulami dengan acara-acara yang permai seperti kita saksikan sebentar tadi dan dalam acara-acara lain Kongres ini.

Pada padangan saya, tujuan utama kita mengadakan Kongres ini ialah sebagai langkah awal mencari asas-asas fun-

damental kebudayaan kebangsaan yang kita cita-citakan itu. Seperti yang sama-sama dimaklum, bentuk dan corak kebudayaan sesuatu bangsa hanya boleh dipastikan setelah menempuh proses timbang terima masyarakatnya serta menempuh ujian masa dalam mana setengah-setengah unsur itu diterapkan menjadi bentuk kebudayaan yang kekal sementara yang lainnya ditolak dan ditinggalkan. Oleh itu jelaslah kepada saudara-saudara bahawa maksud kita ialah meneroka jalan ke arah matlamat yang hanya dapat dilihat hasilnya beberapa jenerasi yang akan datang.

Kebudayaan atau culture sesuatu bangsa, menurut fahaman saya ialah pengumpulan dari idea-idea dan perasaan, kepercayaan-kepercayaan dan lambang, nilai-nilai dan bentuk-bentuk kemasyarakatan serta objek-objek kebendaan yang diwariskan turun-temurun, dari satu masa ke satu masa dan dari satu jenerasi kepada jenerasi yang berikutnya. Barangkali saudara-saudara di sini, terutama mereka dari golongan akademik, dapat memberikan pengertian atau tafsiran yang lebih lengkap. Bagaimanapun, kalau kita boleh menerima pengertian tadi sebagai asas perbincangan, saya rasa tidaklah terlalu sukar bagi saudara-saudara hendak menghuraikan masalah-masalah yang menyentuh berbagai-bagai bidang kebudayaan serta mencari kata sepakat tentang bentuk corak kebudayaan yang dikehendaki itu.

Wujud kita sebagai satu bangsa masih sangat baru dan belum pun sampai satu jenerasi semenjak kita merdeka dan berdaulat, mula-mulanya sebagai bangsa Malaya dan kemudiannya menjadi bangsa Malaysia. Oleh itu, tidaklah dapat dielakkan timbulnya salah pengertian di kalangan orang-orang kita, terutama dalam hal menentukan manakah unsur-unsur dalam kebudayaan asli kita yang patut dipertahankan dan manakah yang harus tunduk kepada pembaharuan. Masalah ini menjadi lebih rumit kerana ada setengah-setengah pihak yang hanya mengambil ruang yang sempit dan terus mempertahankan semua unsur tradisional yang mengakibatkan masyarakat itu menjadi statik dan mundur.

Manifestasi seperti ini tentulah tidak dapat diterima

apalagi kalau kita mengingat ajaran ugama kita bahawa setiap yang dijadikan oleh Tuhan itu sentiasa berubah-rubah. Jadi, tidaklah benar sesuatu tradisi itu baik semata-mata kerana lamanya, dan sebaliknya janganlah ditolak dan diketepikan sesuatu itu kerana barunya. Tidak ada adat resam dan cara hidup yang tidak berubah menurut aliran waktu dan tidak pula bermakna bahawa proses perubahan itu terus mengakibatkan ia lenyap sama sekali. Pendek kata, dalam kehidupan masyarakat, tetap akan berlaku proses evolution atau penyerapan nilai-nilai baru yang disebabkan oleh pertumbuhan dari dalam ataupun melalui contact penemuan dari luar yang memberikan ketegasan dan kekuatan kepada masyarakat itu.

Semasa kita mencapai kemerdekaan 14 tahun yang lalu, Kerajaan sedar dan insaf bahawa kewajipannya yang utama ialah memenuhi bidang-bidang kehidupan rakyat yang serba kekurangan pada masa itu. Oleh itu, keutamaan atau priority kita ialah meninggikan perkembangan di bidang-bidang ekonomi dan sosial supaya rakyat dapat mengecap nikmat kemerdekaan dalam tempoh yang singkat menurut kadar masing-masing. Begitu juga adalah dirasakan adanya kekurangan dalam kehidupan kebudayaan rakyat di negara kita setelah dijajah sekian lama. 'Perlembagaan Negara yang telah kita gubal sendiri meletakkan kedudukan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan Kita dan dari satu masa ke satu masa Kerajaan berusaha meningkatkan pemakaian Bahasa Kebangsaan kepada taraf sewajarnya kerana kita insaf peri mustahaknya bahasa sebagai simbol nasional di samping menjadikannya faktor yang utama untuk menyatukan rakyat kita yang berbilang bangsa. Peranan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa penyatuan adalah 'fundamental' dalam Dasar Pelajaran Kebangsaan kita, yang merupakan 'strategi' jangka panjang untuk mewujudkan bangsa Malaysia yang bersatupadu.'

Dalam sejarah kehidupan sesuatu masyarakat, ada kalanya juga satu peristiwa krisis membawa bersama-samanya natijah baru yang membuka jalan ke arah haluan yang positif dan muktamad. Bagi kita bolehlah disifatkan tahun 1969 sebagai garis pemisahan yang nyata dalam sejarah kehidupan bangsa

dan negara. Dalam hubungan inilah saya menegaskan bahawa sudah sampai ketikanya bagi kita menentukan 'identiti' atau keperibadian kebangsaan sebagai satu bangsa yang mempunyai maruah dan martabat seperti bangsa-bangsa lain yang merdeka dan berdaulat di dunia ini.

Tempoh kesedaran baru berikutan dengan peristiwa 13 Mei memberikan kita kesempatan yang baik untuk mengkaji keadaan masyarakat dan negara kita sedalam-dalamnya, memikirkan serta menimbangkan dengan teliti arah dan haluan masa depan masyarakat kita yang berbilang bangsa ini. Kita boleh berbangga kerana dari pemikiran dan pertimbangan inilah lahirnya Rukunegara yang mengandungi lima prinsip-prinsip utama sebagai falsafah negara kita bagi panduan dan amalan setiap rakyat yang cinta kepada tanahairnya. Untuk pertama kalinya dalam sejarah Malaysia yang masih muda ini, kita berjaya menghasilkan garis-garis panduan bagi membentuk masyarakat yang aman damai dan bersatupadu. 'Rukunegara ini adalah ciptaan kita sendiri hasil dari daya pemikiran bijak pandai kita, sesuai dengan 'environment' dan iklim Malaysia. Dengan berpandukan kedua-kedua Perlembagaan dan Rukunegara, saya percaya sepenuh-penuhnya bahawa jalan yang kita lalui dan yang akan ditempuh oleh jenerasi-jenerasi akan datang tetap membawa kepada mercu kebahagiaan yang dicita-cita itu'.

Sebagai ahli-ahli bijak pandai, saudara-saudara tentulah lebih faham bahawa dalam mana-mana masyarakat di muka bumi ini, ''individual'' atau perseorangan itu hidup dalam kebudayaan. Maju atau mundurnya sesuatu bangsa itu diukur dari tingkatan kebudayaan yang telah dicapainya pada satu-satu ketika dan ini adalah dibuktikan dengan jelas oleh sejarah. Saudara-saudara yang lebih hampir dengan tulisan tokoh-tokoh yang terkenal seperti 'Malinowski, Benedict, Mead, Boas' dan lain-lain lagi tentulah mengetahui dengan lebih luas serta mendalam teori-teori mengenai 'evolusi' masyarakat dan masalahnya. Pada pandangan saya, keadaan seperti kita di Malaysia ini barangkali tidak seumpamanya di dunia ini dan penghuraian masalah kita haruslah dicari sendiri.

Oleh itu, tentulah saudara-saudara sependapat dengan saya bahawa cabaran yang kita sama hadapi, terutama berhubung dengan pembentukan bangsa Malaysia, mungkin tidak ada bandingannya. Masih jauh jalan yang harus kita lalui dan banyak pula yang harus kita kerjakan sebelum sampai pada matlamat kebudayaan kebangsaan yang dicita-citakan itu. Saya yakin dan saya percaya saudara-saudara juga, bahawa dengan kesungguhan hati dan kebulatan tekad kita menghadapi cabaran-cabaran itu, kita tidak akan mengecewakan harapan jenerasi-jenerasi yang berikut kelak.

Memandang kepada kehendak-kehendak masa depan, kita tidak boleh mengelak dari sikap pendirian bahawa disiplin pergaulan hidup cara lama hendaklah memberi tempat kepada yang baru.

'Kita sesungguhnya beruntung kerana kebudayaan asli rantau Asia Tenggara ini adalah warisan kebudayaan purba yang bermutu tinggi, merupakan khazanah daripada tradisi-tradisi yang mempunyai nilai-nilai sosial, moral dan artistik.' Di zaman-zaman lampau, tradisi-tradisi ini dapat menjamin kehidupan masyarakat yang aman dan stabil di rantau ini, mahupun sewaktu mengalami penjajahan negara-negara barat untuk beberapa lama. Perubahan-perubahan yang timbul dari pergolakan sosial-politik dan sosial-ekonomi sesudah Perang Dunia Kedua, yang membawa kepada kemerdekaan negara kita, sedapat mungkin hendaklah disalurkan menurut satu cara yang dapat menjamin manafaat kebendaan tanpa kerosakan nilai-nilai yang ada. Kemerdekaan menyegarkan semula kesedaran kebudayaan atau cultural nasionalism yang tersekat kemajuannya oleh penjajahan.

Dalam hubungan ini, melihat pada pengalaman setengah-setengah masyarakat dán juga kesedaran kita tentang proses perkembangan yang sedikit sebanyaknya dirancangkan terlebih dahulu supaya kita dapat mengelakkan keburukan-keburukan dari proses perubahan itu. Di samping itu, perlulah kita menyesuai dan mencantumkan unsur-unsur yang terbaik dari tamadun sains dan teknologi dengan unsur-unsur yang bernilai dari tradisi-tradisi kebudayaan lama yang kita warisi. Sebagai

contoh, kita dapat melihat kemajuan bangsa Jepun menunjukkan dalam berbagai cara bahawa perindustrian moden tidak membawa keruntuhan tradisi-tradisi kebudayaan bangsa itu istimewa bidang-bidang kesenian.

Masalah besar yang kita hadapi dalam usaha memenuhi hasrat 'cultural nasionalism' ini ialah menyediakan tapak yang kukuh dan sesuai untuk membentuk kebudayaan untuk diwariskan kepada jenerasi-jenerasi akan datang.

'Seperti saya katakan tadi, nenek moyang bangsa kita yang mendiami rantau Nusantara ini meninggalkan pusaka kebudayaan yang kayaraya dan tinggi mutunya. Maka itu, sudah sewajarnya kita menerima gagasan bahawa kebudayaan kebangsaan yang sedang dibentuk dan dicorakkan itu hendaklah berlandaskan kebudayaan rakyat asli rantau ini. Bagaimanapun, patutlah juga kita mengambil unsur-unsur kebudayaan yang datang ke rantau ini dan membawa pengaruh-pengaruh ke atasnya semenjak beberapa lama supaya pengaruh-pengaruh yang bermanafaat dapat menyegarkan dan menentukan corak kebudayaan Malaysia bagi masa hadapan. Namun, haruslah diingat, dalam mencari bentuk dan menentukan corak kebudayaan kebangsaan, kita tidaklah melupakan hakikat masyarakat kita yang berbilang bangsa — 'the reality of our multi-racial society'. Kita hendaklah sentiasa berpandu kepada cita-cita membentuk satu negara di mana rakyatnya dari berbagai kaum dan golongan dapat dijalin dalam satu ikatan yang padu. Saya percaya selagi kita sedar dan insaf akan hakikat ini, kita tidak akan mengelencung dari matlamat mendirikan bangsa yang bersatu.

Seperti yang kita sama-sama maklum, masyarakat dimana-mana jua adalah terdedah kepada berbagai-bagai pengaruh disebabkan oleh perkembangan dan kemajuan di bidang hubungan am atau 'mass communcations.' Masalah 'acculturation' yang timbul akibat 'cultural contact' ini menimpa masyarakat-masyarakat yang lemah kerana nilai-nilai palsu dari kebudayaan yang mendatang itu mungkin mengakibatkan rosak atau lenyapnya 'ethos' dan nilai-nilai peradaban mereka sendiri. 'Masyarakat-masyarakat kita di rantau Asia Tenggara ini

khasnya, dan di Asia amnya, sedikit sebanyak mengalami kelumpuhan akibat Kolonialism Barat. Tetapi tidaklah dapat dinafikan pula adanya kemajuan-kemajuan positif yang kita terima hasil dari sistem pendidikan moden yang membolehkan kita menerima faedah dari perkembangan-perkembangan sains dan teknologi barat di samping konsep-konsep baru seperti Demokrasi berpalimen yang menjadi darah daging kita hari ini.

Secara umum, kita melihat masalah-masalah yang ditimbulkan oleh 'cultural contact' ini berbeza menurut kelompok-kelompok dan lapisan-lapisan masyarakat. Bagi masyarakat kita sendiri, perbezaan amat nyata antara kelompok bandar atau 'urban group' di antara saudara-saudara yang keras mempertahankan ''kemurniaan'' masyarakat luar bandar yang dikatakan lebih kukuh berakar umbi dan stabil, tetapi mestilah kita akui bahawa pada hakikatnya tingkatan hidup mereka adalah lebih rendah dan kurang berkemampuan untuk menghadapi cabaran-cabaran zaman moden. Terutama memandang peri mustahaknya perseimbangan ekonomi 'urban/rural', demi kepentingan perpaduan dan kestabilan negara dewasan ini, tentulah ''kemurnian'' hidup desa yang diagung-agungkan oleh setengah-setengah penulis kita tidak dapat diterima dalam konteks pembangunan masyarakat Malaysia masa hadapan. Inilah 'rationale' Dasar Ekonomi Baru yang menjadi urat nadi Rancangan Malaysia Kedua.

Saya ingin menegaskan bahawa dalam usaha-usaha kita hendak membentuk kebudayaan kebangsaan, kita hendaklah berhati-hati memilih unsur-unsur yang segar dan positif, mengingat latarbelakang masyarakat kita yang berbilang bangsa. Kita mestilah ingat dan faham bahawa 'evolusi' atau pertubuhan 'indigenous culture' di negara kita ini hendaklah mempunyai asas yang kukuh dan tapak yang luas kerana kebudayaan itu hanya akan tahan dan kekal setelah melalui proses masa dan mendapat persetujuan serta dukungan sepenuhnya dari rakyat masyarakat kita.

Dalam beberapa tahun akan datang ini, seperti diterangkan dalam Rancangan Malaysia Kedua, masyarakat kita terutama masyarakat Melayu akan mengalami perubahan-

perubahan besar dari penyusunan semula atau 'restructuring of society'. Saya percaya saudara-saudara dalam beberapa hari ini akan memberikan perhatian penuh kepada masalah-masalah ini yang akan timbul dari proses pembaruan yang besar maknanya dan belum pernah berlaku di masa-masa lalu.

Pada pendapat saya, perubahan-perubahan ini bukanlah hanya melaksanakan ''bandarisasi'' atau urbanisasi, bagi memenuhi kehendak-kehendak perkembangan dan kemajuann perindustrian di bandar-bandar besar atuapun bandar-bandar baru kelak. Yang lebih penting ialah bagi mereka mengubah konsep 'value sistem' dalam kehidupan sehari-hari serta menerima nilai-nilai hidup yang moden dan progresif sesuai dengan kemajuan zaman.' Bagi menghadapi perubahan-perubahan masa depan itu, mustahaklah mereka memperlengkapkan diri bukan saja dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran-kemahiran tetapi, tidak kurang pentingnya mengisi kekuatan rohani mereka. Rakyat Malaysia sekarang dan akan datang hendaklah mempunyai nilai-nilai hidup yang membolehkan mereka itu menghadapi zaman pergolakan yang penuh dengan cabaran-cabarannya serta mengatasi masalah yang berbagai rupa dalam dunia moden ini. Barangkali kita boleh menjangka corak kehidupan baru sekeliling mereka itu dapat melahirkan bentuk kebudayaan yang lebih segar dan dinamis di mana pusaka tradisi yang indah dan bernilai itu dipelihara serta disesuaikan dengan iklim dan 'environment' baru. Inilah perkembangan yang benar-benar kita ingini dan menjadi matlamat segala langkah dan usaha kita hari ini.

Dalam 'context' ini juga saya melihat satu perubahan corak golongan 'intelligentsia' negara kita iaitu timbulnya golongan baru yang dibesarkan dan terdidik dalam suasana negara yang merdeka menggantikan golongan 'intelligentsia' hari ini yang mendapat pendidikan semasa zaman kolonial. Ini adalah satu perubahan yang penting dan yang membawa kemungkinan-kemungkinan besar kerana suasana baru inilah memupuk perkembangang hasil-hasil karya yang bernilai tinggi baik dalam bentuk sastera mahupun yang lain-lain; serta mencerminkan identiti kebangsaan yang sebenar.

Cabaran-cabaran masa depan ini adalah juga merupakan kesempatan yang berharga kepada sesuatu bangsa. Kita semua, terutama sekali golongan cerdik pandai, mendukung beban yang berat kerana di tangan kitalah terletak tugas menentukan arah haluan nasib bangsa negara. Saya percaya saudara-saudara yang berada di sini sedia dan sanggup menerima cabaran-cabaran itu. Kita telah mencapai banyak kejayaan sehingga ini tetapi matlamat kita masih jauh di hadapan, kita boleh berbangga kerana dekat usaha-usaha di kalangan kaum seniman dan sasterawan kita, kemajuan-kemajuan di bidang-bidang seni dan sastera bergerak maju setingkat demi setingkat. Inilah sedikit sebanyaknya boleh kita wariskan kepada jenerasi-jenerasi akan datang, akan tetapi tentulah kita belum berpuas hati dengan kejayaan setakat itu sahaja.'

Dalam bidang kebudayaan kita hari ini, masih banyak ruang kekosongan yang perlu diisi dan sementara kita menghasilkan karya-karya yang lebih besar dan bermakna, patutlah juga kita menerima dan mengembangkan unsur-unsur terbaik dari kebudayaan dunia luar yng diterima secara universal. Dalam bidang muzik, umpamanya, pengenalan yang lebih meluas mengenai 'composers yang ulung serta 'Beethoven' Rachmaninov dan Mahler' adalah sama pentingnya kepada masyarakat sehingga kita dapat melahirkan gubahan-gubahan 'indigenous music' yang bermutu tinggi.

Begitu juga saya rasa pengenalan karya-karya sastera Eropah yang mengemukakan pendapat-pendapat dan unsur-unsur pembaruan, adalah penting bagi ilmu pengetahuan di samping memupuk hasil-hasil penulisan yang menyumbangkan cita-cita 'need for achievement' supaya mendorong kemajuan dan perkembangan ekonomi dan sosial yang lebih besar dan meluas. Sastera nasional mencerminkan tingkatan pemikiran sesuatu bangsa dan pada fikiran saya tidak melihat kemungkinan-kemungkinan kemajuan selama isi sastera berpusat sekitar masyarakat desa yang tidak dapat melihat lebih jauh dari dunia sekeliling mereka itu.

Baru-baru ini saya telah membentuk satu Panel Hakim yang tetap yang akan bertanggungjawab memilih buku-buku

yang baik. Pengarang atau Sasterawan atau Essayists yang baik untuk diberi hadiah oleh Kerajaan pada tiap-tiap satu tahun atau tiga tahun sekali.

Untuk beberapa hari ini kelak, saudara-saudara akan mengkaji dan menimbangkan pendapat-pendapat dan idea-idea yang bernas terbit dari perbincangan-perbincangan atau kertaskerja yang telah disediakan oleh ahli-ahli budaya dan cerdik pandai kita untuk Kongres ini. Rumusan-rumusan yang akan dicapai dari perbincangan-perbincangan ini adalah penting dan besar maknanya kerana rumusan-rumusan itu akan menentukan bentuk dan corak kebudayaan yang kita kehendaki.

Bagi pihak Kerajaan, saya menyatakan keyakinan bahawa Kongres Kebudayaan pertama ini akan memberikan garis-garis panduan kepada saya dan rakan-rakan saya mengenai perkembangan kebudayaan untuk membolehkan kita mengaturkan langkah-langkah yang diperlukan. Rumusan-rumusan Kongres ini akan dipertimbangkan sedalam-dalamnya kerana ini bolehlah disifatkan sebagai permulaan satu 'phase' baru dalam kehidupan kita sebagai satu bangsa.

Bagaimanapun, saya suka mengingatkan bahawa bentuk kebudayaan yang dirumuskan itu belumlah benar-benar muktamat kerana kehidupan kebudayaan hanya akan menjadi tradisi yang berkekalan setelah ianya melalui liku-liku zaman dan diterima sebagai amalan hidup oleh jenerasi-jenerasi akan datang.

Saya dengan beberapa sukacitanya merasmikan Kongres Kebudayaan ini dan berdoa semoga Kongres ini mencapai kejayaan sepenuhnya.

* *Ucapan Perasmian Kongres Kebudayaan Kebangsaan di Dewan Tunku Canselor Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada 16hb Ogos 1971.*

KEBUDAYAAN NASIONAL BERTERASKAN KEBUDAYAAN ASLI RANTAU INI

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Lembaga Kebudayaan dan Sejarah Melayu serta Pengarah Muzium Negara atas jemputan mereka kepada saya untuk membuka Pamiran Seni Bali ini.

Sepanjang yang saya ketahui, inilah kali pertama pamiran Seni Bali seperti ini diadakan di negara ini. Pamiran seperti ini sangatlah besar ertinya dalam usaha kita untuk merapatkan tali persaudaraan antara Malaysia dengan Indonesia melalui bidang kebudayaan. Oleh kerana itu, saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada Lembaga Kebudayaan dan Sejarah Melayu atas inisiatifnya mengadakan pamiran ini.

Kebudayaan alam Melayu mempunyai sejarah yang lama seperti yang dibuktikan dengan karya-karya seni dan lain-lain peninggalan di zaman silam. Kita boleh menyebut tentang sejarah bahasa dan kesusasteraan Melayu sebagaimana yang dilambangkan oleh batu-batu bersurat yang terdapat di Sumatera. Batu-batu bersurat ini menandakan bahawa Bahasa Melayu Kuno telah mencapai taraf perkembangan yang tinggi sejak tahun masihi yang ke lapan. Bekas-bekas sejarah ini menunjukkan betapa lamanya sejarah kebudayaan dan tamaddun bangsa Melayu yang meliputi seluruh Asia Tenggara hingga ke Madagascar yang sekarang dikenal sebagai Republik Malagasy. Bahasa Melayu telah berjaya memainkan peranan sebagai bahasa perantaran atau lingua franca di seluruh Asia

Tenggara sejak dari kurun ke empat belas hingga tempatnya digantikan oleh bahasa Inggeris sejak awal kurun ini.

Sebagai bangsa yang merdeka, kita mempunyai banyak commitments atau tanggungan baru. Rancangan-rancangan pembangunan negara yang bertujuan untuk membina masyarakat kita, melahirkan bangsa yang moden dan matang, telahpun disediakan dan ini kita lakukan melalui rancangan-rancangan ekonomi dan kemasyarakatan.

Tetapi, pembinaan dan kemajuan sesuatu bangsa tidak akan lengkap semata-mata dengan berdasarkan rancangan-rancangan ekonomi, kemajuan sains dan teknologi sahaja. Kemajuan manusia perlu dibantu oleh faktor-faktor lain yang boleh memperkuatkan daya fikiran, jiwa dan semangat mereka. Dalam contex inilah kebudayaan boleh memainkan peranannya yang penting sebagai alat untuk menyatupadukan rakyat dan memperteguhkan lagi rancangan-rancangan pembinaan kita seterusnya.

Saya suka mengambil peluang ini menyeru ahli-ahli kebudayaan kita supaya mencari jalan bagaimanakah kebudayaan rakyat kita dari berbagai kaum ini boléh memberikan sumbangannya ke arah pembinaan bangsa kita seluruhnya. Oleh kerana masyarakat kita berbilang bangsa, tentulah menjadi masalah mencari suatu formula memilih dan menentukan unsur-unsur kebudayaan yang dapat kita pupuk dan bina sebagai dasar kebudayaan nasional. Dari segi sejarah perkembangan kebudayaan, sudah sewajarlah kebudayaan nasional kita berteraskan kebudayaan asli rantau ini — the indigenous culture of this region. Cuma apa yang perlu kita fikirkan dan kita usahakan ialah mencari jalan bagaimana konsep ini dapat kita laksanakan dengan teratur dan sempurna.

Saya sendiri sentiasa memberikan perhatian yang berat kepada masalah kebudayaan negara ini. Kerajaan sedang mengaturkan beberapa rancangan untuk mencapai matlamat kita dalam pembinaan negara dari segi kebudayaan. Salah satu dari rancangan yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan ialah membentuk Majlis Kebudayaan Nasional. Langkah-langkah sedang juga diambil untuk mendirikan sebuah panggung

Negara yang akan merupakan kompleks kebudayaan yang besar. Satu lagi perkara yang hendak saya sebutkan ialah, tidak berapa lama lagi, dalam bulan Ogos tahun ini, suatu kongres Kebudayaan Nasional akan diadakan di Kuala Lumpur ini. Persidangan-persidangan untuk ini sedang diaturkan. Saya berharap dengan rancangan-rancangan yang telah disebutkan itu masalah kebudayaan kita akan dapat kita selesaikan dengan berkesan untuk kepentingan masa depan bangsa dan negara.

Kembali kepada Pamiran ini, saya rasa inilah peluang kita dapat melihat aspek-aspek Bali dari dekat. Pulau Bali ini dipanggil dengan berbagai nama terutama sekali dalam zaman memajukan pelancungan ini. Ada yang mengatakan Pulau Shorga di Timur, ada yang menyebut Pulau Dewata dan berbagai lagi. Pengaruh kata-kata ini sangatlah kuat sehinggakan Pulau Bali sudah mulai menjadi tumpuan manusia dari seluruh dunia. Saya sendiri telah pernah pergi ke Bali, tetapi hajat saya hendak melawat ke Bali lagi pada satu masa kelak untuk melihat perkembangan-perkembangan baru di Pulau itu. Pamiran ini memberikan peluang kepada mereka yang belum ke sana mengetahui sambil mengkaji bagaimana rupanya Bali yang sebenarnya. Saya percaya selain daripada kata-kata hampir-hampir khayal mengenai Bali itu, aspek yang betul-betul menarik hati ialah daya cipta dan hasil-hasil karya seni penduduk-penduduk Bali sendiri.

Saya berharap Pamiran Seni Bali ini akan mendapat sambutan yang besar dan hangat dari masyarakat ibu kota, seperti pamiran-pamiran yang telah diadakan oleh Muzium Negara di masa lepas. Saya suka mengesyurkan supaya satu Pamiran mengenai hasil-hasil seni asli penduduk-penduduk Malaysia diadakan selepas ini supaya kita dapat melihat pula kejayaan penduduk-penduduk Malaysia dalam berbagai bentuk kreativiti seni.

Saya mengucapkan tahniah khas kepada pihak Muzium Negara kerana usahanya menganjurkan berbagai Pamiran yang dapat meluaskan serta meninggikan pengetahuan orang ramai mengenai beberapa perkara. Begitu juga langkah dan usaha pihak Muzium memulihkan semula — rehabilitate — pening-

galan sejarah di sekitar Sungai Batu Pahat, Kedah, yang merupakan tapak petempatan kebudayaan yang terawal sekali di negara kita.

Saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan Perasmian Seni Bali ini.

* *Ucapan di Majlis Pembukaan Rasmi Pameran Seni Balai di Muzium Negara Kuala Lumpur pada 12hb Jun 1971.*

PENULIS PERLU MENGHASILKAN KARYA-KARYA YANG LEBIH SERIUS

Pertama sekali saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada penulis-penulis yang karyanya telah terpilih untuk menerima hadiah karya sastera tahun 1971.

Saya sungguh-sungguh berharap bahawa pemberian hadiah kepada karya-karya terpilih yang akan dijalankan tiap-tiap tahun itu akan memberi galakan yang besar kepada para penulis kita. Galakan yang saya maksudkan di sini bukan saja untuk lebih giat menulis tetapi juga yang terutamanya menulis dengan lebih 'serius' sehingga menghasilkan karya-karya yang semakin lama semakin tinggi mutunya.

Dalam zaman pembangunan ini, di mana berbagai-bagai perubahan berlaku amat cepat sekali dalam masyarakat maka banyaklah hal-hal yang memberi kesan kepada perasaan, keper-cayaan dan pemikiran orang-orang kita. Semua peringkat dan golongan menghadapi cabaran untuk berubah sikap dan pan-dangan hidup. Oleh yang demikian, kaum penulis terpaksa menjadi 'serius' untuk memahami pergolakan dan perkem-bangan yang hebat ini. Pandangan sambil lalu dan penciptaan karya yang didorong oleh perasaan melulu tidaklah akan besar ertinya.

Saya mendapat tahu banyak penulis-penulis cerita pendek. Tetapi sepanjang pengetahuan saya, sebanyak mana bertam-bahnya penulis baru demikianlah pula menghilangnya penulis yang muncul terdahulu daripada yang baru itu. Sehingga masa ini payah sekali kita hendak melihat penulis atau sasterawan kita yang tetap menulis hingga ke hari tuanya.

Salah satu sebabnya, saya rasa, penulis-penulis muda kita bila tiba masanya terpaksa melibatkan diri dengan pekerjaan-pekerjaan tertentu untuk kehidupan mereka masing-masing. Dan bila seseorang itu telah memegang sejenis pekerjaan, tak dapat tidak ia akan bertanggungjawab dengan tugasnya itu dan ia makin lama makin maju dalam pekerjaannya. Akhirnya ia mendapati dirinya terikat oleh pekerjaan yang begitu banyak dan tanggungjawab yang semakin lama semakin besar. Dengan yang demikian, kesempatannya untuk menulis menjadi bertambah kurang kerana, menurut faham saya, menulis karya-karya kreatif sama besar tanggungjawabnya dan sama 'serius'nya dengan jenis-jenis pekerjaan yang lain juga. Inilah satu hal yang kurang menyenangkan hati saya di samping hal-hal lain yang tentu ada.

Saya berpendapat penulis yang berbakat sepatutnya mendapat kesempatan untuk menulis dengan 'serius' terus menerus, dan dapat hidup lumayan dengan pekerjaannya itu. Dia tidak harus terpaksa melibatkan diri ke dalam pekerjaan-pekerjaan lain yang akan mengganggu kesempatannya untuk terus menerus berfikir, meneliti, belajar, mencari pengalaman dan menulis. Keadaan seperti ini belum pernah wujud di negara kita dan dengan kerana itu sudah banyak penulis-penulis kita yang berbakat di masa lalu hilang begitu sahaja.

Oleh sebab itu banyaklah masalah yang harus kita hadapi pada masa ini dan masa akan datang untuk menimbulkan suatu keadaan ataupun suasana, di mana penulis-penulis yang berbakat dapat terus hidup sebagai penulis. Masalah ekonomi, masalah pelajaran, masalah sikap gemar membaca karya seni di kalangan masyarakat adalah di antara hal-hal penting yang saya rasa harus kita hadapi.

Saya juga mendapat tahu bahawa di samping banyaknya jumlah penulis dan jumlah sajak serta cerita pendek dalam tahun 1971, ada tanda-tanda yang menunjukkan nilai penulisan agak merosot.

Dan yang lebih jelas merosotnya ialah bilangan novel yang diterbitkan. Ini pun, di antara lain, pada pandangan saya, disebabkan oleh masalah-masalah yang saya sebutkan tadi,

yakni kekurangan kesempatan bagi penulis untuk menulis dengan 'serius' supaya benar-benar mendalami tema karya mereka. Dengan lain perkataan, kurangnya kesempatan bagi penulis-penulis yang sibuk mencari nafkah hidup untuk mengasah bakat mereka dengan menambah ilmu pengetahuan dan pengalaman.

Di samping itu, seperkara yang utama juga ialah kurangnya selera pembaca terhadap karya-karya sastera hingga menyebabkan para penerbit tidak berani menerbitkannya kerana bimbang tidak ada pasaran yang memuaskan.

Sungguhpun demikian, kepada para penulis amnya dan badan-badan penulis khasnya, saya ingin menyatakan rasa penghargaan atas kegiatan mereka yang bergiat terus dalam keadaan apa pun, dan aktif bergerak memajukan kesusasteraan kita. Saya memberi jaminan bahawa fikiran mereka akan didengar dan cadangan-cadangan mereka yang menasabah dan membina akan diambil perhatian sepenuhnya.

Pada pertengahan tahun 1971 yang lalu, saya telah menubuhkan dua badan iaitu Penal Hadiah Sastera dan Penal Penasihat Sastera. Masing-masing badan ini bertanggungjawab langsung kepada saya. Saya berharap dengan cara demikian, saya dapat mengetahui sepenuhnya keadaan kesusasteraan kita, kemajuan atau kemunduran nya, dari semasa ke semasa.

Saya amat berterima kasih kepada Tan Sri Ghazali Shafie, Pengerusi Penal Hadiah Sastera, serta tiap-tiap seorang anggota penal itu yang telah berkhidmat sepanjang masa mulai September tahun lalu hingga sekarang untuk menyemak dan menilai karya-karya sajak dan cerita pendek, yang begitu banyak jumlahnya. Demikian juga karya-karya novel dan drama yang diterbitkan dalam tahun 1971. Hasil dari usaha-usaha mereka itulah kita berhimpun di sini malam ini untuk mengetahui dan berkenal muka dengan penulis-penulis yang berjaya.

Saya juga berterima kasih kepada Encik Hussein Onn, Menteri Pelajaran, Pengerusi Penal Penasihat Sastera yang dengan kebijaksanaannya telah membolehkan Dewan Bahasa dan Pustaka menjadi pusat kegiatan pentadbiran Penal Hadiah

Sastera dan juga menggunakan sedikit peruntukan wang Dewan itu untuk Hadiah Sastera tersebut. Terima kasih ini saya sampaikan juga kepada Ketua Pengarah dan Lembaga Pengelola Dewan Bahasa kerana memanglah Dewan Bahasa dan Pustaka ditugaskan, antara lain, untuk memajukan kesusasteraan Malaysia.

Pada malam ini, saya telah juga menjemput orang-orang dari golongan bukan penulis dengan maksud hendak menarik perhatian mereka itu, terutama para pegawai dan cerdik pandai, supaya memberi perhatian kepada kesusasteraan kita. Sudah sewajarnya tiap-tiap golongan mana pun dalam masyarakat ini mengikuti. perkembangan serta memberi penghargaan kepada kesusasteraan kita. Betapa tinggi sekali pun nilai kesusasteraan asing namun ia tidak mencerminkan kehidupan, cara berfikir, harapan dan hasrat cita-cita bangsa kita sendiri. Melalui kesusasteraan nasional kita dapat melihat dan merasa apa yang sebenarnya berlaku dalam masyarakat yang dialami dan dicita-citakan oleh bangsa kita. Bagi para pegawai dan cerdik pandai khasnya, saya rasa hal ini sangat penting kerana merekalah yang langsung berhadapan dengan tugas-tugas membangun bangsa ini.

Saya tidak bermaksud bercakap panjang dalam majlis ini. Lebih eloklah kesempatan ini kita gunakan untuk beramah mesra dan kenal mengenal. Dan sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada para penulis yang karyanya telah terpilih untuk tahun 1971.

* *Ucapan di upacara penyampaian Hadiah Karya Sastera Tahun 1971 di Dewan Tunku Abdul Rahman pada 15hb April 1972.*

PELANCARAN SISTEM EJAAN BARU MALAYSIA - INDONESIA

Saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan petunjukNya kita berjaya mencipta suatu ejaan baharu bagi bahasa Malaysia-Indonesia.

Sebagaimana yang dikatakan oleh Y.B. Menteri Pelajaran tadi, usaha hendak mengadakan sistem baru ini telah lama dijalankan mengingat bahawa sistem baru itu sangat penting bagi kemajuan Bahasa Malaysia terutama bagi masa hadapan. Kita sama-sama bersyukur kerana pada pagi yang bersejarah ini kita mengisytiharkan sistem ejaan baru itu serentak di Jakarta dan di Kuala Lumpur.

Sepertimana yang kita sedia maklum, sejarah perkembangan bahasa kita melalui tiga zaman pengaruh bahasa asing, iaitu Sanskrit, Arab dan Inggeris, Bahasa Malaysia telah mengalami berbagai perubahan dan penyesuaian (adaptation), terutama sekali di peringkat perbendaharaan katanya (vocabulary). Perkataan-perkataan asing biasanya mempunyai bentuk yang tidak sama dengan bentuk perkataan Melayu. Sistem bunyi bahasa asing juga tidak sama dengan sistem bunyi bahasa Malaysia, dan ada beberapa jenis bunyi bahasa asing yang tidak terdapat sama sekali dalam bahasa Malaysia. Oleh kerana itu, maka apabila bahasa Malaysia cuba mengambil atau meminjam perkataan-perkataan dari bahasa asing, kenalah kita membuat beberapa perubahan yang sesuai dengan sistem bahasa Melayu. Bagaimanapun kita sedar bahawa perubahan

itu mestilah mengikut peraturan-peraturan yang tertentu. Membuat perubahan secara sembarangan saja sudah tentu akhirnya akan membawa kerosakan dan akibatnya tentulah buruk. Bukan saja kita akan menghadapi kesukaran mengawal perkembangan bahasa itu seterusnya, tetapi pengguna-pengguna bahasa itu akan mengalami kesukaran yang besar untuk memahami dan mempelajarinya.

Oleh kerana memikirkan hal inilah, maka kita merasa perlu berusaha memperbaiki sistem ejaan Rumi bahasa Malaysia. Tujuan utama kita ialah untuk menyesuaikan ejaan Rumi bahasa kita dengan unsur-unsur dan perkembangan-perkembangan baharu yang telah mempengaruhi bahasa Melayu sejak beratus tahun.

Bahasa Malaysia sedang mengalami zaman perkembangan yang pesat pada masa ini. Pengaruh dari bahasa-bahasa asing terutama sekali pengaruh dari bahasa Inggeris, akan terus berlaku pada bahasa Malaysia. Istilah-istilah baru yang telah kita cipta beribu-ribu banyaknya dalam masa yang singkat saja selama ini, akan terus kita cipta lebih banyak lagi di masa hadapan. Ini bererti jika masalah ejaan yang kita hadapi sekarang tidak diselesaikan dengan segera, mungkin sekali masalah-masalah ini akan bertambah berat lagi di masa hadapan.

Saya menganggap sistem ejaan baru ini sebagai suatu kejayaan yang besar dalam usaha kita hendak memajukan bahasa Malaysia dan juga dalam usaha hendak mencapai penyelarasan dengan bahasa Indonesia. Bagi kita di Malaysia, masalah besar yang kita hadapi di masa akhir-akhir ini ialah akibat penyelewengan dari sistem ejaan Zaaba yang dianggap standard selama ini. Ada pihak-pihak cuba mempopularkan sistem ejaan baru yang teratur baik tetapi banyak pula yang tidak menggunakan sebarang sistem yang diakui. Akibatnya berbagai cara ejaan digunakan oleh berbagai pihak dan ini menimbulkan banyak keraguan dan kesukaran bukan saja bagi orang-orang dewasa termasuk saya sendiri, tetapi lebih-lebih lagi bagi murid-murid sekolah dari berbagai keturunan bangsa.

Dalam proses Bahasa Malaysia berkembang menjadi

bahasa yang utama iaitu bahasa yang digunakan dalam semua bidang kegiatan negara, keadaan ejaan yang tidak teratur itu sudah tentu boleh merosakkan imejnya. Selain daripada itu, perkembangan bahasa Malaysia boleh terganggu oleh keadaan ejaan yang tidak standard. Bagi orang-orang yang baru hendak mempelajari Bahasa Malaysia ejaan yang tidak standard itu menjadi satu penghalang pula. Tetapi syukurlah dengan adanya sistem ejaan baru segala masalah tersebut kita harap tidak akan timbul lagi. Mulai hari esok kita akan menggunakan satu sistem ejaan yang standard bagi seluruh negara.

Pada pandangan saya, ejaan baru ini bukan sahaja penting bagi bahasa Malaysai di Malaysia tetapi juga bagi seluruh wilayah Asia Tenggara di mana penduduk-penduduknya menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan masing-masing. Gabungan Bahasa Indonesia dan Bahasa Malaysia merupakan salah sebuah bahasa yang terbesar di dunia dengan jumlah pengguna-pengunanya lebih dari 120 juta orang. Akan tetapi disebabkan oleh peristiwa-peristiwa sejarah di masa lalu, perkembangan kedua-dua bahasa itu tidak berjalan dengan selaras bahkan mengikut arus haluan masing-masing.

Kita merasa syukur dengan kerjasama dan rasa sefahaman negara sahabat kita Indonesia, dapatlah dipersetujui satu sistem ejaan standard yang akan dipakai di seluruh kawasan bahawa Malaysia dan bahasa Indonesia di Asia Tenggara. Ejaan baru ini akan bertugas sebagai alat yang akan mengawal perkembangan serta pertumbuhan bahasa Malaysia selanjutnya di masa hadapan. Ini adalah suatu kejayaan yang amat besar maknanya bagi masa depan kedua-dua bahasa Malaysia-Indonesia. Kita yang hidup dalam kurun yang ke dua puluh ini mungkin tidak akan sempat melihat kesan-kesan masa depan ejaan baru ini dengan sepenuh-penuhnya, tetapi saya percaya jenerasi-jenerasi akan datang akan membaca sejarah kita dan pasti akan mengucapkan kesyukuran yang tidak terhingga kerana usaha yang telah kita jalankan hari ini.

Ejaan sebenarnya hanyalah alat perakam bahasa. Bahasa boleh ditulis dalam apa jua sistem ejaan, asalkan sistem itu

mudah bagi pengguna-penggunanya dan ada peraturan yang tertentu. Pada masa sekarang Bahasa Malaysia ditulis dalam dua jenis huruf atau sistem tulisan yang berlainan, iaitu tulisan Rumi dan tulisan Jawi. Kebanyakan daripada kita faham kedua-dua tulisan Rumi dan Jawi. Ini menunjukkan bahawa apa pun sistem tulisan atau ejaan yang kita gunakan tidak menjadi masalah. Masalah hanya timbul jika sistem ejaan itu tidak teratur dan sukar diikuti.

Saya sudah melihat sepintas lalu sistem ejaan baru ini dari buku kecil yang diedarkan kepada kita semua pagi ini. Saya dapati sistem ejaan baru ini tidak begitu banyak bezanya dari sistem yang lama, dan saya percaya akan dapat mempelajari sistem baru ini dengan mudah sahaja, Insya Allah. Cuma huruf *c* yang menggantikan huruf *d* dan *sy* yang menggantikan *sh* dalam ejaan lama sahaja yang barangkali akan menimbulkan sedikit kekok kepada kita, terutama sekali orang-orang tua seperti saya yang telah lama sebati dengan cara lama. Tetapi perkara seperti ini memang telah menjadi adat. Setiap perkara yang baru tentulah akan menimbulkan kekok tetapi lama kelamaan tentu akan hilang dan dapat dikuasai sepenuhnya.

Sebagai seorang "layman", saya lihat usaha mengubah atau memperbaiki ejaan adalah jauh lebih mudah daripada usaha mencipta istilah-istilah baru bagi bahasa kita atau usaha hendak menyelaraskan istilah-istilah yang dipakai di Malaysia dengan istilah-istilah yang dipakai di Indonesia. Kita tahu ejaan mempunyai skop yang terbatas dan tertutup. Saya lihat dalam buku kecil sistem ejaan baru ini, jumlah huruf vokal atau vowel hanya lima sahaja dan jumlah huruf konsonan hanya dua puluh empat. Huruf-huruf vokal yang lima itu tidak akan bertambah sampai bila-bila pun kerana sebanyak itulah sahaja jumlah huruf vokal yang ada dalam bahasa kita. Begitu juga dengan huruf-huruf konsonan. Huruf-huruf inilah yang akan kita pakai selama-lamanya.

Tetapi istilah-istilah tidak ada batasnya; kita tahu berapa banyakkah lagi istilah-istilah baru yang akan masuk ke dalam Bahasa Malaysia di masa hadapan. Kita terpaksa terus mencipta istilah-istilah baru selagi bahasa kita masih tetap berkembang.

Oleh kerana ini saya berharap usaha-usaha menyelaraskan istilah-istilah Bahasa Malaysia hendaklah dijalankan dari sekarang juga. Janganlah kita tunggu sampai jumlah istilah-istilah baru yang terus menerus akan masuk ke dalam Bahasa Malaysia di masa hadapan, baik di Malaysia mahupun di Indonesia, menjadi begitu banyak sehingga usaha dan kerja-kerja penyelarasan akhirnya menjadi lebih sukar lagi.

Saya percaya sistem ejaan baru ini merupakan satu asas yang baik bagi memulakan usaha untuk menyelaraskan istilah-istilah Bahasa Malaysia. Dan saya percaya juga kebanyakan dari istilah-istilah yang ada sekarang yang ditulis atau dieja menurut sistem lama yang tidak standard itu dengan sendirinya akan diubah dan disesuaikan dengan sistem ejaan baru. Ini bererti bahawa ejaan baru ini akan dapat menyelesaikan bukan saja masalah ejaan tetapi juga yang lebih penting lagi masalah kesulitan mengeja istilah-istilah. Di sinilah letaknya faedah besar ejaan baru kita.

Mulai dari hari esok, kita akan menggunakan ejaan baru ini di seluruh negara. Saya akan mengeluarkan arahan kepada semua Kementerian, Jabatan-jabatan dan Pejabat-pejabat Kerajaan di seluruh negara supaya mula menggunakan ejaan baru ini dalam tulisah hari-hari mereka. Kalau sudah mula digunakan dengan luas, pada satu masa kelak bolehlah ditentukan ''dateline'' seperti dalam soal bahasa dulu.

Saya suka juga menyeru syarikat-syarikat perniagaan dan badan-badan swasta yang lain supaya mencontohi langkah-langkah yang akan diambil oleh badan-badan Kerajaan. Tentang cara-cara menyebarkan penggunaan ejaan baru ini saya suka mengesyurkan supaya pertubuhan-pertubhan sosial dan perkhidmatan yang ada di negara ini turut serta dalam usaha menggalakkan penggunaan ejaan baru ini di kalangan ahli-ahli pertubuhan masing-masing. Mereka boleh meminta nasihat dari Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Penerangan boleh memberi petunjuk menerusi program TV dan Radio. Begitu juga surat-surat khabar tempatan. Saya suka menegaskan bahawa tugas melaksanakan ejaan baru ini bukanlah tugas Kerajaan semata-mata. Semua pihak harus membantu dan

memberikan kerjasama untuk menjayakan pelaksanaan sistem ejaan baru ini.

Saya tidak dapat melupakan segala inisiatif tentang pembaharuan sistem ejaan kita yang bermula dari Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga pada tahun 1956 dulu. Saya suka menyatakan penghargaan kepada kerja-kerja yang dijalankan oleh Jawatankuasa-Jawatankuasa Ejaan Melindo, Ejaan Bersama Malaysia-Indonesia serta Jawatankuasa yang ada sekarang yang semuanya menjadi alat amat penting kepada tercapainya sistem ejaan baru ini. Bagi pihak Kerajaan dan rakyat, saya ingin menyampaikan ucapan setinggi-tinggi terimakasih kerana jasa-jasa mereka itu.

Mulai dari hari dan saat ini, marilah kita isytiharkan keseluruh negara bahawa sistem ejaan baru kita yang telah disempurnakan dengan kata muafakat antara dua negara yang berjiran dan berbahasa satu ini diguna dan diabadikan sebagai ejaan rasmi Bahasa Malaysia bagi selama-lamanya.

* *Ucapan di upacara Pelancaran Sistem Ejaan Baru Malaya-Indonesia di Balai Budaya Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 16hb Ogos 1972.*

SASTERA SEBAGAI ALAT PERHUBUNGAN

Terlebih dahulu inginlah saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Penyelenggara Seminar Kesusasteraan Nusantara kerana memberikan saya penghormatan merasmikan Seminar ini.

Bagi pihak Kerajaan dan rakyat Malaysia, saya turut mengalu-alukan kehadiran para peserta dari negara-negara tetangga yang memberikan sambutan dan sokongan kepada usaha yang baik ini. Saya percaya kehadiran mereka bersama-sama dengan kita akan memberikan sumbangan yang berharga kepada perkembangan sastera Nusantara khasnya sastera Malaysia.

Tidak ketinggalan juga, kita bersama-sama mengucapkan tahniah kepada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka dan GAPENA yang telah berusaha menganjurkan Seminar ini. Pada fikiran saya, Seminar ini besar maknanya dalam memupuk perkembangan kesusasteraan Melayu, bukan sahaja di Malaysia ini tetapi juga di seluruh rantau Asia Tenggara yang menggunakan rumpun bahasa Melayu sebagai bahasa nasional dan bahasa perantaraan umum.

Sebagaimana yang saudara-saudara maklum sastera Melayu, atau sastera yang tertulis dalam bahasa Melayu, ialah sastera yang tertua dan yang paling kaya di rantau Asia Tenggara ini. Kekayaan dan kesuburan sastera Melayu terutama sejak zaman kerajaan Melaka dahulu adalah disebabkan oleh kemampuan bahasa Melayu menerima perubahan-perubahan yang dibawa oleh tamadun-tamadun asing seperti tamadun Hindu, Arab dan kemudiannya tamadun Barat.

Bahasa Melayu pada masa itu telah berkembang bukan sahaja sebagai bahasa perantaraan umum atau lingua franca di seluruh kepulauan Melayu, tetapi juga sebagai bahasa pentadbiran Kerajaan, bahasa politik dan perdagangan, dan tidak kurang pentingnya sebagai bahasa kesusasteraan dan ilmu pengetahuan. Sebagai bukti, kita mendapat hasil-hasil karya sastera yang besar seperti *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah* dalam kurun yang ke 17.

Pada masa yang sama, suatu perkembangan intelek yang gemilang dan luar biasa telah berlaku di Aceh, dengan munculnya tokoh-tokoh sastera dan falsafah yang terkenal iaitu Ar-Raniri dan Hamzah Fansuri, yang membincangkan perkara-perkara mistik Islam (Islamic mysticism) dan soal-soal metafizik yang mendalam. Karya agung Ar-Raniri, *Bustanus Salatin,* yang boleh kita anggap sebagai ensaiklopedia Melayu yang ulung, telah menjadi tumpuan kajian ilmiah sarjana-sarjana ''Pengajian Melayu'' baik dari Barat mahupun dari Timur. Saya mendapat tahu beberapa orang sarjana dari Eropah dan seorang anak Malaysia sendiri berjaya mencapai Doctorate kerana usaha mereka mengkaji sejarah hidup dan karya-karya Ar-Raniri dan Hamzah Fansuri itu.

Begitulah subur dan hebatnya perkembangan bahasa dan sastera Melayu pada zaman yang silam. Akan tetapi, selepas ''golden era'' itu sastera Melayu mulai menghadapi dan mengalami keadaan yang trajik. Kedudukan politik yang tidak stabil semasa menghadapi tekanan kuasa-kuasa penjajahan Barat menyebabkan perkembangan sastera Melayu terbantut dan terus merosot. Hanya pada pertengahan kurun ke 19 baharulah tiba Abdullah Munsyi dan Raja Ali Haji dengan karya masing-masing iaitu *Hikayat Abdullah* dan *Tuhfatal-Nafis* tetapi selain dari itu tidak ada karya-karya sastera Melayu lain yang boleh kita banggakan. Keadaan trajis ini berterusan untuk beberapa lama oleh kerana kuasa-kuasa penjajah yang berkuasa di rantau ini samasekali tidak menggalakkan pertumbuhan bahasa dan intelek di kalangan rakyat yang dijajahnya.

Syukur Alhamdulillah, kita sekarang berada semula dalam zaman kemerdekaan. Dalam suasana yang penuh kebebasan

ini, peluang untuk para penulis meninggikan mutu sastera yang ditulis dalam bahasa Malaysia terbuka semula dengan mendapat penuh galakan dari Kerajaan. Bahasa Malaysia telah mencapai kemajuan yang pesat sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal serta memegang peranan penting dalam kemajuan hidup manusia di negara ini, terutama sekali dalam Sistem Pelajaran Kebangsaan.

Dalam usaha kita membina negara yang bersatupadu serta menentukan *national identity* sendiri, sudah tentulah tugas penulis hari ini lebih berat dari masa-masa yang lampau. Penulis hari ini hidup dalam suatu zaman yang jauh lebih kompleks di mana berbagai-bagai masalah dan keperluan-keperluan hidup manusia moden menghendaki perhatian dan juga huraiannya. Sistem hidup manusia moden memerlukan *approach* dan *solution* yang moden pula. Disebabkan oleh kemajuan pelajaran dan ilmu pengetahuan, masyarakat pembaca hari ini lebih kritis dan *sophisticated* dari masyarakat pembaca satu jenerasi terdahulu dan sebelumnya. Kemajuan bahasa Malaysia bukan sahaja akan dapat memperkayakan lagi sastera yang tertulis dalam bahasa Malaysia di negara kita tetapi juga akan melahirkan cabaran-cabaran baharu bagi penulis-penulis moden. Bilangan pembaca dalam bahasa Malaysia dari kalangan bukan Melayu akan bertambah ramai dan lama-kelamaan keadaan ini akan mempengaruhi aliran satu corak perkembangan sastera nasional.

Saya percaya sastera Melayu akan berubah corak kepada sastera Malaysia, iaitu sastera nasional yang ditulis dalam bahasa Malaysia, yang bukan lagi bercorak Melayu jati tetapi bersifat dan mempunyai identiti Malaysia, seperti yang kita lihat berlaku di Indonesia, di mana sastera Indonesia ditulis dalam bahasa Melayu (Indonesia) tetapi sastera itu tidak pula disebut ''Sastera Melayu''.

Barangkali tidak siapa yang boleh menafikan sastera Melayu yang ada sekarang atau yang telah berkembang selama ini lebih merupakan sastera untuk orang Melayu. Ini dapat kita lihat dari isi dan tema karya-karya sastera yang dihasilkan oleh penulis-penulis hingga hari ini. Dari segi isi dan temanya,

jelaslah bahawa karya-karya itu ditujukan khas kepada masyarakat Melayu. Tetapi, sebagaimana yang telah saya katakan tadi, *audience* sastera Melayu suatu hari kelak akan terdiri dari semua kaum di negara ini. Oleh kerana itu, amatlah mustahak penulis-penulis Malaysia mula menghasilkan karya-karya sastera dalam bahasa Malaysia yang boleh menarik perhatian semua golongan. Dengan demikian dan lebih-lebih lagi apabila penulis-penulis bukan Melayu yang menghasilkan karya-karya sastera dalam bahasa Melayu bertambah ramai, maka sudah tentulah sastera Malaysia akan bertambah kaya. Sastera nasional yang moden ini akan benar-benar menjadi alat penting dalam pembangunan terutama sekali mempertemukan jiwa dan fikiran melalui bahan-bahan bacaan sastera yang mengandungi pesanan atau message yang boleh difahami dan diterima oleh semua rakyat Malaysia.

Seperti yang kita maklum, tugas sastera sebagai alat perhubungan tentulah tidak terbatas kepada lingkungan wilayahnya sahaja dan dalam konteks ini sering terdapat sastera nasional sesuatu negara yang tinggi mutunya turut diminati oleh peminat-peminat sastera wilayah yang lain samada dalam bentuk asalnya atau pun dalam terjemahan. Bagi kita di rantau kepulauan Melayu atau Malay Archipelago, proses ini sudah lama berlaku sejak zaman kemerdekaan apatah lagi oleh kerana bahasa sastera itu berasal dari rumpun yang sama.

Saya sungguh sukacita proses ini berjalan dengan pesat bukan sahaja dari segi pengenalan karya-karya sastera dalam bentuk puisi, cerpen dan novel, tetapi secara lebih mendalam dengan adanya Seminar seperti ini. Hingga masa ini, pengenalan karya sastera Nusantara bagi orang-orang yang diluar rantau ini masih terbatas kepada usaha pertubuhan tertentu berupa beberapa kumpulan sajak atau cerpen yang diterjemahkan ke bahasa Inggeris. Kita turut berbangga dengan adanya penghargaan kepada beberapa buah karya sastera Indonesia di sisi dunia internasional seperti juga kita boleh bermegah dengan karya sasterawan kita Shahnon Ahmad *Ranjau Sepanjang Jalan* yang dibandingkan dengan pujangga Victor Hugo *Les Miserables*. Perkembangan seperti ini dan kemaju-

an yang kita harapkan bagi masa akan datang mempunyai natijah yang baik bagi Malaysia khasnya dan sastera Nusantara amnya.

kepada satu perkara yang mana barangkali akan saudara-saudara bincangkan dalam Seminar ini. Saya memandang kemungkinan meluaskan *scope* penulisan sastera yang meliputi rantau Asia Tenggara ini semakin cerah dengan bertambah eratnya tali perhubungan sesama rakyat antara negara-negara dan juga melalui usaha-usaha yang dijalankan oleh ASEAN dalam bidang hubungan kebudayaan. Terdahulu tadi saya menyentuh tentang kelemahan sastera Malaysia yang masih tertumpu di sekitar masyarakat pembaca Melayu meskipun kadangkala terdapat cerpen yang beridentiti Malaysia. Saya ingin melihat dalam masa yang ke hadapan ini karya sasterawan kita yang mencerminkan hasrat rakyat seluruh rantau Asia Tenggara ini yang inginkan kemajuan hidup moden dalam konteks rantau dunia yang aman, bebas dan berkecuali.

Pada hemat saya, latarbelakang negara-negara kita yang sama secorak dan sejalan iaitu menentang penjajahan bagi merebut kemerdekaan dan kemudian menegakkan kehidupan yang lebih makmur, bahagia dan moden bagi rakyat sepatutnya menjadi satu ilham bagi penulis-penulis kita menghasilkan karya sastera yang universal bagi dunia internasional.

Sebagaimana yang telah saya katakan tadi, tugas penulis dalam zaman teknologi moden jauh lebih kompleks dari zaman-zaman yang lampau dan sangatlah berat. Penulis yang berjaya biasanya terdiri dari manusia yang mempunyai pandangan hidup atau perception dan daya pemikiran yang luar biasa. Tegasnya, mereka mendahului fikiran zamannya dan dapat melihat jauh ke dalam tubuh hidup manusia di luar lingkungannya sendiri.

Dalam zaman yang sentiasa berubah dan bergolak ini, penulis yang tidak turut berubah dan tidak mampu mengubah pandangan masyarakatnya pasti akan ditinggalkan oleh kemajuan masyarakat itu. Oleh itu mereka mestilah sanggup menganalisa pola-pola hidup, saikologi dan tabii manusia secara mendalam berdasar pada perubahan masa dan *environment.*

Penulis yang hanya berjaya melihat ''kulit luar'' masyarakatnya, tetapi tidak berjaya melihat apa yang sebenarnya berlaku di sebalik itu tentu tidak akan berjaya menghasilkan karya-karya sastera yang boleh menarik hati pembaca-pembaca yang mempunyai citarasa yang *sophisticated* apatah lagi untuk bacaan dan dan universal.

Saya berharap Seminar ini akan berjaya mencapai citacitanya terutama mengenai langkah-langkah meningkatkan perkembangan sastera di negara ini kerana kita maklum kemajuan hidup manusia tidak akan lengkap dengan sains dan tekonolgi sahaja. Sebagai tenaga yang turut menentukan corak masyarakat maka sudah sewajarnya saudara-saudara memikirkan soal-soal hidup manusia seperti yang difikirkan oleh ahli-ahli sains, ahli-ahli ekonomi dan juga ahli-ahli politik seperti saya kerana kalau orang lain melihat kemajuan manusia berdasarkan penyelidikan, statistik dan graf-graf kemajuan, saudara-saudara melihat kemajuan manusia dari segi daya intelek, seni dan rohaniah yang sama penting bagi mengimbangi kemajuan material. Kalau seorang ahli anatomi mengkaji anggota badan manusia dengan tujuan untuk mengetahui struktur badan manusia dari segi perubatan, saudara-saudara juga boleh memperkatakan anatomi manusia dari segi keindahan fizik atau batinnya. Saya percaya usaha saudara-saudara itu akan lebih dihargai dan diminati kerana dikemukakan bentuk karya sastera yang indah dan tinggi mutunya untuk masyarakat yang mencintai keindahan.

Dengan ini saya sukacita mengisytiharkan Seminar Kesusasteraan Nusantara ini dibuka dengan rasmi sambil menyatakan harapan semoga usaha ini membawa manfaat kepada kita semua di rantau ini.

* *Ucapan Perasmian Seminar Kesusasteraan Nusantara di Balai Seminar Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 11hb April 1973.*

JANGAN MENGANGGAP MENULIS SEBAGAI KEGIATAN SAMBILAN

Saya sungguh bersyukur kerana kita dapat berhimpun di sini malam ini dalam suasana ramah mesra sebagai memberi penghormatan kepada tokoh-tokoh penulis/penyajak/dramatis yang telah berjasa dalam sumbangan mereka kepada perkembangan sastera nasional.

Begitu juga saya sekali lagi mengalu-alukan tetamu dari luar negeri yang datang mengikuti Seminar Sastera Nusantara anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka dan Gapena yang bermula pagi ini.

Dalam hubungan ini sukalah saya menyatakan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah bertugas sebagai Sekretariat Hadiah Sastera bagi tahun kedua di samping usahanya yang tidak putus-putus memupuk perkembangan sastera nasional kita.

Kepada Tuan Haji Sujak serta pegawai-pegawai dan kakitangan DBP saya bagi pihak Kerajaan dan rakyat mengucapkan tahniah dan terima kasih. Nampaknya tugas yang berat itu kenalah dipikul oleh DBP sehingga terbentuknya Akedemi Sastera yang dicita-cita itu.

Seperti yang kita sama-sama maklum Hadiah Sastera ini adalah salah satu langkah yang difikirkan mustahak sebagai incentive atau daya galakan. Patutlah kita faham iaitu tingkat kemajuan sastera nasional hari ini masih dalam proses peralihan mencari arah dan haluan kerana seperti saya katakan pagi tadi

scope lingkungannya belumlah meliputi seluruh masyarakat Malaysia tetapi tertumpu pada masyarakat Melayu. Hanya apabila sastera nasional benar-benar mencapai tingkat kemajuan yang tinggi barulah dapat diberikan penghargaan yang sebenar.

Sebentar tadi, Pengerusi Penal Sastera telahpun memberikan pandangan dan penjelasan mengenai karya sastera dalam setahun yang lalu ini. Saya sungguh memandang berat meskipun dalam kebanjiran sajak dan cerpen, ternyata pula kemarau dalam mutu karya-karya tersebut. Kita sama-sama berharap dalam tahun 1973 ini di samping melihat bertambah ramai para penulis yang menceburkan diri di lapangan sastera, akan bertambah tinggi pula mutu penulisan yang dihasilkan itu.

Meskipun keputusan Hadiah Sastera tahun 1972 menunjukkan hasil yang jauh kurangnya dari tahun 1971 tetapi ini tidaklah sayugia melemahkan hati para penulis kita. Bahkan sepatutnya mereka menganggap ini sebagai satu cabaran!.

Saya sangat berpuas hati dengan Penal Hadiah Sastera yang telah menjalankan tugas dan kewajipan mereka dengan penuh keahlian serta rasa tanggungjawab dan saksama. Melihat pada perkembangan yang begitu pesat dalam bidang penulisan, saya telah melantik beberapa orang tokoh sebagai tambahan kepada anggota Penal yang berkhidmat tahun lalu. Saya suka menyatakan kepercayaan yang penuh kepada ahli-ahli penal dan setinggi-tinggi penghargaan kepada khidmat bakti yang telah mereka berikan selama dua tahun berturut-turut.

Penghargaan yang istimewa patut diberikan kepada dua orang anggota penal bukan Melayu iaitu Professor Llyod Fernando dan Encik Khoo Kay Kim yang telah memberikan sumbangan besar dalam melaksanakan tanggungjawab Penal Sastera 1972.

Semasa berucap pada saudara-saudara tahun lepas, saya telah juga membayangkan harapan semuga akan muncul di negara kita satu golongan penulis yang boleh bergantung hidup pada hasil karya mereka dan tidak mensifatkan menulis sebagai kegiatan sambilan. Barangkali masa itu masih agak jauh di

hadapan namun saya benar-benar berharap semuga golongan penulis akan terus berusaha membaiki karya mereka bukan semata-mata untuk mengharapkan hadiah Sastera tahunan akan tetapi sebagai sumbangan kepada perbendaharaan negara kita yang bakal diwariskan kepada jenerasi-jenerasi akan datang.

Akhirnya, saya suka mengucapkan tahniah kepada mereka yang berjaya memenangi hadiah sastera tahun 1972 dan berharap mereka akan terus bergiat menulis.

* *Ucapan di Majlis Pengumuman Hadiah Sastera 1972 di Seri Taman Kuala Lumpur pada 11hb April 1973.*

MENGADAKAN HADIAH SASTERA YANG LEBIH TINGGI

Saya sangat gembira dan bersyukur kerana sekali lagi pada malam ini kita dapat berhimpun di sini untuk meraikan para penulis kita yang karya-karyanya telah terpilih untuk diberi hadiah bagi tahun 1973.

Saudara-saudara tentulah masih ingat pada tahun lalu dalam majlis seperti ini di Sri Taman, saya telah menerangkan bahawa Hadiah Karya Sastera yang dimulakan semenjak tahun 1971 adalah sebagai incentive atau daya galakan untuk penulis-penulis kita berlumba-lumba mencipta karya-karya yang bermutu. Berdasar pada itulah hadiah diberi kepada karya-karya yang difikirkan baik dengan tidak mengira siapa penulisnya.

Pada masa ini saya lihat sudah ada di antara penulis-penulis kita yang semakin bersungguh-sungguh dalam usahanya. Maksud saya, penulis itu memberikan sumbangan terus menerus - constant - dan tetap menjaga nilainya. Dengan ini nyatalah langkah ''incentive'' yang berjalan selama tiga tahun itu telah mula menunjukkan kesan yang baik.

Saudara-sudara sekelian.

Saya fikir telah tiba masanya usaha penggalakan yang kita buat masa ini ditambah dengan usaha memberi penghargaan kepada para penulis peribadi, berdasarkan kepada sumbangan-nya yang ''constant'' dan bernilai sepanjang tahun. Di samping itu karya-karya yang didapati baik dari penulis-penulis yang sumbangannya tidak ''constant'' pun mestilah juga terus diberi

hadiah seperti yang kita buat hingga sekarang.

Dengan adanya pandangan dan pendapat baru ini, saya membuat keputusan hendak merombak penal yang ada sekarang dan menubuhkan satu penal baru dengan tugas-tugas baru pula. Penal yang ada sekarang di bawah ketuaan Tan Sri Ghazali Shafie sudah memberikan jasa yang tidak ternilai menolong saya kepada mereka atas jasa dan susah payah mereka itu. Tiap-tiap seorang daripada mereka berhak mendapat pujian dan sanjungan kerana jasa mereka dan dedikasi mereka kepada perkembangan dan kemajuan sastera kita.

Saya bercadang hendak mengumumkan satu penal baru dengan tugas baru tidak lama lagi.

Dalam pada itu, oleh kerana barangkali akan banyak penulis-penulis peribadi yang akan menerima hadiah penghargaan kelak maka saya rasa Dewan Bahasa yang menanggung perbelanjaan hadiah selama tiga tahun yang lalu tidaklah patut dibiarkan menanggung beban itu bersendirian. Saya suka mencadangkan supaya penerbit-penerbit yang besar seperti *Utusan Melayu, The New Straits Times* dan badan penulis yang besar seperti Gapena hendaklah menolong dengan memberikan hadiah kepada karya-karya yang terpilih setiap tahun. Hadiah kepada penulis perseorangan yang mendapat penghargaan atas dasar penilaian baru itu akan dikeluarkan oleh Dewan Bahasa yang akan juga bertanggungjawab menerbitkannya.

Seterusnya saya akan tetap memerhatikan kemajuan kesusasteraan kita sehingga pada suatu masa kelak mungkin kita akan mengadakan pula hadiah penghargaan yang lebih tinggi darjatnya dan boleh kita gelarkan Anugerah Sastera. Ini adalah satu anugerah yang mungkin boleh disamakan dengan anugerah seni di negara-negara lain seperti Nobel Prize for Literature. Begitu juga kita bercadang akan meluaskan scope penghargaan kepada essay dan penerbitan seperti Pulitzer Prize di Amerika Syarikat.

Saudara-saudara sekelian.

Kita sedia maklum, negara kita adalah dalam proses pembangunan. Dalam lapangan sastera khususnya dan lapangan kebudayaan umumnya juga masih dalam peringkat pem-

bangunan. Kita hendaklah melangkah dengan hati-hati tetapi pasti ke arah kemajuan yang dicita-citakan itu. Tiap-tiap golongan yang berjasa dalam pembangunan sudah semestinya diberi penghargaan mengikut keadaan masa dan taraf sumbangan masing-masing.

Kepada Dewan Bahasa dan Pustaka yang sudah banyak bekerja meluaskan dan memajukan perkembangan sastera kita dan kepada Penal Sastera khususnya, saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah. Saya rasa Penal baru yang akan ditubuhkan tidak lama lagi sudah tentu akan bersekretariat di Dewan Bahasa juga.

Sebentar tadi, Tuan Haji Sujak, Ketua Pengarah Dewan Bahasa merayu minta bantuan kita sekalian. Maka itu saya dengan penuh ikhlas menyambung rayuan beliau itu. Berilah bantuan dan kerjasama kepada Dewan Bahasa dalam usaha-usahanya menggalakkan dan memajukan sastera kebangsaan kita. Saya akan menasihatkan pihak-pihak Kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan supaya dapat memberikan cuti kepada kakitangannya yang akan diberi kesempatan oleh Dewan Bahasa melaksanakan tugas mereka sebagai penulis, atau untuk menerima latihan yang akan diaturkan oleh Dewan Bahasa dari semasa ke semasa. Begitu juga saya harap pihak-pihak swasta pun akan memberikan kerjasama.

Saudara-saudara sekalian.

Akhirnya, saya suka mengucapkan tahniah kepada penulis-penulis yang karya-karya mereka telah terpilih untuk diberi hadiah kali ini. Mudah-mudahan tahun depan ada di antara mereka akan menerima hadiah penghargaan peribadi keseluruhan sumbangannya tahun 1974 ini.

* *Ucapan di upacara Penyampaian Hadiah Sastera Tahun 1973 di Lake Club Kuala Lumpur pada 13hb April 1974.*

MEMPERSEIMBANG DAN MENSTABILKAN KEHIDUPAN BANGSA KITA

Saya amat sukacita dan bersyukur kerana pada malam ini saya dapat menemui saudara-saudara dari golongan penulis dan budayawan tanahair yang berkumpul setahun sekali pada malam ini. Saya juga merasa gembira mengalu-alukan kehadiran para tetamu dari jauh dan dekat yang ikut sama memeriahkan malam yang besar ertinya dalam kehidupan budaya kita.

Meskipun lazimnya saya lebih sibuk dengan soal-soal negara sebagai seorang politik tetapi ini tidaklah mengurangkan minat saya kepada bidang kesusasteraan dan kebudayaan. Kita semua maklum, kehidupan politik kita tidak akan bermunafaat kalau kemajuan kita dalam lapangan kebudayaan tidak seimbang dengan kemajuan dalam lapangan lain.

Saya teringat akan pepatah yang dalam Bahasa Inggeris -not by bread alone - dan kerana itulah saya berusaha memperseimbangkan dan menstabilkan kehidupan bangsa kita dalam semua lapangan. Kehidupan material dan kehidupan budaya sebaik-baiknya hendaklah maju sama serentak kerana kedua-dua itu sangkut menyangkut satu dengan yang lain. Kemajuan dan ketinggian mutu sastera tidak akan dapat menjadi cermin kemajuan dan ketinggian mutu pemikiran dan perasaan bangsa kita. Kemajuan dan ketinggian kesusasteraan juga menjadi ukuran bagi kemajuan dan ketinggian daya imaginasi dan kreativiti bangsa kita yang muda ini dalam memikul

tugas masing-masing dalam lapangan hidup masing-masing.

Saya percaya saudara-saudara tidak salah faham bahawa politik itu bersifat menekan terhadap perkembangan kesusasteraan dan tentu sekali tidak dalam negara Malaysia ini. Jika dikatakan budayawan sasterawan itu mempunyai tugas untuk menyatakan kebenaran maka politik yang sihat dalam negeri ini tidak pernah dan tidak akan berniat untuk menegakkan tujuan politik itu dengan menafikan kebenaran. Dan apa yang dikatakan kebenaran itu sebenarnya adalah amat terpengaruh oleh berbagai-bagai unsur nilai yang diterima oleh kehidupan sesuatu masyarakat dari satu bangsa dalam satu negara dan dalam satu zaman.

Saudara-saudara sekalian.

Saya sesungguhnya ingin melihat kita mencapai mutunya yang tertinggi sebagai bayangan dari nilai-nilai hidup yang kita terima dan kita junjung tinggi dalam budi bicara manusia sejagat atau universal values.

Tahun yang lalu dalam pertemuan seperti ini di Lake Club, saya telah menyatakan rasa sukacita saya kerana pengalaman semenjak Hadiah Karya Sastera dimulakan pada tahun 1971 kita telah melihat adanya sasterawan yang memberikan sumbangan terus menerus - constant - dan tetap pula menjaga nilainya. Maka itulah saya telah mencadangkan supaya mulai tahun 1974 disediakan pula hadiah untuk para penulis perseorangan yang benar-benar menunjukkan daya produktiviti yang tetap dan di samping itu tetap pula menjaga mutu yang tinggi. Hanya dukacita sedikit seperti diterangkan oleh Pengerusi Panel tadi dalam tahun 1974 tidak ada penulis yang mencapai taraf tersebut. Tetapi saya tidak merasa keciwa atas perkara ini kerana saya faham bahawa ilham menulis itu memang ada pasang surutnya. Saya harap dalam tahun-tahun akan datang tentu akan ada penulis-penulis kita yang akan menerima hadiah khas tersebut dan membuka jalan kepada penulis-penulis yang lain seterusnya.

Hal ini juga membuktikan apa yang saya katakan tahun lalu bahawa seperti dalam lapangan-lapangan lain, dalam lapangan kesusasteraan juga kita masih lagi dalam peringkat

pembangunan. Kita haruslah berhati-hati dan melangkah setapak demi setapak, tetapi tetap dan pasti menuju ke arah kemajuan dan ketinggian yang diharapkan itu.

Pada akhirnya kelak akan sampai juga masanya di mana penghargaan negara yang setinggi-tingginya akan diberikan kepada para sasterawan kerana jasa-jasa mereka berdasarkan pencapaian mutu yang tertinggi. Untuk masa ini Hadiah Sastera yang diberikan tetap sesuai dengan kadar kemajuan sastera kita sambil membangunkan ke arah kemajuan yang lebih tinggi.

Saudara-saudara sekalian.

Patut juga saya jelaskan di sini mengenai Hadiah Karyawarta yang sepatutnya dimulakan tahun lalu sebagai satu langkah untuk meninggikan penulisan berita dalam akhbar-akhbar yang menggunakan Bahasa Kebangsaan. Saya diberitahu ada sedikit kerumitan tentang kriteria yang patut dipakai bagi menentukan makalah ataupun rencana yang dipilih untuk hadiah tersebut. Apakah hanya terbatas kepada straight reporting ataupun termasuk juga ulasan berita seperti yang disiarkan dalam Dewan Masyarakat atau Radio/Televisyen Malaysia. Bagaimanapun, kita berharap tahun 1975 ini Panel Hadiah Karyawarta itu akan dapat menentukan kriteria dan meneruskan tugas mereka.

Saudara-saudara sekalian.

Saya sekali lagi menyampaikan terimakasih saya kepada para anggota Panel, kepada para penulis yang tidak jemu-jemu mencipta dan mempertinggikan mutu ciptaan mereka dan kepada para penerbit yang memberikan kerjasama untuk penerbitan bahan-bahan sastera kita. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Dewan Bahasa dan Pustaka yang tetap dapat menyelenggarakan urusan hadiah sastera ini dengan baiknya.

Akhir sekali, saya mengucapkan tahniah kepada para penulis yang berjaya dalam tahun 1974 yang akan menerima hadiah bagi karya-karya mereka sebentar lagi.

* *Ucapan di Majlis Penyampaian Hadiah Karya Sastera 1974 di Holiday Inn, Kuala Lumpur pada 2hb Ogos 1975.*

PERANAN BALAI SENI LUKIS NEGARA

Saya sangat sukacita kerana dapat bersama-sama petang ini menyaksikan Pamiran Lukisan Pemandangan atau Landscape Painting ini dan merasmikannya.

Awal minggu ini saya berpeluang memerhatikan makhluk alam semula jadi di Aquarium baru dan kali ini pula menikmati pemandangan alam semula jadi yang dipindahkan kebudayaan di masa yang lampau dan sekarang. Karya-karya yang dipamirkan hari ini adalah hasil usaha penting dan bernilai.

Langkah Balai Seni Lukis Negara mengembalikan minat kita kepada alam semula jadi sungguh kena pada masanya. Masa ini kita mengalami perkembangan yang pesat dalam usaha meninggikan taraf hidup rakyat dan semasa kita mencapai kemajuan kebendaan yang lebih tinggi, kita tidaklah seharusnya kehilangan minat terhadap alam semula jadi dan natural environment kita yang biasanya diabaikan keselamatannya oleh desakan-desakan kemajuan.

Kita semua maklum, negara-negara yang tidak memperdulikan environment mereka pada suatu masa dulu menghadapi ancaman kecemaran alam atau pollution yang telah dibiar berlaku terlalu lama. Soal menyelamatkan environment ini bukanlah tanggungjawab Kerajaan semata-mata. Dan bukan menjadi bebanan ahli sains, ecologist dan sebagainya. Seharusnya masalah ini patutlah menjadi tanggungjawab semua rakyat yang cintakan negara kita dan yang ingin menjaminkan alam yang lebih bersih dan nyaman untuk jenerasi akan datang. Saya berharap seniman kita yang sensitif dan yang sentiasa sedar tentang keperluan rohaniah kita akan memainkan peranan yang

penting dalam membawa kesedaran tentang pentingnya environment yang bersih kepada kita semua.

Peranan Balai Seni Lukis amat penting dalam sebuah negara yang membangun. Semasa Balai ini menimbangkan soal-soal melibatkan masyarakat dari semua golongan, ia juga bertanggungjawab memandu dan menetapkan standard yang wajar dalam tugas-tugasnya seperti menghakimkan pamiran ini. Ini adalah satu peranan yang agak bertelingkah, kerana standard yang ditentukan oleh Balai ini mesti menerima kepercayaan dan keyakinan bukan saja di kalangan pelukis-pelukis di negara kita sendiri, tetapi juga di luar negeri apabila negara kita mengambil bahagian dalam pamiran antarabangsa. Tegasnya, Balai Seni Lukis Negara tidak harus mengecualikan sesiapa pun.

Oleh kerana itu, kekuatan pertubuhan ini adalah bergantung kepada kebijaksanaan dan keahlian anggota Lembaga sendiri. Saya sukacita mendengar bahawa Lembaga ini mengutamakan peranan mendidik dan mengurangkan Seni Lukis Negara tidaklah dapat dinafikan. Oleh itu tanggungjawab ini hendaklah dipikul bersama oleh masyarakat supaya statusnya adalah benar-benar bermakna.

Satu daripada perkara-perkara yang ingin ditekankan ialah tidak bermakna sekiranya Balai ini semata-mata bergantung kepada Kerajaan dalam soal kewangannya. Semua Balai Seni Lukis Negara yang maju di dunia ini adalah mendapat penyertaan yang penuh oleh masyarakat. Sumber wangnya datang daripada sumbangan orang-orang hartawan yang membina Trust Fund atau Tabung Khas untuk satu-satu projek yang tertentu seperti untuk pembelian karya-karya dan sebagainya. Bagi pihak Kerajaan, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada suatu Foundation yang telah menderma sebanyak $250,000 untuk tabung bangunan Balai Seni Lukis Negara manakala satu Foundation yang lain menjanjikan $300,000 bagi tujuan yang sama. Saya berharap lebih banyak lagi hartawan-hartawan yang akan tampil ke hadapan untuk mengikuti contoh ini.

Sebelum saya mengisytiharkan pembukaan pamiran ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua mereka yang

berjaya memasuki pamiran ini samada mereka memenangi hadiah atau tidak. Kepada mereka yang tidak berjaya untuk memasuki Pamiran kali ini, saya harap mereka tidak akan putus asa tetapi akan sentiasa berusaha dengan lebih giat lagi dalam masa yang akan datang.

Seterusnya saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Lembaga Amanah Balai Seni Lukis Negara yang telah menjemput saya untuk membukanya. Saya berharap pamiran yang penting ini akan mendapat sambutan yang baik daripada penuntun-penuntun bukan saja dari sekitar Kuala Lumpur tetapi juga dari seluruh negara. Dengan itu, saya dengan sukacitanya mengisytiharkan Pamiran Pemandangan Alam Malaysia ini dibuka.

* *Ucapan di upacara Pembukaan Pameran Lukisan Pemandangan di Balai Seni Lukis Negara, Jalan Ampang Kuala Lumpur pada 17hb November 1972.*

THE CULTURAL PROBLEMS OF MALAYSIA

I AM VERY GLAD TO BE HERE TODAY and to be given the honour of opening your conference. I am sorry I am only here merely to declare open this conference. I wish that I had time to spend the next three days with you taking part in all your discussions.

The subject of your conference "The Cultural Problems of Malaysia in the context of South East Asia" is one, not only of tremendous interest to me personally but also of vital importance to the people of Malaysia and the future development of this country.

Malaysia, as most of you well know, is a multi-racial, multi-religious and multi-cultural country. It is a meeting place of the great cultures of the great countries of Asia — of India, China and the Malay-Polynesian region of Asia. Also in comparatively recent history, Malaysia has been the subject of cultural impacts and influences by countries of the Middle East and by European countries. Therefore Malaysia can truly be said to be the melting-pot of the cultures of the great world. You will therefore agree with me that cultural problems of Malaysia will make a very interesting study as Malaysia represents various cultures of Asia, the Middle East and Europe.

I must say this conference that you are now holding on the Cultural Problems of Malaysia is indeed timely. Since independence Malaysia has undergone rapid changes and development in various fields of activities. Our main problem and one uppermost in the Government's mind is the welding together of the various racial groups that have made this country their home and the object of their undivided loyalty. It has

always been the policy of this government, the Alliance Government, to maintain and strengthen good-will and understanding and frienship among our people of all races so that ultimately they will be able to regard themselves as members of one nation, as one people. This process must necessarily take time but it must be the unshakeable determination of all of us to move ahead towards this ultimate goal so that we can build a happy, prosperous and united country. Therefore in our task of building a united nation, development of culture is a problem to which we must pay due attention.

As I have said, Malaysia is a melting-pot of the most important cultural traditions in human history. Here the cultures of China, India, the Middle East, Europe and the indigenous Malay-Polynesian culture have come together into one area as nowhere else in the world. Therefore the challenge that faces the leadership of this country today is the development, and harmonization of the various cultures, so that we can evolve a truly national culture. That is why ever since our achievement of independence, the development of our culture has been the subject of discussion and thought, not only by the government but by various voluntary bodies. I am indeed happy there has been established now a Malaysian Society of Orientalists which I have no doubt will play a great part in helping to promote the study of cultures and languages of our multi-racial society.

In the development of our society our policy must be not to change existing patterns of our culture in the sense that we impose a new pattern of culture on to our people but we should rather develop existing traditions and the way of life, evolve them into a way of life that is compatible with modern development and with the national aspiration of our people.

The various parts of Malaysia had been subject to colonial rule for over a century. Fortunately under the British colonial rule our traditional way of life, our customs were allowed to remain and in many cases disturbed. Therefore with independence there came a general awakening among our people to evolve our own cultural identity as opposed to political and cultural domination by the colonial power.

Ever since we achieved independence, we have endeavoured to carry out development, to give our people greater opportunities in the various fields of activities and to give them a higher and better standard of living.

Our development programme does not only include the development of our economy and the development of a higher standard of living but also the development of other things essential to the people of a happy nation; the development of a free personality, free to smile, free to worship, free to talk, free to choose one's own way of life and free to advance by the application of one's own effort and ability.

We have to carry out all these developments through democratic processes. We have a democratic Constitution which not only guarantees every one of our citizens a rightful place in our country but also protects his rights and priviliges. We believe in the ideals of freedom, justice and fair play and these ideals are embodied in our Constitution.

It has therefore been the cardinal policy of the Alliance Government within the structure of our democratic Constitution to direct all our efforts in all our National policies towards creating strong, united and loyal citizens from the various races in our country. Our National Education Policy is aimed at bringing our children of all races together, learning the same things in the same way and under tha same roof so that they will feel they share the same ideals and the same destiny.

Ladies and gentlemen, we in the Government are most interested to know your views, your assessments, your findings of the various problems in cultural development of our country. We will be interested to know the cultural impact on nation building in a multi-racial society such as ours. We will be interested to know the ways in which we can change the attitude of our people, their approach to life so that they will be imbued with a spirit of self-reliance and self-respect. Our policy is not only to build a united people but also to make them stand on their own feet particularly those in the rural areas so that they will have self-reliance and self-respect necessary for a civilized and progressive nation. The progress of a nation is the sum-total

of the efforts of all its citizens and we must therefore be able to exhort every one of our citizens to do his or her best to make this country a happy place for our people and for our children in the years to come. Ladies and Gentlemen, having posed these various problems facing our country and our people, I have great pleasure in declaring your Conference open and wishing it all the success that it deserves.

Thank you.

* *Ucapan perasmian Persidangan 'The Cultural Problems of Malaysia in the Context of South East Asia' di Universiti Malaya Kuala Lumpur pada 22hb. Oktober 1965.*

THE IMPORTANCE OF MALAY CULTURE

Mr Chairman, Distinguished Delegates, Excellencies, Ladies and Gentlement,

It gives me real pleasure to declare open this Conference this morning.

I would like, first of all, to welcome distinguished delegates from various parts of the world who are here to attend this first International Conference on Malay Culture.

I would like to place on record the sincere appreciation of my Government and the people of Malaysia to UNESCO for having chosen our capital city, Kuala Lumpur, to be the venue of this historic Conference.

Only last August, barely five months ago, we held our first National Cultural Congress with the main aim of examining the fundamental basis and formulating guidelines for the creation of a Malaysian national culture. I had said, on that occasion, that the form and character of a nation's culture depended upon what the society had inherited from the past, and in the process, what it had assimilated and created to be passed down to the coming generations. The creation of a national culture therefore, is a continuing process of acceptance and rejection, subject to the test of time, and it can survive only so long as this process of transmission of its accumulated knowledge from our generation to the next continues without interruption.

However, in this relatively young nation of ours, with a multiracial character, we feel we should be relentless in our efforts to achievce national unity and establishing a national identity. In as much as we have adopted a national language — Bahasa Malaysia — and a national ideologi — Rukunegara — as

the incontrovertible unifying factor, the evolution of a national culture will be an unceasing preoccupation for the whole nation in the years ahead.

It gives me great pleasure, therefore, to be associated with the Malay Culture Project to be launched by this Conference for I sincerely believe that it bears direct relevance to our national objective.

Culture or civilization as defined by Tylor is that complex whole which includes knowledge, belief, art, law, morals, custom, and any other capabilities of man as members of society.

We in this region are very fortunate to have inherited an indigenous culture to high social, moral and artistic values. In the past, and even during our colonial past, these cultural values had ensured the calm and stable society. With the attainment of Independence, and the impact of socio-political and socio-economic changes brought about in its wake, we experience a deeper sence of cultural awareness as a manifestation of national independence and sovereignty.

It is openly admitted by modern writing that the nature of South-East Asian history has been particularly obscured because many writers have interested themselves primarily in external stimuli to the detriment of the study of indigenous institutions. In writing the history of the region, foreigners namely Europeons and other Asians are elevated beyond their position as principal actors on a common stage. A not-so-renowned writer on South East Asian affairs even went to the extreme of saying that the Malays have no history but piracy.

From this perspective, the indigenous people of this region have been reduced to passive receptors too weak to do more than reflect the brilliance of other civilizations. With regard to Malay Culture in particular, the general impression given is that this is nothing more than an extension of the rich Hindu and Buddhist cultures from the Indian sub-continent, and later subjected to the influence of Islam brought about by Arab traders. The fact is that the "Malay" settlers were already here living in organised societies long before the advent of the early Indian immigrants

to this region.

We can only presume that these early Proto-Malays had evolved a culture of their own, with characteristic strength and resilience to assimilate the influences of the immigrant culture.

It is this context that my Government welcomes the efforts by UNESCO to make a comprehensive study of Malay culture as an International effort. The importance and significance of this study has direct relevance not only to us in Malaysia but also to other South-Esat Asian nations. At regional level, I am confident that the project will futher strengthen the existing cultural links between us. It will inject the cultural dimension into regional co-operation and development. It will infuse a greater consciousness of a common cultural heritage and promote participation on a regional basis.

In fact, the Bangkok Declaration establishing ASEAN in 1966 includes provision for regional co-operation in cultural activities. The Malay culture project is, therefore, beneficial to us as it would help eradicate the devisive factors in the region brought about by Western colonialism. Although it is the primary responsibility of the people of this region, which is ourselves, to undertake this, we nonetheless welcome the participation of experts and learned dignitaries from outside the region in this exciting and noteworthy venture.

It is without doubt that the international study-project emanating from this Conference is made with full cognizance of the importance of Malay Culture. The clearly stated objectives are to examine the role of classical and contemporary Malay Culture in the development of civilization in South-East Asia and what is now Malagasy; to promote a deeper understanding of this culture both within and outside the region; and to encourage its development through co-operation amongst scholars, research institutions and other interested individuals and organisations.

We, on our part, eagerly look forward to see the result of this project for as I have indicated it will have far reaching implications beyond our time. Its immediate effect may well be a new orientation of school and university syllabi not only in

countries of this region but also in Asian Studies Centres all over the world. Last, but not least, it may exert eminent influence in formulating the cultural policy by some countries which will be an important contribution towards international understanding and in attaining universality.

I hope it will be possible through this collective international effort to conceptualise Malay culture. For long, it has been too loosely defind and thereby poorly understood even by our people in this region. We know that at one time the boundaries of Malay cultural influence extended far beyond the South-East Asian region to the present Malagasy Republic. Without being atavistic, I may also point out that Malay was the lingua-franca of trade and commerce from Persia to the Philippines. In fact, according to the Ducth Historian, Francis Valentyne, even as late as 1700, the criterion of an educated man was his knowledge and fluency in the Malay language.

The study-project, which I believe will be undertaken jointly by experts from within and from outside the region, will bring forth new knowledge and information elevating Malay culture to its rightful status among other cultures of the world. As experts in various fields, distinguished delegates participating in this Conference will be breaking new grounds and establishing new landmarks in the history of civilization. Yours is a heavy burden of responsibility as you carry the hopes and aspirations of 200 million people of this region.

On that note, I am happy to declare the Conference open and I wish you all success in your deliberations.

* *Ucapan di Majlis Perasmian persidangan 'The International Conference on Malay Culture' di Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur pada 21hb Januari 1972.*

Lampiran A

BELIA-BELIA MELAYU DENGAN PERSURATAN.

PADA keluaran THE MALAY. COLLEGE MAGAZINE kali ini tergerak hati sahaya hendak menuliskan sadikit bagi pandangan sahaya di-atas belia-belia Melayu yang berpelajaran Inggeris zaman sekarang di-dalam bahagian persuratan bahasa-nya. Maka di-harapkan boleh kira-nya di-masa yang lapang bagi menjadi bachaan saudara-saudara sakalian yang maseh di-bangku sekolah-nya lagi sa-mentara tempoh menempoh dunia kerana melayarkan bahtera kehidupan belum tiba ketika-nya. Mudah-mudahan; pada suatu masa di-hadapan kelak, dapat-lah kita bersama-sama melihat bertambah banyak bilangan orang-orang muda kita yang bekerja kuat bagi menegapkan semangat sama-sama bangsa-nya kerana watan kita Semenanjong yang di-kasehi ini.

Ada pun nampak-nya kebanyakan pemuda-pemuda Melayu zaman sekarang ini yang sudah bersekolah Inggeris konon tidak-lah berapa lagi mengendahkan akan buku-buku dan surat-suratan sa-umpama surat khabar dan majallah bahasa-nya sendiri. Ada yang memikirkan, bahawa dengan sebab memegang surat khabar Melayu di-hadapan mata orang ramai boleh jadi jatoh mutu dan darjah diri-nya, dan sa-tengah-nya berkata, surat-surat khabar Melayu tiada berisi ilmu pengetahuan yang boleh menghidupkan semangat dan fikiran yang bernas. Maka yang lebeh ta' elok-nya lagi ia-lah menchercha pula dengan perkataan mengatakan surat-surat khabar dan barang sa-bagai-nya yang ada dalam bahasa Melayu penoh dengan chakap-chakap kosong dan perkara-perkara yang ta' ka-mana sampai-nya.

Maka sunggoh pun ada juga sadikit benar-nya tudohan ini, tetapi sukachita-lah sahaya berkata, bahawa macham mana pun hal-nya, maka ia-nya haq kita juga; sebab ada bahasa Melayu ia-lah kerana ada orang Melayu, meski pun sejarah-nya mengatakan penoh dengan champoran bahasa-bahasa dagan, sa-umpama bahasa Sanskrit, Arab, Hindi, Farsi, China, Portugis, Belanda dan sekarang banyak champoran bahasa Inggeris pula, tetapi ia-lah bahasa yang di-tutorkan oleh orang-orang kita (kechuali bahasa Eropah) sa-menjak berzaman-zaman dengan faseh mengikut pelat Melayu.

Ada pun belia-belia dan pemuda-pemuda yang berpelajaran Inggeris pada masa sekarang ada-lah di-jumlahkan ia-nya ka-dalam hitongan orang yang berilmu, kerana tidak shak segala ilmu pengetahuan yang seni-seni boleh belaka di-dapati-nya daripada buku-buku bahasa Inggeris. Tetapi bukan-kah kelak malu juga jika di-sisi jumlah puak kaum berpelajaran konon itu jahil di-dalam bahasa-nya sendiri terlebeh daripada orang tua-tua Melayu yang di-katakan kunu atau orang yang tiada berpelajaran itu?

Maka tudohan dan pandangan rendah kapada bahasa Melayu itu pada fikiran sahaya terjadi bukan-lah kerana apa, melainkan ia-lah sebab kejahilan mereka juga di-dalam bahasa-nya sendiri. Mereka tiada mengenal akan bagaimana manis-nya dan halus-nya bahasa persuratan Melayu; mereka

hanya-lah mendapat pelajaran bahasa Melayu-nya sa-kadar Darjah III atau IV sahaja di-sekolah Melayu (darjah yang belum boleh membacha dan mengeja serta mengarang bahasa Melayu dengan sempurna), kemudian terus-lah sahaja masok ka-sekolah Inggeris. Maka pada masa itu di-tinggalkan-nya-lah pelajaran Melayu-nya itu dengan tiada berusek-usek, hingga ia-nya meningkat ka-Darjah VIII atau IX di-sekolah Inggeris (kechuali di-College ini) baharu-lah di-buka-nya balek, itu pun sa-kadar hendak lulus dalam pepereksaan Cambridge-nya sahaja—bukan sa-benar-nya di-buat kerana tarekan perasaan kegemaran mahu tahu selok belok bahasa-nya itu. Maka dengan mempelajari nahu-nya sadikit-sadikit dalam bahasa Inggeris (pada hal kebanyakan tiada pula faham menjalankan-nya dalam bahasa Melayu) dan boleh menterjumah daripada bahasa Inggeris ka-bahasa Melayu dengan ayat-ayat yang telor bunyi-nya atau sa-tengah-nya sa-kadar boleh di-tangkap sahaja maana-nya, maka keluar-lah ia ka-dunia yang lapang dengan pelajaran Inggeris-nya itu di-jadikan perkakas jadi jalan membetulkan taraf dan darjah diri-nya. Maka kekal-lah hal-nya demikian dari suatu masa ka-suatu masa, hingga yang ada, sa-makin lama masa di-lalui-nya, sa-makin jauh dan sayup bahasa-nya Melayu itu di-pandang-nya. Pada hal-nya ini-lah masa-nya yang patut benar bagi-nya berapat-rapat dengan persuratan Melayu-nya yang maseh bengkalai lagi itu.

Maka kurang-lah patut-nya demikian. Bagi belia-belia yang di-bangku sekolah sukachita-lah sahaya berkata, bahawa sunggoh pun tempoh sekolah Melayu tuan-tuan terpaksa di-singkatkan kerana hendak merebut peluang mempelajari bahasa Inggeris, tetapi jangan-lah lupa berjinak-jinak dengan suratan Melayu. Untokkan-lah masa pada tiap-tiap hari, walau pun sa-kejap, bagi membacha-bacha atau menulis atau menyiasat bahasa Melayu kita. Kemudian hari kelak tahu-lah tuan-tuan bagaimana rupa-nya bahasa Melayu yang di-katakan ada kechantekan-nya itu.

Bacha-lah surat-surat khabar dan majallah Melayu. Surat-surat khabar Melayu hari ini pada bahagian kandongan-nya tiada-lah berapa benar kurang-nya daripada surat-surat khabar Inggeris; bahkan surat-surat khabar Melayu-lah yang sangat-sangat mengambil berat bekerja menyiarkan fikiran ummat Melayu raya pada masa ini. Dengan membacha-nya sahaja, lain daripada tuan menolong perusahaan kerana kebajikan ramai, maka ada-lah tuan saperti sentiasa berhubong fikiran atau perasaan dengan kaum tuan yang ramai.

Wartawan-wartawan Melayu qurun kedua puloh ini hidup perasaan-nya. Perusahaan-nya di-dalam bahagian hendak memperluaskan bahasa Melayu sangat besar. Apa-kah tujuan wakil-wakil akhbar Melayu mengadakan perkumpulan di-Singapura sadikit minggu dahulu? Maka jawab-nya tiada-lah lain daripada tujuan hendak menubohkan kesatuan kerana menchari persamaan di-dalam lengkongan persuratan Melayu. Maka Kesatuan yang sa-umpama ini, jika berjaya, maka mutu-nya akan kembali kapada orang-orang Melayu sendiri. Tetapi sa-balek-nya boleh-kah chukup berjaya, kira-nya orang-orang Melayu yang berpelajaran tinggi dalam bahasa Inggeris pada hal tiada banyak yang mengambil berat atas sa-suatu pergerakan bahasa-nya sendiri? Sama-sama-lah kita jawab di-dalam hati.

Agak-agak-nya sudah mendengar belaka akan nama-nama Maxwell, Shellabear, Marsden, Wilkinson, Blagden, Winstedt dan berpuloh-puloh lagi tuan-tuan Pegawai kulit puteh yang sangat mengambil berat menyiasat akar umbi dan rumpun bahasa Melayu. Maka sakalian-nya itu tiada-lah akan tergerak hati-nya, melainkan kerana banyak perkara-nya dan rahsia-nya yang ada di-dalam bahasa Melayu itu boleh di-kutip dan di-kumpulkan. Sekarang lihat-lah, sedangkan orang lain lagi sangat mengambil berat di-dalam perkara persuratan kita, maka betapa pula patut-nya kita, tuan punya-nya sendiri. Balek-balek mereka pula lebeh pandai daripada kita sendiri.

Ada pun buku-buku di-dalam bahasa Melayu memang-lah kekurangan. Darjah kandongan-nya betul banyak yang rendah, tetapi kechantekan-nya masch kekal juga. Perhatikan-lah buku-buku Melayu yang lama-lama. Maka jalan hendak mendapat buku buku yang mengandongi fikiran tinggi hanya-lah dengan peranteraan tuan-tuan pendeta Melayu yang berpelajaran tinggi dalam bahasa Inggeris atau lain-lain bahasa yang maju sahaja, lain tidak. Maka ini-lah sahaya berfikir sangat patut-nya belia dan pemuda-pemuda hari ini memandang kapada bahasa-nya sendiri. Jadikan-lah pengetahuan Inggeris itu kemudian hari (lain daripada kemustahakan kerana jawatan yang khas) saperti sahabat yang menolong membanyakkan buku-buku dan persuratan Melayu kerana menyampaikan fikiran dan pelajaran kapada orang-orang Melayu yang ramai yang tiada berpengetahuan Inggeris. Orang-orang kita Melayu terkenal bangsa yang terkemudian sa-kali dalam perlumbaan kemajuan di-tanah ayer-nya sendiri pada hari ini. Sedang kekurangan ilmu pengetahuan, kekurangan kuat kuasa dan kekurangan serba serbi-nya. Kita hendak-lah berlari, bukan berjalan merangkak-rangkak, balek-balek di-situ juga.

Al-hasil, berat tanggongan belia-belia dan pemuda-pemuda, kerana kapada-nya-lah tersandar kehidupan marwah bangsa-nya yang kuchar kachir pada masa ini. Mari kita belajar bersama-sama dan hidupkan perasaan suka berbantu-bantuan sa-mentara ada masa lagi, mudah-mudahan jadi-lah kita orang yang tegap dan kuat memikul beban yang berat yang akan kita tanggong kelak, ada-nya.

A. Razak bin Husin,

Prob. M.A.S.

Nasionalisma Melayu dipelopori dan didokongi oleh rakyat jelata dan dari awalnya selalu mempunyai nada kebudayaan yang amat kuat. Tetapi apabila golongan teknokrat–birokrat Melayu mengambil alih pimpinan nasionalisma dan pemimpinan negara merdeka pada akhir tahun 50-an, nada kebudayaan ini dikurangkan. Penyata-penyata tentang cita-cita Bahasa Kebangsaan dan Pelajaran Kebangsaan ditulis, tetapi ini tidak pernah dilaksanakan dengan tegas atau dengan sepenuh hati.

Dilihat di dalam perspektif yang seperti ini, maka minat dan penglibatan peribadi Allahyarham Tun Abdul Razak di dalam lapangan kebudayaan, dan perlaksanaan tugas cita-cita kebudayaan semasa pemerintahannya dalam tahun 70-an ini adalah sesuatu yang luar biasa dan mengkagumkan.

Segala-galanya seolah-olah terjadi dalam jarak masa lima tahun yang lampau: Kongres kebudayaan kebangsaan dan penerusan cita-citanya dengan tegas oleh Kementerian Kebudayaan, perlaksanaan cita-cita Bahasa Kebangsaan di dalam pemerintahan dan pendidikan, dan penggiatan perkembangan Kesusasteraan Kebangsaan melalui Penal Hadiah Sastera dan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Melalui perhatian peribadinya Allahyarham Tun telah memberikan martabat dan digniti kepada Kesusasteraan Kebangsaan kita kini telah mencari satu kedudukan yang paling tinggi yang pernah dirasai selama ini.

Melalui penglibatan Allahyarham Tun, maka para teknorat kita kini telah kenal dan hormati sastera dan sasterawan Kebangsaan walaupun saya percaya kebanyakannya belum lagi membacanya, ataupun terlibat di dalam perkembangannya secara emosinil.

Zaman Tun adalah zaman 'pembirokrasian' sastera, sesuatu yang amat penting untuk melibatkan Kerajaan. Tetapi di dalam pembinaan kebudayaan kreatif, yang lebih penting ialah peringkat perkembangan yang kedua, yang tidak sempat dilaksanakan oleh Allahyarham Tun semasa hayatnya, iaitu menggiatkan inisiatif dan partisipasi rakyat jelata itu sendiri. Oleh itu, saya rasa, kita akan memberi penghormatan dari erti yang amat besar terhadap cita-cita Allahyarham Tun, jikalau dasar kebudayaan kerajaan kita sekarang menuju ke arah itu – yakni memberi sokongan yang sepenuhnya terhadap gerakan-gerakan kebudayaan dari rakyat dan menggunakan seluas-luasnya infrastruktur kebudayaan yang telah dengan amat baik dibentuk oleh rakyat sendiri."

PROF DATUK ISMAIL HUSSEIN
Berita Minggu, 25 Januari, 1976